

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 19**

**Rabu**

**5 Disember 2012**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2013

(Halaman 31)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 42 & 97)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 5 Disember 2012**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kita daripada segi pertanyaan-pertanyaan bahagian jawab lisan ini, sukacita saya memohon kerjasama daripada semua pihak terutama sekali kepada Yang Berhormat yang bertanya. Kedua, jawapan daripada pihak kementerian. Apakah salahnya kalau kita bersama-sama beriltizam untuk dapat menjawab lebih banyak soalan. Dengan ini, kerjasama ini perlu saya mohon daripada semua pihak, jawab soalan yang telah dikemukakan dan juga jawapan daripada kementerian pun kalau boleh jangan terlalu panjang. Beri peluang kepada soalan tambahan itu. Saya hendak kalau boleh perkara ini dapat kita sama-sama hayati untuk kebaikan bersama. Sekian.

**1. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Ketua-ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai-pegawai yang terlibat di dalam amalan rasuah seperti yang telah dilaporkan SPRM bahawa daripada tahun 2009 sehingga Julai 2011, hanya 380 (37%) daripada 1026 kes telah diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan pada tahun ini kadar tindakan hanya 5% daripada 126 kes yang dilaporkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila siasatan sesuatu kes rasuah selesai, ia akan dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara yang akan membuat keputusan sama ada seseorang yang dituduh itu akan didakwa di mahkamah ataupun tidak. Sekiranya tidak dibuat pendakwaan tetapi wujud *prima facie* kes kesalahan dan pelanggaran yang jelas di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), maka satu laporan SPRM akan dikemukakan oleh pihak SPRM kepada ketua jabatan berkenaan bagi perakuan tindakan tatatertib.

Namun, SPRM tidak mempunyai kuasa perundangan atau pentadbiran untuk menentukan jenis hukuman tatatertib bagi sesuatu kesalahan yang dilaporkan. Ini disebabkan kuasa menjatuhkan hukuman terletak kepada Jawatankuasa Penyiasatan Tatatertib dan Lembaga Tatatertib. Perkara ini dinyatakan dengan jelas mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Pegawai Awam 2002 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat bertarikh 23 Oktober 2012 iaitu pada tahun ini kepada semua ketua jabatan agensi berhubung dengan tindakan tatatertib terhadap penjawat awam hasil laporan yang dikemukakan oleh SPRM yang mengingatkan kepada semua ketua jabatan agensi supaya mempercepatkan siasatan bagi kes-kes yang dirujuk oleh pihak SPRM dan mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) masing-masing untuk tindakan tatatertib. JPA juga berharap agar PBTT dapat mengambil tindakan serta mengenakan hukuman tatatertib yang setimpal terhadap kes-kes yang dirujuk oleh SPRM setelah pertimbangan yang adil dan saksama dibuat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak rakyat Malaysia yang terdiri daripada ahli-ahli intelektual, profesional dan NGO, mengatakan kita mempunyai undang-undang yang mencukupi dan undang-undang ini dipinda dari semasa ke semasa, akan tetapi kita lemah daripada segi tindakan ataupun *enforcement*, dengan izin ataupun tindakan susulan. Itulah sebabnya kadangkala rakyat merasa tidak berpuas hati ataupun *frustrated*. Apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato atas soalan tambahan ini. Kita kena faham apabila sesuatu kes telah pun disiasat dan dibawa ke mahkamah, itulah tindakan susulan yang kita dapat ambil selepas kes itu telah pun disiasat. Penguatkuasaannya akan tercapai apabila sesuatu kes yang didakwa di mahkamah dan pihak pendakwaan telah menang. Jadi dalam kes *enforcement* ini, kita kena lihat daripada apa yang berlaku di mahkamah. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa dalam bebanan prosiding di mahkamah, pihak pendakwaan mengadakan beban yang tinggi iaitu membuktikan kes *beyond reasonable doubt* manakala pihak tertuduh hanya kena menimbulkan *reasonable doubt* untuk membebaskan diri daripada pertuduhan.

Jadi, kita kena faham bahawa dalam kes-kes tertentu, mereka berhak untuk melantik peguam yang mereka – mereka mempunyai pilihan. Ini adalah dilindungi oleh perlembagaan, *where every accused have the rights to counsel*. Jadi mereka bolehlah melantik peguam yang terkenal dari Malaysia ataupun di dunia. Ini selalunya *subject to cost*lah sekiranya mereka mampu membayar. Jadi dalam keadaan begitu, memanglah peguam yang telah pun dilantik itu akan cuba sedaya-upaya agar anak guaman mereka menang dalam kes pertuduhan jenayah di mahkamah termasuklah kes-kes rasuah. Jadi kita kena faham dan juga dalam banyak kes-kes tertentu kita dapat lihat di mana saksi-saksi telah pun

tidak bekerjasama dengan pihak pendakwaan dan juga mana-mana saksi telah pun *turn hostile* terhadap pendakwaan dan telah pun memberi keterangan yang tidak konsisten.

■1010

Jadi mengikut prinsipal perundangan dalam kes begitu, kita boleh katakan bahawa pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan kes dengan *prima facie* dan mahkamah terpaksa melepaskan mereka daripada pertuduhan. Jadi dalam kes-kes seperti demikian menjadikan satu persepsi kepada rakyat bahawa *enforcement* kerajaan dalam perkara ini tidak mencukupi. Akan tetapi kita kena faham bahawa faktor-faktor yang tertentu kita dapat lihat dan juga kita dapat lihat yang mana saksi kadang-kadang tidak menghadirkan diri ke mahkamah dan ini melemahkan kes-kes pendakwaan.

Dalam kes sedemikian pada setakat ini kita ada akta seperti *Witness Protection Act* di mana saksi akan diberi perlindungan sekiranya mereka datang ke mahkamah memberi keterangan. Jadi dengan undang-undang yang telah pun sedia ada seperti Yang Berhormat telah pun kata memang mencukupi tetapi subjek kepada faktor-faktor yang saya katakan tadi yang boleh menjejaskan ataupun melemahkan kes-kes pendakwaan dan ini menjadi satu persepsi kepada rakyat bahawa *enforcement* ini konon tidak mencukupi. Sekian.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan laporan SPRM yang ramai terlibat dengan gejala rasuah adalah orang Melayu, yang kebanyakannya berkhidmat dalam sektor awam di kalangan pegawai tinggi kerajaan dan pihak penguatkuasaan. Manakala kaum-kaum lain yang terlibat dalam gejala rasuah kebanyakannya dalam sektor swasta atau orang awam. Soalan saya mengapakah situasi ini berlaku dan apakah penyelesaiannya? Adakah ajaran Islam mengharamkan rasuah telah dihayati sepenuhnya? Adakah cadangan daripada kementerian untuk mengekalkan keharmonian kepada perkara-perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Kita kena faham bahawa dalam penjawat awam ini memang diduduki dengan ramai bumiputera. Daripada segi statistik, tidak hairanlah sekiranya statistiknya tinggi daripada kaum-kaum yang lain. Saya rasa kita tidak bolehlah menjadikan itu sebagai satu isu. Ini kerana dalam kes-kes jenayah ini ia akan merangkumi semua lapisan penduduk masyarakat di negara ini yang tidak mematuhi perundangan yang sedia ada dan melanggar perundangan. Jadi kita berilah nasihat kepada semua lapisan masyarakat asal janganlah langgar undang-undang dan patuhi dengan undang-undang yang sedia ada dan menjalankan satu kehidupan yang wajarlah sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab. Itu sahaja saya dapat jawab. Terima kasih.

2. **Dato' Lim Nget Yoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan, bilangan guru dibawa dari luar sekolah untuk mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kerajaan. Berapakah jumlah gaji dibayar kepada guru-guru ini dalam sebulan.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melantik tiga buah syarikat sebagai vendor untuk mengendalikan Program Penutur Jati bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Seramai 360 orang penutur jati telah dilantik sebagai mentor di 1,800 buah sekolah rendah seluruh negara, manakala 15 orang lagi dilantik sebagai *teaching fellows* iaitu TF di lima buah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dikenal pasti sebagai pusat kecemerlangan bahasa Inggeris.

Peranan utama Mentor dan TF adalah untuk meningkatkan kapasiti guru dan pensyarah bahasa Inggeris dari segi pedagogi serta menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar dan berkesan, Kementerian Pelajaran membuat pembayaran kos pengurusan dan emolumen secara bulanan kepada pihak vendor. Amaun yang dibayar kepada ketiga-tiga buah syarikat tersebut adalah RM90 juta setahun setiap satu. Imbuhan gaji yang telah dibayar kepada penutur jati dibuat berdasarkan kelayakan dan pengalaman mereka.

Anggaran gaji penutur jati ialah antara RM12,000 hingga RM15,000 sebulan ataupun ditukar menjadi *pound* ialah lebih kurang GBP2,500 hingga GBP3,000. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan gaji dibayar kepada guru-guru asing akan dihantar balik ke negara masing-masing yang ini merupakan kerugian negara kita. Jadi program itu bukanlah program yang terbaik untuk berterusan. Jadi soalan saya ialah apakah langkah-langkah lain daripada itu yang boleh diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato', apa yang dilakukan oleh kementerian sebenarnya adalah satu langkah penjimatan. Seandainya kita menghantar guru-guru ini dilatih di London ataupun di Australia, kosnya lebih tinggi. Apa yang dilakukan sekarang ialah 1,800 buah sekolah rendah, kita menghantar 360 penutur jati dan mereka ini dihantar sebagai jurulatih utama. Kita dalam perancangan kita, kita hanya menggaji mereka selama tiga tahun. Melihat keberkesannya kita menetapkan apakah KPI.

Saya beri satu contoh, kalau kita memperkenalkan *Career Professional Development* dengan izin atau CPD, kita mensyaratkan penutur jati ini, mereka perlu melakukan CPD ini dalam kalangan guru. Mereka terpaksa mengendalikan kerana kita mahu supaya cara yang terbaik dari segi amalan terbaik pedagogi, bagaimana hendak mengajar kesemua ini dapat kita salurkan kepada guru-guru yang sedang mengajar bahasa Inggeris, itu pertama kalau berbanding dengan kalau kita hantar guru kita melakukan latihan di luar negara, itu pertama.

Kedua, ada satu pandangan ialah kita menggaji guru daripada luar negeri tetapi kalau secara tetap kita hendak membayar atau bayangkan setiap sebuah sekolah ini kita bagi seorang guru orang asing dan ini akan meningkatkan kosnya. Secara pendeknya ingin saya mengatakan bahawa kita tidak memilih dua pendekatan yang saya katakan tadi, kita hanya melantik 360 orang penutur jati. Pada waktu

yang sama kita bagi satu tempoh 36 bulan mensyaratkan apa yang perlu dilakukan dan kita membuat pemantauan, sebelum pembayaran dibuat kepada syarikat tersebut, dia perlu memenuhi KPI kita. Jadi nampaknya ketiga-tiga syarikat ini apabila mereka membekalkan guru, kita ada syarat kita macam dalam kalangannya ada orang Amerika, contoh. Akan tetapi mereka mestilah melalui satu sistem pembelajaran bahasa Inggeris British, ia adalah satu sistem yang digunakan di sini. Jadi kita memang melihat supaya tidak bercelaru dari segi nahu bahasa dan juga gayanya.

Saya rasa dalam kes ini, Kementerian Pelajaran telah menetapkan tahun 2013 sebagai tahun terakhir untuk mereka menyampaikan segala ilmu. Kita juga menggunakan pakar-pakar ini mengajar mereka *phonics for reading* dengan izin, untuk mengajar mereka membuat satu *pronunciation* atau sebutan yang baik. Jadi saya rasa inilah...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh saya tanya? Mencilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dia sedang jawab, selepas ini.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap ya, mana tadi. Membuat sebutan yang baik dan kita juga mensyaratkan supaya penutur jati, mereka melihat KSSR kita bagaimana mereka dapat memasukkan elemen *fun learning* ataupun mereka dapat memasukkan elemen hiburan didik. Ini yang kita hendak masukkan dan dengan bantuan daripada mentor ini dan dengan adanya 15 orang lagi *teaching fellow* yang kita letakkan di IPGM, saya rasa satu perancangan daripada atas hinggalah ke sekolah kita dapat lakukan. Terima kasih.

#### ■1020

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang *outsourcing* atau pengajaran bahasa Inggeris tadi melalui vendor. Tiga vendor yang telah dilantik. Soalan saya, apakah rasionalnya kementerian melantik ataupun menggunakan vendor. Tidak sebaliknya, secara terus dilantik terus oleh kementerian dalam hal ini. Kenapa perlu ada orang tengah. Yang kedua, sejauh mana mekanisme ataupun sistem yang digunakan ini tadi iaitu melalui vendor ini berjaya menepati objektif ataupun sasaran yang diharapkan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang cukup relevan di mana ramai yang bertanya kenapa kita memilih tiga syarikat. Saya bagi satu contoh, *British Council*. Kita menggunakan perkhidmatan *British Council* untuk kita mencari guru yang betul-betul layak dan kedua, yang mempunyai pengalaman yang cukup baik. Kalau kita mencari atau gunakan secara pengiklanan, mungkin dari segi kita hendak tahu pengalaman seseorang itu tidaklah kalau berbanding dengan *British Council*, mereka selama ini memang berpengalaman. Cara kerjanya adalah untuk melatih ataupun mengajar bahasa Inggeris. Jadi, saya rasa mereka mempunyai *database* yang cukup dan mereka boleh memilih dalam kalangan yang terbaik untuk mengajar. Itu yang pertama.

Yang kedua, dari segi keberkesanan. Kementerian Pelajaran dalam perancangan untuk kita membuat satu penilaian atau *evaluation* yang kita hendak melihat macam mana keberkesanan ini. Kita

hendak melihat selepas 2013 ini adakah apa yang diidam-idamkan oleh kementerian ini dapat kita capai hasratnya. Kita sedang melihat setiap satu KPI. Saya beri satu contoh, kalau kita lihat dari segi KPI yang pertama dan kedua, dari segi 75 jam input profesional.

Adakah dari segi jumlahnya, berapa yang telah kita latih dan kita hendak meningkatkan daripada 65% kepada 85%. Ini sebagai contoh, 75 jam setiap orang. Kedua, dari segi penambahbaikan P&P, apa yang dilakukan. Ketiga, peningkatan *proficiency* guru itu sendiri dan penyediaan bahan untuk P&P. Semua ini kita lihat adakah guru ini betul-betul dapat menyesuaikan diri.

Satu lagi pemerhatian kita ialah guru ini bukan sekadar mengajar. Ada yang sehingga mereka sampai kalau di hantar ke rumah panjang, mereka dapat bergaul dengan baik dengan masyarakat di situ. Termasuklah mereka dipelawa atau mereka mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan penghuni di sana. Mereka juga menyampaikan ilmu, cara untuk meningkatkan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar di kawasan-kawasan pedalaman ini. Saya rasa ini satu contoh yang baik, inisiatif yang patut kita galakkan. Kita akan melihat *post mortem*nya, bagaimana kita hendak memperbaiki. Selepas itu, di mana arahnya. Kita hendak lihat apa yang diserap oleh guru kita. Adakah sama dengan yang apa yang kita harap-harapkan dan ini dalam peringkat kajian. Terima kasih.

**3. Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan mengenai, apakah penemuan yang telah diperolehi hasil daripada penerokaan kita ke angkasa lepas melalui Datuk Dr. Sheikh Muzaffar yang dibekalkan dengan berbagai spesimen tumbuhan dan makanan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Angkasawan Negara Pertama melibatkan komponen-komponen program yang berikut:

- (i) program latihan angkasawan di Rusia;
- (ii) pelancaran dan misi di Stesen Angkasa Antarabangsa (*International Space Station - ISS*), dengan izin, dan pendaratan;
- (iii) program pendidikan dan kesedaran awam angkasawan; dan,
- (iv) eksperimen mikro graviti.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, eksperimen mikro graviti semasa Program Angkasawan Negara Pertama tidak melibatkan sebarang spesimen tumbuhan. Makanan yang dibawa adalah sebagai bekalan makanan angkasawan di ISS di samping bertujuan untuk mengkaji kesan mikro graviti ke atas rasa makan tersebut. Di bawah seliaan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), sektor pembangunan makanan telah dapat dimajukan melalui penghasilan makanan angkasawan yang mencapai taraf *space qualified*, dengan izin. Sesuai dan mematuhi semua piawaian antarabangsa termasuk daripada segi teknik pembungkusan.

Ciri ketat yang dikenakan di bawah piawaian antarabangsa adalah untuk memastikan makanan tersebut dipelihara ataupun *preserved*, dengan izin, untuk jangka masa satu tahun. Hasil daripada

teknologi pemeliharaan makanan yang telah dibangunkan ini seterusnya dapat digunakan untuk menambah nilai *shelf life* makanan tempatan dan seterusnya meningkatkan lagi nilai komersial produk makanan di pasaran.

Bagi eksperimen mikro graviti pula, ia dijalankan dalam tempoh kajian yang pendek iaitu selama lapan hari. Secara ringkasnya, pencapaian kajian semasa Program Angkasawan Negara Pertama ialah pertama sebanyak lapan *patent* telah difailkan di Malaysia dan antarabangsa. Kedua, satu cap dagangan telah didaftarkan dan ketiga, satu *spin-off* kini berada dalam peringkat akhir penyelidikan untuk dikomersialkan iaitu *portable sterilizer* dan *lamina hood sterilizer*.

Tuan Yang di-Pertua, Program Angkasawan Negara Pertama telah membuka jalan bagi aktiviti kajian saintifik di ISS diteruskan tanpa memerlukan penghantaran angkasawan ke angkasa. Selepas Program Angkasawan Negara Pertama, Malaysia telah bekerjasama dengan negara Rusia dan Jepun melalui program MAS500, Program Penghabluran Protein di ISS, Program *Parabolic Flight* dan Program *Malaysian Space Seeds*.

Pada tahun 2011, Malaysia telah menghantar biji benih cili tempatan untuk didedahkan kepada sekitaran mikro graviti di ISS di bawah Program *Malaysian Space Seeds*. Sebanyak 45 buah sekolah telah mengambil bahagian dan membuat pemerhatian berkaitan kesan sekitaran mikro graviti ke atas pokok cili tempatan serta hasilnya. Biji benih cili ini merupakan ciri keluaran MARDI dan penyelidik MARDI telah membuat kajian DNA terhadap biji benih yang dibawa ke ISS. Ianya menunjukkan tiada perubahan yang signifikan berlaku terhadap biji benih biasa di bumi. Terima kasih.

**4. Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sebab sebenar sesuatu perkataan bahasa Melayu tidak digunakan dan diganti dengan perkataan atau istilah bahasa asing dan apakah kementerian tidak berhasrat untuk mempertahankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di UKM apabila ia membuka pintu untuk pelajar asing di peringkat Sarjana Muda kelak.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

*Yang kurik itu kendi,  
Yang merah itu saga,  
Yang baik itu budi,  
Yang cantik itu bahasa.*

Sebab-sebab mengapa perkataan Bahasa Melayu tidak digunakan dan digantikan dengan perkataan atau istilah bahasa asing itu pelbagai. Satu daripadanya ialah sikap masyarakat yang mengambil mudah terhadap perkataan Bahasa Melayu lalu mereka menggunakan sahaja istilah dalam bahasa Inggeris untuk kegunaan-kegunaan harian mereka mahupun dalam kegunaan-kegunaan profesional mereka.

Yang kedua ialah pengaruh langsung daripada arus globalisasi yang berlaku kini yang menyebabkan Bahasa Melayu diterjah oleh pengaruh bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Yang ketiga ialah persepsi masyarakat yang menganggap penggunaan Bahasa Melayu tidak selaras dengan zaman atau tidak mendepani zaman. Di samping itu, saya percaya ada juga sebab-sebab yang lebih saintifik di kalangan ahli-ahli bahasa kenapa sesetengah istilah itu mereka tidak menggunakan istilah daripada Bahasa Melayu.

Dalam konteks yang kedua itu Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ahli-ahli bahasa dan golongan profesional, pakar istilah, melakukannya itu dengan penuh rasa cemburu, yakni mereka hanya akan menggunakan istilah dalam bahasa yang lain setelah tidak dapat menjumpai atau mereka istilah dalam Bahasa Melayu terutama dalam bidang-bidang yang sangat khusus.

Berkenaan bahasa pengantar di IPTA pula, saya suka maklumkan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masih kekal menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di universiti tersebut. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris dan bahasa lain turut digunakan dalam mengendalikan beberapa program pengajian sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran.

#### ■1030

Sebahagian besar program pengajian di UKM masih kekal menggunakan bahasa Melayu. Ini seiring dengan misi UKM dan sejarah penubuhan UKM yang Yang Berhormat dan kawan-kawan, aktivis mahasiswa pada masa itu terlibat dalam penubuhannya. Misinya untuk menjadikan universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta menyejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik UKM.

Pada masa ini, bagi pelajar-pelajar antarabangsa di UKM, mereka diwajibkan mengambil kursus bahasa Melayu yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Umum (PPU) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan tentang istilah itu memuaskan, jadi saya tidak akan menyoal mengenainya. Tentang penggalakan pelajar-pelajar daripada luar itu, saya tidak khususkan hanya pada UKM dalam soalan ini tetapi lebih luas lagi. Memang baik kalau kita boleh dapat mengambil pelajar-pelajar dari luar untuk menimbulkan suasana *competition* dan sebagainya di universiti asalkan dia tidak merampas peluang bagi pelajar-pelajar tempatan yang berkelayakan. Akan tetapi yang lebih penting lagi ialah ada pandangan dan ini termasuk dari saya juga, bahawa penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di universiti-universiti semakin merosot. Jadi bagaimanakah hendak dijamin supaya ada keseimbangan apabila masuk pelajar-pelajar luar, ia tidak akan menjejaskan kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pada bulan Oktober tahun 2011, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan satu dasar yang dipanggil Pelan

Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPT tempatan. Pelan ini mempunyai empat objektif strategik iaitu:

- (i) mengukuhkan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (ii) mengukuhkan Bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan;
- (iii) meningkatkan pengiktirafan akademia Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu; dan
- (iv) meningkatkan pengantarabangsaan Bahasa Melayu.

Ini dilancarkan untuk tahun 2011 hingga 2015 dan selepas itu kita akan mengkaji sejauh mana keberkesanannya.

Suka saya berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, terbaru ini kita ada merayakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat KPT dan pada waktu itu kita antara lain memberikan hadiah galakan khas jurnal yang menggunakan Bahasa Melayu di peringkat global. Ini sebagai contoh bagaimana kita berusaha untuk menggalakkan ahli-ahli akademik kita menulis dalam Bahasa Melayu dan jurnal mereka itu diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sebenarnya sehingga kini, lebih 400 makalah jurnal dalam Bahasa Melayu telah diindekskan. Jurnal-jurnal ini adalah yang telah berjaya tersenarai dalam pangkalan data dan indeks antarabangsa yang utama yakni ISI dan SCOPUS. Saya bagikan contohnya.

Yang pertama ialah "*Jurnal Kemanusiaan*" atau dalam bahasa Inggerisnya – "*The Asian Journal of Humanities*" terbitan Universiti Sains Malaysia yang telah diindeks dalam SCOPUS dan telah menerbitkan 43 makalah dalam bahasa Melayu.

Yang kedua ialah, "*Jurnal Kajian 'Malaysia'*" oleh USM, juga diindekskan dalam SCOPUS dan telah menerbitkan 18 makalah Bahasa Melayu.

Yang ketiga ialah, "*Jurnal Sains Malaysiana*", UKM telah menerbitkan 200 makalah Bahasa Melayu dan diindeks dalam ISI Thompson Reuters dan SCOPUS. Ini bermakna ia satu-satunya jurnal dengan makalah dalam Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang mempunyai apa yang dipanggil faktor impak.

Yang keempat ialah, "*Jurnal Pengurusan*" oleh UKM diindeks dalam SCOPUS dan telah menerbitkan 79 makalah Bahasa Melayu.

Yang kelima, "*Jurnal Teknologi Bidang Sains dan Kejuruteraan*" oleh UTM diindeks dalam SCOPUS dan telah menerbitkan 140 makalah Bahasa Melayu.

Tujuan kita memberi anugerah kepada jurnal-jurnal ini, iaitu lima jurnal ini ialah untuk memberi galakan kepada ahli-ahli akademik kita bahawa sebenarnya untuk menulis jurnal yang berimpak tinggi dan diindeks oleh ISI dan SCOPUS, tidak mesti dalam bahasa Inggeris, sebab banyak sekali makalah dalam bahasa Arab, dalam bahasa Iran dan bahasa lain-lain juga yang diindekskan dalam ISI dan SCOPUS. Ini kita sengaja Tuan Yang di-Pertua beri anugerah ini untuk membuktikan bahawa Bahasa

Melayu boleh sampai ke peringkat antarabangsa sebagai bahasa ilmu dan tidak betul kalau ada orang mengatakan hendak tulis dalam ISI dan SCOPUS mesti guna bahasa Inggeris sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengemukakan satu soalan tambahan. Saya ingin menimbulkan tentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar kuliah di IPT. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa UKM secara rasminya masih lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di dalam pemberian kuliah. Akan tetapi sepanjang pengetahuan saya, ada beberapa universiti yang lain yang telah menukar bahasa pengantar bahasa Melayu itu kepada bahasa Inggeris. Saya ingin tahu, adakah penukaran itu dilakukan dengan izin kementerian? Kalau dengan izin kementerian, kenapa diizinkan?

Kedua saya juga ingin menanyakan, sejauh manakah kementerian melakukan pemantauan untuk memastikan bahawa bahasa Melayu itu sebagai bahasa pengantar benar-benar dipatuhi melakukannya? Itu dua soalan mengenai bahasa pengantar.

Kemudian mengenai pelan tindakan yang dikemukakan tadi. Saya gembiralah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa penilaian akan dibuat dalam tahun ini dan saya harap supaya hasil daripada penilaian itu dikemukakan kepada Dewan ini. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau Dato' Dr. Firdaus tidak tanya soalan ini, bukan Dr. Firdaus... *[Ketawa]*

Kita tahu ada beberapa universiti beberapa kes di mana bahasa Inggeris digunakan di dalam kuliah yakni sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran. Di sini ada sedikit beza di antara bahasa pengantar yang rasmi dan bahasa pengajaran dan pembelajaran tetapi kita tidak perlu pergi kepada bahagian teknikal itu. Pokoknya ia bukan dengan izin daripada kementerian. Mereka secara autonomi melakukannya. Apabila kita telah melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu ini, kita memberikan ingatan kepada universiti-universiti supaya mereka lebih orang kata berbudi bicara dalam menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu, maknanya hanya di dalam suasana yang tidak boleh dielakkan, misalnya.

Sekarang ini pemantauan itu bukan sahaja kami lakukan tetapi saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada dua lagi badan yang saya rasa akan banyak membantu kami dalam pemantauan ini. Yang pertama ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, tempat Yang Berhormat Dr. Firdaus banyak meninggalkan jasa di sana yang sudah memulakan audit Bahasa Melayu. Kita ada menyampaikan kepada Ketua Pengarahnya yang baru bahawa biarlah audit itu dilakukan termasuk juga dalam ehwal penggunaan Bahasa Melayu di IPT kita. Ada masa Tuan Yang di-Pertua, bila orang luar melakukan audit ini dia lebih telus sebab ia melakukannya dengan seikhlas, setelus dan setulus mungkin.

## ■1040

Kedua ialah Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) yang juga mempunyai suatu program pemantauan bahasa. Jadi, kalau kami di peringkat KPT melakukannya dengan bantuan kawan-kawan dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan GAPENA, saya fikir kita boleh melaksanakan dengan baik. Saya terima baik cadangan Yang Berhormat supaya setiap tahun kita uar-uarkan laporan pemantauan itu. Kalau tidak nanti tunggu 2015 baru kita tahu apa yang berlaku itu mungkin sudah agak terlambat untuk membetulkan keadaan. Terima kasih.

5. **Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam menganjurkan *Minggu Malaysia* di London baru-baru ini. Apakah kementerian merancang untuk mengadakan program yang sama ini di Amerika Syarikat, terutamanya di New York.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan dua pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg pada 11 Disember dan 19 Disember 2012. Ini kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan Program Minggu Malaysia di London.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara keseluruhannya penganjuran Minggu Malaysia di London 2012 telah berjaya mencapai tujuannya untuk memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan melalui produk kebudayaan, kesenian, makanan dan buah-buahan tempatan. Program yang diadakan di South Bank London tersebut telah berjaya menarik sejumlah 320,710 pengunjung sepanjang tempoh lima hari program tersebut diadakan. Ia telah dijayakan menerusi kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Para pengunjung yang hadir telah berkesempatan mengunjungi tapak pameran serta menonton persembahan kebudayaan yang telah diatur. Jumlah pendapatan yang telah dijana menerusi hasil jualan kraf, jualan lukisan, gerai-gerai makanan dan penjualan pakej-pakej pelancongan ke Malaysia telah mencapai RM801,058. Berdasarkan kepada impak positif tersebut program ini akan diteruskan dan pasaran baru yang dikenal pasti adalah seperti Amerika Selatan iaitu Rio de Janeiro dan Buenos Aires dan di Washington D.C. Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya merasa kagum di atas kejayaan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dalam satu

sinergi bersama-sama dengan pelancongan, MATRADE dan sebagainya. Dalam usaha mempromosikan Malaysia melalui kebudayaan dan lain-lain perkara yang bersangkutan. Ini dapat dilihat daripada bilangan pelancongan bertambah, kehadiran pelancongan bertambah terutama dari pasaran Barat. Saya ingin tahu adakah ini juga sebagai satu usaha untuk kita mengantarabangsakan produk-produk kraf Malaysia? Saya difahamkan ada sepuluh orang pengusaha telah dibawa bersama, bagaimana sambutan masyarakat antarabangsa kepada barangan kraf tangan kita dari segi kualiti dan juga harga?

Di samping itu menyedari bahawa Amerika Syarikat sebagai satu pasaran pelancongan yang harus kita *explore* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian juga akan menimbang untuk bekerjasama dengan lain-lain kementerian. Untuk mengadakan di *New York in specific* kerana itu merupakan satu pasaran yang besar di mana ketibaan pelancong Amerika ke negara kita tahun lepas 2011 ialah 216,000 dan tahun ini dianggarkan lebih kurang 220,000. Mereka ini memang tidak mengetahui tentang Malaysia, tidak tahu Thailand, mereka tahu Singapura sahaja. Jadi dengan adanya usaha-usaha begini saya rasa sedikit sebanyak boleh meningkatkan ketibaan pelancong ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator yang saya anggap sebagai faham betul berkenaan dengan perancangan kementerian dan kementerian-kementerian lain untuk menganjurkan program sebegini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kerjasama kementerian ini dengan kementerian-kementerian yang lain untuk menganjurkan program ini sudah tentu ianya akan mungkin ditambahkan lagi selain dari kementerian-kementerian yang telah saya sebutkan tadi, yang mana kita menganjurkan program ini di London. Memang betul sebagaimana yang telah Yang Berhormat katakan bahawa New York adalah tempat 'pengangkatan' dari mana kebanyakan orang dari Amerika Syarikat terbang ke negara ini.

Apa yang telah saya katakan tadi bahawa kita akan meninjau bagaimana kita akan mengadakan satu program sebegini di Washington D.C. dan New York akan kita pertimbangkan, sudah tentu Yang Berhormat. Kraf juga, sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, kraf adalah satu ciri-ciri kesenian dan kebudayaan warisan bangsa yang boleh kita tonjolkan di peringkat antarabangsa. Oleh kerana keunikan produk ini dan kebudayaan ini boleh menarik pelancong datang ke negara kita. Memang betul juga yang dikatakan Yang Berhormat iaitu negara-negara seperti India dan Thailand sudah sangat berjaya menarik pelancong datang ke negara-negara tersebut. Menerusi pameran makanan dan kraf di mana mereka hendakkan pelancong mereka datang misalnya di Eropah, Amerika Syarikat dan di lain-lain tempat. Terima kasih.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kerana saya juga ada mengajukan soalan yang sama. Saya hendak tahu daripada jualan kraf tangan dan makanan, adakah ia meliputi semua negeri dalam Malaysia? Saya hendak tahu juga produk negeri manakah yang mendapat sambutan yang terbaik? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dayang. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada perangkaan ataupun pecahan jumlah jualan dari mana-mana produk. Akan tetapi suka saya katakan di sini bahawa berkenaan dengan pameran makanan, ianya meliputi semua negeri di Malaysia. Begitu juga berkenaan dengan produk kraf ianya datang dari semua pelosok negara kita. Apa yang sedikit menjadi kekangan kepada penjualan produk-produk yang mahu dibeli oleh pengunjung pada masa itu adalah produk kita tidak mencukupi. Begitu juga berkenaan dengan buah-buahan yang kita sediakan, hanya cukup untuk mereka rasai tetapi tidak cukup untuk mereka beli. Ramai pengunjung hendak membeli tetapi kita tidak ada bekalan untuk dijual kepada mereka yang minat untuk membeli buah-buahan kita. Terima kasih.

■ 1050

6. **Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapakah penjara yang sedang beroperasi, serta memberi jumlah banduan yang menjalani hukuman dalam penjara-penjara tersebut. Kementerian juga diminta untuk menyatakan penjara yang telah penuh.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng yang mengemukakan pertanyaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat sebanyak 43 buah penjara yang sedang beroperasi di seluruh Malaysia. Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 16 November 2012 menunjukkan terdapat seramai 37,949 banduan sedang ditahan dan menjalani hukuman di 43 buah institusi penjara tersebut. Daripada jumlah itu, seramai 29,215 orang atau 77% adalah banduan sabitan manakala 8,732 orang atau 23% merupakan banduan reman. Kapasiti keseluruhan bagi 43 buah penjara di seluruh Malaysia adalah sejumlah 50,700. Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 16 November 2012 menunjukkan jumlah banduan yang menghuni penjara-penjara tersebut adalah 12,753 di bawah kapasiti. Hanya sejumlah empat buah penjara sahaja yang berkapasiti penuh iaitu Penjara Kajang, Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dalam mengatasi masalah kesesakan di dalam penjara-penjara. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Penjara Malaysia mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan kesesakan tersebut melalui usaha-usaha seperti berikut:

- (i) pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara tidak sesak. Seramai 14,000 banduan dipindahkan dari penjara sesak ke penjara tidak sesak di seluruh negara semenjak Januari 2012 sehingga 4 Disember 2012. Pemindahan ini juga bagi maksud melaksanakan pengkategorian untuk kepentingan pemulihan banduan;

- (ii) kerjasama dengan pihak mahkamah bagi mempercepatkan perbicaraan kes-kes di mahkamah;
- (iii) kerjasama dengan agensi penguat kuasa terutamanya Jabatan Imigresen dan pihak kedutaan bagi tujuan menyediakan dokumen perjalanan dan mempercepatkan proses penghantaran pulang warganegara asing;
- (iv) melaksanakan program pemulihan di luar penjara melalui sistem parol dan pusat pemulihan masyarakat. Sejak dilaksanakan sehingga 16 November 2012, seramai 4,600 banduan terlibat dengan sistem parol dan 3,923 dalam program pusat pemulihan masyarakat;
- (v) melaksanakan alternatif kepada hukuman penjara melalui perintah kehadiran wajib. Sejak dilaksanakan sehingga 16 November 2012, seramai 914 pesalah terlibat dalam kerja-kerja komuniti di bawah perintah kehadiran wajib; dan
- (vi) melaksanakan penambahbaikan pemulihan secara berterusan bagi mengurangkan kes kemasukan berulang. Kemasukan kes berulang pada Oktober 2012 ialah sebanyak 8.02% sahaja.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah tahanan reman yang disebut 8,732 orang, jangka masa tahanan reman ini.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tahanan reman ini semasa dia ditahan di penjara, semasa tunggu perjalanan mahkamah. Jadi lepas mahkamah mengumumkan hukuman mahkamah, baru dia dilepaskan atau dipenjarakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Bukan begitu Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah tempoh masa itu. Enam bulan, setahun, dua tahun, tiga tahun.

**Dato Lee Chee Leong:** Ini terputang kepada mahkamah, Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa, pengguna kad kredit kena bayar yuran caj termasuk yuran pendahuluan wang tunai dan caj bayaran lewat yang tinggi. Semua ini menjadi satu beban besar dan pengguna terperangkap dalam hutang yang susah hendak keluar. Adakah kerajaan mengambil tindakan untuk mengurangkan caj dan yuran kad kredit ini memandangkan keuntungan besar oleh bank yang mengeluarkan kad kredit.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, caj lewat bayar (*late payment charge*) adalah agak rendah. Ia ditetapkan pada kadar 1% daripada jumlah baki belum dijelaskan (*outstanding balance*) tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM10 dan jumlah maksimum sebanyak RM100. Jadi, kalau bakinya RM30,000 pun caj lewat bayar hanya RM100 maksimum. Caj

lewat bayar tidak perlu dibayar langsung oleh pengguna sekiranya mereka membayar sekurang-kurangnya jumlah minimum iaitu 5% daripada jumlah baki belum jelas sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran semula baki kad kredit pada setiap tahun.

Pengguna perlu prihatin bahawa pengguna kad kredit adalah sebagai satu instrumen pembayaran dan bukan sebagai sumber untuk mendapatkan pinjaman atau kredit secara mudah. Caj pendahuluan wang tunai dikenakan untuk memastikan pengeluaran wang tunai tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya yang boleh membawa kepada keberhutangan yang tinggi oleh pemegang kad kredit. Pengalaman di negara lain menunjukkan bahawa pendahuluan wang tunai yang tinggi adalah satu risiko yang boleh menyebabkan masalah keberhutangan yang serius. Walau bagaimanapun di Malaysia, pendahuluan wang tunai masih rendah dan hanya merangkumi 3.1% daripada jumlah perbelanjaan kad kredit bagi tempoh Januari hingga September 2012, masih rendah.

Yuran yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit adalah salah satu sumber dana pengeluar kad kredit bagi menampung kos perniagaan kad kredit yang agak tinggi. Ia melibatkan penggunaan infrastruktur dan rangkaian sistem antarabangsa bagi memastikan transaksi dapat dilakukan dengan pantas bagi membolehkan pemegang kad menikmati kemudahan kredit secara mudah pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar negara. Pengeluar kad kredit perlu menanggung kos berkaitan risiko kredit dan penipuan kos pentadbiran infrastruktur serta kos pentadbiran. Kos penanggung risiko kredit termasuk bayaran kredit biro, kos kutipan pembayaran balik pinjaman serta yuran dan perbelanjaan berkaitan kutipan hutang lapuk kad kredit semuanya terpaksa ditanggung oleh pengeluar kad kredit. Jadi banyak kos-kos yang ditanggung, jadi kalau dirasakan tinggi sikit, ia kerana kos yang tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pengeluar kad kredit caj 2% atas setiap urusan, setiap transaksi. Selain daripada itu, ada *joining fees*, ada *annual fees*, ada *interest charges*, ada *cash advance fees* dan juga *late payment fees*.

#### ■1100

Ada macam-macam *fees*. Tuan Yang di-Pertua, ada satu laporan daripada AKPK menunjukkan bahawa 2/3 daripada orang yang berjumpa mereka, ada masalah kad kredit dan 22% sangat susah, tidak boleh *manage* hutangnya. Jadi memandangkan ini satu beban yang besar dan ramai yang terlibat dan susah dengan masalah ini dan saya juga difahamkan bahawa di Malaysia ada 23 bilion penghutang kad kredit. Jadi nampaknya ramai yang tersangkut dalam masalah ini.

Saya rasa demi kebajikan negara dan demi kebajikan rakyat, saya mohon bolehkah Kementerian mengambil tindakan untuk mengurangkan caj-caj lain sebab ia sudah ada 2% setiap urusan transaksi ia sudah ada 2%. Jadi kenapa macam *joining fees*, *annual fees* ini. Jadi saya mohon bolehkah Kementerian ambil satu tindakan demi kepentingan orang ramai yang susah oleh sebab ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Jumlah bilangan orang yang mempunyai kad kredit adalah seramai 3.3 juta. Saya tidak tahu Yang Berhormat sebut tadi samakah dengan *figure* yang saya ada, sebab itu saya hendak sebut sekali lagi. Jumlah orang yang mempunyai kad kredit di Malaysia ini hanya 3.3 juta. Jumlah kad kredit dalam edaran adalah 8.1 juta. Bermakna secara puratanya setiap orang memiliki dua setengah kad kredit. Puratalah. Setengah itu bukan bererti dipotong dua. Dua setengah kad kredit.

Bermakna memang banyak yang bergantung kepada kad kredit. Pada masa yang sama Yang Berhormat ada menyebutkan ada masalah-masalah yang timbul dengan penggunaan kad kredit. Jadi kerajaan terpaksa mengambil beberapa tindakan untuk memastikan penggunaan kad kredit ini tidak dibuat secara tanpa batasan. Kena kontrol sedikit.

Sebab itu setengah-setengah caj yang dikenakan adalah hasil daripada dasar yang dibuat oleh kerajaan. Yang RM50 satu kad itu, yuran tahunan bukan yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit. Jangan salah faham. Wang itu bukannya dikutip oleh pengeluar kad kredit. Wang itu dikutip oleh kerajaan kerana kerajaan melakukannya sebagai satu dasar untuk tidak menggalakkan pemilikan kad kredit yang berlebihan, kerana ini boleh menimbulkan masalah. Sebab itu di antara langkah-langkah lain ialah meningkatkan pendapatan tahunan pemilik kad kredit. Kalau dahulu RM18,000 sudah boleh miliki kad kredit, sekarang sudah kena ada RM24,000. Hanya pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua bank sahaja, umpamanya. Ini langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya pemilikan kad kredit ini tidak berleluasa.

Saya ingin juga menyebut beberapa statistik yang agak *interesting* yang saya dapati. Pertamanya dari segi jumlah yang muflis. Memang ramai yang muflis. Jumlah yang muflis ini pemilik kad kredit hanya merupakan 5%. Semalam Yang Berhormat Menteri ada sebut 4%. Ia bergantung kepada *latest figure*. Sejumlah 5% daripada jumlah yang muflis akibat daripada masalah kad kredit.

Sewa beli kenderaan muflisnya 25% daripada jumlah muflis ialah ekoran sewa beli kenderaan. Ekoran pinjaman perumahan 13%, pinjaman perniagaan 12%, pinjaman peribadi 13%. Maknanya hutang kad kredit ini masih tidak merupakan satu sumber muflis yang besar kerana banyak lagi masalah lain-lain yang perlu diatasi.

Satu lagi statistik yang agak menarik minat saya pagi tadi setelah saya kaji-kaji *figure* ini. Daripada jumlah yang muflis tahun ini sahaja, Januari hingga September daripada kad kredit ini seramai 857 orang. Saya berminat hendak tahu sama ada adakah ini orang-orang muda, kerana kita bimbang orang-orang muda awal-awal lagi sudah terjerumus dengan kebangkrapan hasil kad kredit. Akan tetapi bila ditengok statistik agak menarik. Orang muda antara 25 hingga 30 tahun daripada yang 857 orang tadi hanya seorang sahaja muflis. Antara umur 30 hingga 45 tahun 242 orang. Yang atas daripada 45 tahun ini ramai iaitu 614 orang. Saya yakin tidak ada yang dalam Dewan inilah, sebab kalau ada dalam Dewan ini tidak patut berada dalam Dewan ini kalau bankrap.

Bermakna yang muflis ini saya kira kenapa. Orang muda agak terselamat seorang sahaja. Pertamanya kerana hendak jadi muflis dia kena ada minimum hutang RM30,000. Jadi biasa yang muda-muda kredit kad ini barangkali kredit limitnya RM10,000 atau RM20,000. Jadi dia selamatlah.

Yang keduanya barangkali yang tua-tua lebih daripada 45 tahun ini bukan sahaja kredit kad masalah dia, tetapi banyak lagi masalah dia... *[Ketawa]* Jadi saya bagi statistik tambahan ini Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya sedikit saya bagi banyak. Terima kasih Yang Berhormat, semoga berpuas hati dengan jawapan.

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu pertanyaan. Apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi merupakan satu andaian bahawa setiap orang mempunyai hanya satu kad kredit sahaja. Akan tetapi ada kemungkinan juga bahawa ada orang yang mempunyai lima hingga enam kad kredit. Maka adakah sebarang peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan, untuk menghalang atau memberi nasihat kepada mereka janganlah memiliki lebih daripada satu kad kredit. Ini mungkin penting, kerana statistik-statistik yang diberikan tidak memberikan gambaran yang benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu pandangan Yang Berhormat. Ini soalan tambahan.

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Ya, ini yang saya hendak tanya. Adakah ada satu garis paduan yang diberi?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya ingat Yang Berhormat tidak dengar bila saya bagi jawapan... *[Ketawa]* Saya tidak tahu Yang Berhormat dok fikir fasal Penangkah? Yang Berhormat ini sahabat saya di USM dahulu. Saya sudah bagi jawapan panjang lebar tadi, seperti mana Yang Berhormat bangkit tanya saya pula. Jadi seolah-olah sia-sialah usaha saya bagi jawapan.

Pertamanya saya kata tadi, yang memiliki 3.3 juta orang, tetapi jumlah kad kredit dalam edaran 8.1 juta orang. Bermaknanya secara puratanya dua setengah saya kata tadi. Yang setengah yang potong tadi itulah. Bukan bererti setengah. Ada orang yang ada tiga, ada orang yang ada lima, ada orang yang ada satu. Jadi memang ada sudah saya bagi jawapan dan sudah pula diberikan jawapan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan supaya jangan memegang lebih daripada satu. Apa jawapan saya tadi? Saya sudah bagi semua jawapan.

**8. Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan berapa banyak kah kes skim cepat kaya yang dikesan di negara ini, bilangan mangsa yang terlibat, punca mereka terlibat serta langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mencegah kewujudan skim cepat kaya yang baru serta memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya skim berkenaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 66 kes yang ada kaitan dengan skim cepat kaya telah diambil tindakan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993, Akta Syarikat

Malaysia 1965 dan Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 dari tahun 2010 hingga Oktober 2012. Seramai 57,766 orang telah menjadi mangsa atau pelabur bagi skim kepentingan dan skim kutu bagi tempoh tahun 2010 hingga Oktober tahun 2012.

■1110

Di antara punca-punca orang ramai terlibat dalam skim cepat kaya ialah sikap tamak kerana dijanjikan pulangan yang lumayan dalam masa yang singkat, pengaruh daripada kawan-kawan, rakan sekerja dan saudara-mara dan kemudahan mendapatkan pinjaman peribadi dari institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk membendung aktiviti SCAM dengan izin, atau skim cepat kaya, antaranya:

- (i) menjalankan program *advocacy* pematuhan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 kepada syarikat-syarikat jualan langsung dan pengedar-pengedar di seluruh negara;
- (ii) membuat pindaan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 dan Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 untuk melarang skim piramid dan mengenakan hukuman yang berat kepada penganjur jika disabitkan kesalahan;
- (iii) mewartakan kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 dan beberapa kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 berkaitan menawarkan pelaburan kepada orang ramai sebagai kesalahan berat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 atau dengan ringkasnya AMLATFA 2001 bagi membolehkan segala wang dan aset yang diperolehi daripada aktiviti haram yang dijalankan oleh penganjur tersebut dirampas dan dilucuthakkan;
- (iv) menubuhkan jawatankuasa khas bersama bagi menangani jenayah kolar putih yang bertujuan memudahkan jalinan kerjasama antara agensi penguatkuasaan dalam aspek pemantauan, risikan, serbuan, siasatan dan pendakwaan;
- (v) pemantauan secara berterusan terhadap skim-skim pelaburan; dan
- (vi) mengadakan program-program kesedaran kepada orang ramai melalui kempen, seminar dan penerbitan drama televisyen.

Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Ya soalan tambahan saya, skim cepat kaya bermula pada *Pak Man Telo* pada sekitar 1980-an, selepas itu *switch cash*, selepas itu pula jenis *gold* baru-baru ini. Akan tetapi perjalanan perniagaan itu mengambil masa hampir dua tiga tahun baru kerajaan, pihak berkuasa ambil tindakan. Adakah pihak penguatkuasaan adalah lemah dari segi tindakan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat, sebenarnya kegiatan-kegiatan ini dinamakan kegiatan yang haramlah dengar ceritanya. Jadi selalunya perkara ini dibawa dari mulut ke mulut dan percubaan dan sebagainya. Selalunya Yang Berhormat, perkara ini akan berlaku dan menjadi atau dimaklumkan sebab saya tadi ada perbincangan bersama dengan pegawai Yang Berhormat.

Masalahnya kalau sesiapa yang sudah kira melabur, perkataan melabur di dalam skim ini dia terjatut sebenarnya dan susah hendak keluar. Untuk mengambil tindakan Yang Berhormat, kita memerlukan bukti dan hendak mendapatkan bukti ini adalah menjadi satu kekangan sebenarnya. Ini memang satu daripada yang dipantau tetapi oleh kerana sesiapa yang menjadi pelabur, apabila dia hendak menarik keluar atau dia melabur, pelaburan dia hangus, dia selalu macam itu. Pada masa yang sama, pegawai-pegawai kami pun ada juga menyamar Tuan Yang di-Pertua. Ada menyamar tetapi kadang-kadang menyamar ini berat juga hendak menjadi ahli kata RM30,000. Jadi ini semua dipantau.

Akan tetapi sekarang ini Yang Berhormat, sebab itulah sebab kita sudah ada satu jalinan kerjasama yang saya katakan tadi di bawah AMLATFA. AMLATFA ini adalah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 atau AMLATFA di mana yang ini kita boleh bekukan harta. Jadi dengan cara demikian, tidak sempat. Selalunya yang mengendalikan program skim cepat kaya ini dia sempat lari tetapi apabila sudah ada dengan dikuatkuasakan bersama AMLATFA ini, kita sudah sempat. Bank Negara bekerjasama rapat, kita telah sempat untuk membekukan harta. Jadi dengan itu dia sudah terikat, dia tidak dapat lari.

Oleh sebab itulah kita telah mendapat bukti. Jadi Yang Berhormat, memang kedengaran itu ada, skim-skim ini. Akan tetapi kalau tidak ada dibawa, diadakan dan dengan bukti itu menjadi satu kekangan Yang Berhormat tetapi kita berharap juga dan kalau ada skim ini kita *publish*. Bukan *publish* ini untuk memberi kesedaran supaya janganlah kita mudah terpedaya dengan janji-janji yang dapat pulangan cepat ini sebab masalah ini hendak dapat cepat, hendak cepat kaya dan sebagainya. Jadi boleh katakan boleh jadi kalau dapat ambillah iktibar daripada yang banyak berlaku dan yang berlaku sekarang ini Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya skim cepat kaya adalah satu *national phenomena* ataupun lebih teruk lagi *national disaster* kerana ia melibatkan kehilangan *capital* yang berjuta-juta, beratusan juta. Jadi sentiasa satu pergi, satu datang. Jadi tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa setakat ini 57,776 penyimpanan ataupun pelabur telah dikesan. Saya hendak tahu berapa jumlah dari segi ringgitnya. Adakah kementerian bercadang bagi setiap syarikat-syarikat jualan langsung yang ditadbir urus di bawah Akta Jualan Langsung dan juga Anti Permit dimestikan di masa akan datang setiap skim baru itu, setiap *business model* skim-skim baru itu mesti diluluskan oleh pihak kementerian macam kita mengeluarkan sijil halal. Setiap program baru, *business model* baru mesti diluluskan.

Saya juga ingin menarik perhatian kementerian bahawa kadang-kadang syarikat ini menggunakan personaliti dan juga pemimpin-pemimpin *even* pihak-pihak Menteri sendiri merasmikan pelancaran produk mereka dan inilah menyebabkan orang ramai terpikat tanpa bertanya. Jadi perkara begini saya rasa boleh dielakkan kalau kita boleh tidak menggalakkan Menteri-Menteri sendiri yang hadir dalam *function* yang diadakan oleh syarikat-syarikat terbabit. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab yang bab menteri-menteri merasmikan. Memang betul Yang Berhormat sebab itu kita memang berhati-hati. Mana-mana syarikat yang mohon supaya menteri merasmikan dan sebagainya, memang kita minta pegawai-pegawai kita telitikan dari segi syarikat itu, latar-belakang dan sebagainya. Memang ada syarikat SMM juga ada segala maklumat tersebut dan juga kita di bawah jualan langsung kita memang mendapatkan segala model, model kerja dan sebagainya. Begitu juga di bawah francais dan sebagainya, memang kita pastikan ianya adalah sebuah syarikat yang tulen.

Bermacam-macam lagi Yang Berhormat sebenarnya, di bawah koperasi pun satu masa kita pernah dengar juga. So memang ini dipantau tetapi Yang Berhormat, perjalanan yang mula-mula dia memang macam itu tetapi yang banyak yang dapat tadi Yang Berhormat sebut 57,000 Yang Berhormat, itu dilaporkan. Kami rasa Yang Berhormat, angka itu lagi besar dan saya mohon maaf fakta saya tidak ada dari segi jumlah sebab memang pelaburan ini memang besar.

Jadi jumlahnya Yang Berhormat, dia bermacam-macam. Jumlahnya kadang-kadang dari sekecilnya RM10,000 sehingga adanya berjuta. Jadi ia satu kes yang kita dengar semalam, ada soalan nombor dua, kita dengar satu kes itu sahaja boleh melibatkan berbilion pelaburan. Jadi Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat kalau kita melihat kes-kes yang berlaku ini, dia kadang-kadang kita pun rasa pelik juga kenapa orang boleh terpengaruh sebab nampak begitu mudah sangat hendak mendapatkan duit.

#### ■1120

Ini ada satu kes Yang Berhormat ya, kes Akta Jualan Langsung, namanya Syarikat *Water Drop*. *Water Drop*, air sahaja, dia jual air sahaja. *Water Drop* Sdn. Bhd. di mana cara dia menjalankan kegiatan hanya melalui panggilan telefon sahaja. Panggilan telefon untuk membuat pelaburan menggunakan *vending machine* di mana *vending machine* ini dikenalkan sebagai "mat kiosk" dan "*water drop*". Di mana setiap orang yang hendak melabur, mesti membuat pelaburan RM38,000, RM42,000 dan RM43,000. Yang kita terfikir ini banyak sebenarnya, bukannya sedikit punya pelaburan dan dijanjikan akan mendapat pendapatan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan bagi setiap mesin yang dilaburkan. Pun ramai yang kena. Selepas itu, ada lagi satu pelaburan *Golden Nest*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup lah itu. Banyak itu.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak contoh itu agaknya.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ini sarang burung walid. Jadi bermakna ini memang kita pastikan bahawa sebelum syarikat ini, kita akan semak tetapi yang *genuine* atau yang betul itu memang lah diikuti model kerja seperti yang dikatakan. Akan tetapi seperti yang saya dikatakan ini tidak dilaporkan, yang melabur ini kebanyakannya tanpa lesen. Terima kasih.

**9. Datuk Maijol Mahap** minta Perdana Menteri menyatakan, butiran berapakah orang Kadazandusun dan Murut yang sekarang bertugas mengikut pangkat dan skil gaji di setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 16 November 2012, jumlah keseluruhan penjawat awam persekutuan tidak termasuk polis dan tentera dari kalangan etnik Kadazandusun dan Murut adalah seramai 23,004 orang. Daripada jumlah tersebut, 21,310 orang atau pun 92.6% adalah etnik Kadazandusun dan 1,694 atau pun 7.4% adalah daripada etnik Murut.

Dalam kumpulan pengurusan tertinggi, JUSA dan ke atas seramai enam orang adalah dari kalangan etnik Kadazandusun, manakala seorang dari kalangan etnik Murut. Dalam kumpulan pengurusan dan profesional iaitu Gred 41 hingga Gred 54 pula seramai 4,885 orang adalah dari kalangan etnik Kadazandusun dan 212 orang adalah dari kalangan etnik Murut. Bagi kumpulan pelaksana ataupun gred 1 hingga gred 40 pula, 16,419 orang adalah dari kalangan etnik Kadazandusun dan 1,481 orang adalah dari kalangan etnik Murut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan daripada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun kerajaan sering kali menyatakan bahawa pengambilan kakitangan perkhidmatan awam tidak berdasarkan kaum tetapi jika melihat terhadap statistik yang lalu, nampak ketara bahawa bilangan orang-orang bumiputera minoriti seperti Kadazandusun, Iban dan sebagainya amat sedikit berbanding dengan jumlah permohonan yang dibuat. Kalau saya beri contoh beberapa tahun yang lalu jumlah orang Iban yang memohon ialah 18,858 dan hanya 24 orang sahaja yang diambil.

Jumlah Orang Asli yang memohon ialah 617 orang tetapi hanya seorang yang diambil. Jumlah orang Kadazandusun yang memohon ialah 17,836 tetapi hanya 38 orang sahaja yang diambil. Jadi, soalan saya di sini Yang Berhormat ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Sudah tanya itu okey.

**Datuk Maijol bin Mahap:** Soalan saya sekarang Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah tidakkah kerajaan mengkaji kembali dasar dan pendekatan supaya statistik yang saya bacakan tadi adalah lebih baik lagi.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat cukup. Saya sebenarnya dalam isu-isu macam ini, kita di Malaysia ini semua kaum. Pengambilan orang itu bergantung kepada banyak pra syarat dan sebagainya. Saya tidak mahu melibatkan Dewan ini persoalkan perkauman dalam Dewan ini.

**Datuk Maijol Mahap:** Soalan kedua saya bukan perkauman.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, saya minta Timbalan Menteri jawab setakat itu sahaja. Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas teguran yang telah pun dibuat tadi. Sememangnya itu menjadikan satu dasar daripada pengambilan dalam perkhidmatan awam yang tergantung kepada kekosongan jawatan di gred lantikan. Jadi, secara prinsipnya bagi memastikan bahawa perkhidmatan awam sentiasa cekap dan juga berkesan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, pihak berkuasa melantik termasuk juga Suruhanjaya Perkhidmatan akan memilih calon yang mencapai merit yang berkeelayakan, yang diperlukan bagi sesuatu skim perkhidmatan.

Jadi, permohonan calon termasuk daripada kaum Kadazandusun serta Murut bagi sesuatu jawatan kosong yang diiklankan adalah penting kerana ianya membuka peluang kepada semua calon untuk dilantik. Jadi, kerajaan sentiasa melaksanakan usaha untuk menarik pernyataan lebih ramai calon-calon daripada berbagai-bagai kaum khususnya bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam. Ini termasuklah bumiputera di Sabah dan juga di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham bahawa dalam kategori bumiputera ini kita dibahagikan kepada bumiputera yang beragama Islam dan juga bumiputera yang bukan beragama Islam, di mana terdapat banyak bilangan di negeri Sabah dan juga Sarawak. Akan tetapi apabila kita mengambil itu menjadikan statistik pada keseluruhan negara, jadi statistik bagi kaum bumiputera daripada Sabah dan Sarawak akan kecil sekiranya jika dibandingkan dengan statistik keseluruhan negara bagi kaum bumiputera. Jadi, itulah kadang kala ada persepsi daripada kalangan. Sekarang terdapat Senator yang telah pun menjadi Senator bebas, telah pun menguarakan isu yang seperti ini. Akan tetapi kita memanglah sentiasa mengamalkan satu pelaksanaan di mana kekosongan jawatan itu akan disiarkan di semua akhbar-akhbar tempatan di Sabah dan Sarawak untuk menggalakkan orang-orang Sabah dan Sarawak untuk mengisi kekosongan di jawatan persekutuan dan juga negeri.

Kita juga sering mendengar siaran daripada radio, televisyen dan juga *road show* dan kempen di lokasi-lokasi strategik serta menubuhkan jawatankuasa kerja oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi, sebagai Ahli-ahli Senator dalam Dewan yang mulia ini, kita juga memainkan peranan yang penting untuk memaklumkan kepada penduduk di kawasan kita masing-masing bahawa adanya jawatan yang kosong dan kita bolehlah masuk ke laman web JPA untuk mendapatkan informasi yang terkini mengenai kekosongan jawatan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

10. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, berapakah kos terkini pembinaan Lapangan Terbang KLIA2, dan bilakah KLIA2 akan beroperasi. Bagaimana pula dengan landasan kapal terbang ketiga KLIA.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kos terkini pembinaan Lapangan Terbang KLIA2 adalah kekal seperti mana yang telah diumumkan sebelum ini iaitu sebanyak RM4 bilion. Berdasarkan kepada komitmen yang telah diberikan oleh kontraktor pembina, KLIA2 akan dijangka boleh disiapkan pada 30 April 2013 dan KLIA2 juga dijangka beroperasi pada bulan Mei 2013. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri penjelasan. Pertama, apakah yang telah menyebabkan berlaku kos pembinaan KLIA2 itu secara mendadak, secara berganda daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion.

■1130

Kedua, apakah kapasiti KLIA2 yang baru dibina ini. Adakah *AirAsia* akan berpindah ke KLIA2 sebab dia punya bos *AirAsia*, Tan Sri Tony Fernandes sudah terbang ke Jakarta, berpindah-pindah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya apabila wujud fenomena *low cost business model* di dalam negara ini, maka apa yang kita lihat bahawa berlakunya peningkatan dalam pergerakan penumpang dan juga pesawat, khususnya di negara ini. Oleh sebab itu terdapat keperluan bagi kerajaan untuk mewujudkan satu lapangan terbang yang lebih memenuhi keperluan tersebut. Oleh sebab itu KLIA2 telah pun dibina bagi memenuhi keperluan *forecast* ataupun ramalan penumpang yang akan dijangka meningkat kepada 45 juta pergerakan penumpang setahun bagi tahun 2020. Oleh sebab itu, disebabkan fenomena ini, kerajaan telah pun membuat *revise* terhadap keperluan penyediaan perkhidmatan lapangan terbang ini. Ia bukan hanya untuk keperluan hari ini tetapi adalah untuk memenuhi keperluan masa hadapan.

Disebabkan itu, bahawa *design* ataupun *specification* bagi lapangan terbang ini telah pun diubah. Misalnya, bagi *terminal building*, ia telah pun mengalami peningkatan daripada *ground floor area* daripada 150,000 *meter square* telah meningkat kepada 257,000 *meter square* iaitu peningkatan sebanyak 71.3%. *Aircraft stand* juga meningkat daripada 50,000 *meter square* areanya kepada 50 *semi – contact stand* telah meningkat kepada *area* 803,709 *meter square* dengan 68 *gate* dan 8 *remote stand* iaitu melibatkan 80 *aerobridges*. Peningkatan skop kepada 60.7%. *Earthworks* juga telah meningkat daripada 4.85 *million meter square* kepada 11.19 *meter square*. Peningkatan sebanyak 130.7%. *Runway three, taxiway pavement* dan *agile system* juga meningkat kepada 64.7%. *DCA facilities* juga telah pun

bertambah sebanyak 20.8% dari segi ketinggian dan juga *navigation aid* yang meningkat kepada 115.4% dan *public infrastructure* juga meningkat 87.5% dan juga peningkatan *elevated road* daripada 1.5 kilometer kepada 5.4 kilometer iaitu peningkatan kepada 260%.

Oleh sebab itu, disebabkan peningkatan dan penambahan spesifikasi ini, ia akan menjadikan KLIA2 adalah satu-satunya *low cost airport* yang akan menjadi yang terbaik, khususnya di Asia Tenggara. Berkaitan dengan kapasiti yang saya telah nyatakan tadi bahawa ia akan meningkat kepada 45 juta menjelang tahun 2020. Untuk pertanyaan Yang Berhormat berkaitan dengan *AirAsia*. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat, *AirAsia* tidak pernah membuat kenyataan bahawa mereka tidak berpindah malah mereka sebenarnya menunggu perpindahan tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, setiap minggu ada mesyuarat diadakan berkaitan dengan pelaksanaan KLIA2 ini. *AirAsia* sendiri terlibat dalam mesyuarat ini dan mereka telah pun memberikan komitmen untuk pindah ke KLIA2. Ini sendiri pun pernah dinyatakan oleh Pengerusi *AirAsia* iaitu Tan Sri Tony Fernandes.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, KLIA2 ini adalah dikhususkan bukan sahaja untuk *AirAsia* tetapi juga bagi *low cost carrier* yang lain yang akan beroperasi di situ. Termasuk *MALINDO Airways* yang telah pun diberikan kelulusan oleh kerajaan untuk melaksanakan operasi mereka di Malaysia. Juga bagi *low cost carrier* dari negara-negara yang lain seperti *Tiger Airways* dan juga daripada negara-negara Asia Tenggara yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kriteria minimum sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa? Apakah kerajaan akan menaik taraf Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, kriteria yang terpenting sekali bagi sebuah lapangan terbang tersebut diiktiraf sebagai satu lapangan terbang antarabangsa ialah:

- (i) ia haruslah mempunyai perkhidmatan penerbangan ke luar negara. Itu yang penting; dan
- (ii) lapangan terbang tersebut haruslah mempunyai kemudahan-kemudahan *Custom, Immigration and Quarantine (CIQ)*.

Bagi Lapangan Terbang Kota Bharu, pada ketika ini ia adalah merupakan satu lapangan terbang domestik. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2015, kita akan ada *open sky policy*. Kita juga tidak menyekat mana-mana syarikat penerbangan luar untuk datang ke mana-mana destinasi lapangan terbang di negara kita di seluruh negara. Terima kasih.

**11. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah peruntukan RM25 juta untuk pemeriksaan percuma mammogram memadamai serta apakah langkah-langkah kementerian untuk mendekati wanita-wanita untuk mengambil bahagian dalam menjamin tahap kesihatan warga kaum hawa di seluruh pelosok negara.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Puan S. Bagiam. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya untuk menjawab soalan hari ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok bertarikh 18 Disember 2012, nombor 40, kerana saling berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin akan aspek kesihatan golongan wanita. Program Subsidi Ujian Mammogram yang akan dijalankan pada tahun 2013 merupakan kesinambungan kepada program yang telah dilaksanakan sejak bulan Mei 2007 lagi bagi mengesan kanser payudara. Justeru, peruntukan sebanyak RM25 juta yang diluluskan dalam Bajet 2013 adalah bagi meneruskan pelaksanaan program subsidi ini kepada 100,000 orang wanita warganegara Malaysia dan penduduk tetap dalam kumpulan yang berumur 40 hingga 70 tahun dan berpendapatan rendah. Bagi mempertingkatkan akses wanita terhadap subsidi ujian mammogram, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan promosi melalui media cetak dan elektronik iaitu pelbagai risalah melalui televisyen, radio, *Twitter* dan juga *Facebook*;
- (ii) mempertingkatkan program kemasyarakatan melalui penggunaan enam unit bas bergerak bagi mendekati kumpulan sasaran di peringkat akar umbi. Aktiviti-aktiviti seperti saringan kesihatan iaitu ujian darah untuk mengesan paras glukos dan kolesterol, pemeriksaan tekanan darah serta pengukuran indeks jisim badan, pendidikan dan kesedaran kanser payudara, pemeriksaan klinikal payudara dan pendaftaran ujian mammogram diberikan secara percuma kepada golongan berpendapatan rendah tersebut;
- (iii) menyediakan kemudahan pengangkutan bagi wanita yang tidak berkemampuan untuk pergi ke pusat-pusat mammogram;
- (iv) meningkatkan kerjasama dengan rakan pelaksana lain seperti Kementerian Kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan-persatuan wanita dan pihak swasta dalam mengadakan kempen kesedaran kanser payudara secara berterusan di kawasan-kawasan terpinggir; dan
- (v) meningkatkan jumlah pusat mammogram yang berdaftar di bawah program subsidi ini dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, terdapat 15 buah pusat mammogram yang berdaftar bagi program ini pada tahun 2007 dan bilangan ini telah pun meningkat kepada 65 buah pada tahun 2012.

**■1140**

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2013, seramai 100,000 orang wanita telah disasarkan untuk menjalani ujian mammogram ini secara percuma. Sasaran ini bagi setiap negeri adalah berdasarkan jumlah penduduk, bilangan pusat mammogram swasta dan bilangan klinik LPPKN. Sasaran bagi negeri-negeri adalah di antara 1,500 ke 12,000 orang wanita mengikut keupayaan dan kapasiti setiap negeri.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan turut menyediakan kemudahan pengangkutan untuk menghantar wanita yang tidak berkemampuan terutama mereka dari kawasan luar bandar dan dari negeri-negeri yang tidak mempunyai pusat mammogram seperti Perlis, Kelantan dan Terengganu untuk menjalani ujian mammogram di pusat-pusat mammogram di negeri-negeri berhampiran. Penghantaran dibuat secara berkumpulan iaitu dari pusat komuniti atau klinik LPPKN ke pusat-pusat mammogram yang telah ditetapkan dan bagi kumpulan melebihi 25 orang, insurans berkelompok turut disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, program subsidi ujian mammogram bagi tahun 2013 ini akan terus diperkukuhkan melalui kolaborasi dengan rakan pelaksana lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), PERKESO, doktor-doktor swasta dan syarikat-syarikat swasta tertentu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan S. Bagiam a/p Ayam Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, kadar pemeriksaan menggunakan mammogram sebanyak 3.8% di Malaysia adalah sangat rendah berbanding 60% hingga 70% di Amerika Syarikat. Adakah benar ujian mammogram percuma ini hanya dihadkan kepada 100,000 wanita berusia bawah 40 tahun sahaja sedangkan wanita berusia atas 40 tahun juga perlu mengikuti pemeriksaan? Terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator S. Bagiam. Bagi menjawab soalan tersebut Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah yang telah dikesan setakat ini melalui ujian-ujian mammogram yang telah dijalankan sejak tahun 2007 sehingga bulan Oktober 2012 ini adalah sebanyak 103,085 orang yang telah diperiksa, dan yang didapati positif kanser payudara ini adalah seramai hanya 125 orang Tuan Yang di-Pertua iaitu tidak sampai pun 0.05% yang didapati positif. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menekankan bahawa ia adalah pembunuh senyap nombor satu di kalangan wanita.

Untuk soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, mengapa hanya dihadkan untuk 100,000 pada tahun 2013 dalam bajet yang telah dibentangkan tempoh hari oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, ia adalah sebenarnya program secara berterusan. Sejak kali pertama dilaksanakan pada tahun 2007, ia melibatkan perbelanjaan sebanyak RM29.2 juta dan habis dalam sekitar bulan Oktober 2012 dan akan diteruskan dengan bajet seterusnya pada tahun 2013 sebanyak RM25 juta lagi. Kita kira ia akan dapat

memberi manfaat kepada kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi dan juga kumpulan yang telah disasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut jumlah yang telah tercatat daripada rekod kita, pada awal pelaksanaan, ia menunjukkan keadaan sambutan yang agak dingin daripada peserta-peserta sehinggalah kita mengubah ataupun kerajaan mengubah pendekatan iaitu memberikan seratus peratus percuma ujian mammogram ini kepada kumpulan sasar yang berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan dan RM50 sahaja kepada yang berpendapatan di atas RM5,000 sebulan. Kemudian barulah jumlahnya mendadak meningkat. Jadi saya kira selepas ini *insya-Allah* akan bertambah ramai lagi kaum wanita yang tampil khususnya yang berada di dalam kumpulan berisiko tinggi.

Tadi disebutkan bahawa mengapa hanya umur 40 tahun sahaja? Sebenarnya umur 40 tahun sahaja adalah merupakan peringkat umur terbaik yang boleh dikesan melalui mesin mamogram tersebut kerana kepada wanita yang berumur di bawah daripada itu, saya kira keadaan ataupun tisu, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tisu payu dara wanita masih lagi padat dan tidak mudah untuk dikesan melalui mesin mammogram. Akan tetapi mereka disarankan melalui ujian *ultrasound* sahaja sudah memadai dan *insya-Allah* akan dapat dikesan juga.

Terdapat lagi satu kumpulan yang telah dikesan berisiko tinggi, berumur daripada 35 tahun ke 90 tahun yang boleh kita serapkan di bawah skim program subsidi ujian mammogram percuma ini yang mempunyai sejarah keluarga mempunyai kanser payu dara misalnya, dan telah menjalani penilaian oleh doktor dan mempunyai tanda-tanda dan kesan-kesan yang perlu dirujuk kepada doktor untuk diagnostik mammogram yang lebih awal. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa seramai jumlah 103,000 orang wanita telah mengikuti ujian mamogram ini. Kalau boleh saya hendak minta pecahan ikut negeri. Kalau tidak, boleh minta dalam secara bertulislah. Lagi satu hendak tanya tentang apakah penambahbaikan yang telah dibuat sejak tahun 2009 iaitu sejak ia dilancarkan? Terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok daripada Selangor. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini. Saya punya pecahan-pecahan data yang diperlukan Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau mengambil masa yang agak panjang mungkin saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Cuma saya ingin menyentuh untuk negeri Yang Berhormat, untuk negeri Selangor, ia mendadak meningkat selepas pengumuman percuma kita berikan. Malahan di seluruh negeri juga, di seluruh negara Malaysia meningkat begitu ketara sekali jumlahnya daripada awal kita beri percuma ataupun subsidi RM50 sahaja untuk RM5,000 pendapatan ke bawah. Akan tetapi selepas Oktober 2011, apabila kita umumkan percuma untuk pendapatan RM5,000 sebulan ke bawah, mendadak.

Saya sebut contoh dua, tiga sahaja. Negeri Selangor, negeri Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, daripada tahun 2011 seramai 366 orang sahaja yang tampil, mendadak meningkat kepada 7,383 orang. Kemudian untuk Kuala Lumpur misalnya, sebelumnya seramai 2,087 orang sahaja yang tampil membuat pemeriksaan. Tahun 2012, seramai 14,638 orang sahaja. Mungkin saya boleh sebut satu lagi sebab kita tidak ada diskriminasi Tuan Yang di-Pertua, untuk negeri Pulau Pinang. Tahun 2011, seramai 856 orang sahaja wanita tampil. Pada tahun 2012, setelah pengumuman tersebut, mendadak meningkat sehingga 12,711 orang wanita yang telah tampil untuk mendapatkan perkhidmatan percuma oleh Kerajaan Barisan Nasional ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**12. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah ada mekanisme rayuan dan semakan semula dasar mengenai pelajar tajaan MARA 2012 Lulusan SPM bagi skim pelajar cemerlang bidang kritikal – perubatan, yang mendapat tempat di universiti terkemuka Timur Tengah yang terpaksa menolak tawaran tempat melanjutkan pelajaran di sana kerana kos dan bayaran balik yang tinggi jika dibandingkan mereka melanjutkan pelajaran di IPTS dalam negara agar mereka ini dibantu dan beban bayaran balik mereka ini lebih rendah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]:**

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya, pihak kementerian amat berterima kasih dan menghargai pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan penajaan pelajaran yang ditawarkan oleh MARA untuk pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang.

MARA menawarkan penajaan kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM untuk mengikuti program ijazah pertama di bawah skim pelajar cemerlang di luar negara.

■1150

Tajaan ini adalah mengikut keperluan industri selaras dengan 13 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, tajaan pelajaran MARA di bawah Skim Pelajar Cemerlang ataupun kita sebut SPC merangkumi bayaran yuran pengajian, elaun buku, serta elaun sara hidup pelajar-pelajar tersebut. Mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh MARA, bayaran balik untuk pelajar-pelajar di bawah Skim Pelajar Cemerlang (SPC) adalah sebanyak 20% sahaja daripada jumlah pembiayaan yang dibelanjakan ke atas pelajar-pelajar sepanjang pengajian mereka berbanding dengan kadar bayaran balik sebanyak 100% ke atas pelajar-pelajar yang mendapat tajaan MARA yang lain. SPC ini 20%, *special allocation for them*.

Tuan Yang di-Pertua, MARA juga amat prihatin dan bertimbang rasa ke atas keadaan kewangan graduan-graduan baru yang masih belum mendapat pekerjaan dengan memberi ruang kepada mereka untuk memulakan pembayaran balik hanya apabila mereka mendapat pekerjaan tetap. Selain daripada itu, MARA juga memberi pertimbangan kepada graduan-graduan tersebut untuk mengurangkan kadar bayaran balik tajaan mereka, sekiranya mereka membuat rayuan kepada MARA. Kadar pengurangan

adalah berasaskan kepada prestasi pencapaian pengajian mereka. Semakin cemerlang prestasi mereka, semakin rendah kadar pembayaran balik yang dikenakan ke atas mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan bayaran balik tajaan ini akan digunakan semula untuk memberi tajaan kepada pelajar-pelajar yang lain. Pelajar yang ini bayar, kita bagi kepada pelajar-pelajar yang lain. Tajaan pelajar yang diberikan oleh MARA tidak dikenakan sebarang faedah. Mungkin orang ramai tidak tahu ini. Inilah dia baiknya Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada mereka yang telah mendapat dua tawaran iaitu daripada universiti di luar negara, dari Timur Tengah contohnya dan tempatan. Saya dapat maklum balas bahawa kos pengajian di IPTS tempatan yang diarahkan pergi oleh MARA, kos dia lebih tinggi daripada kos yang sekiranya pelajar itu belajar di Timur Tengah. Saya ingin bertanya, apakah mekanisme rayuan pelajar-pelajar yang telah ditawarkan di universiti tempatan untuk melanjutkan pelajaran perubatan mereka di Timur Tengah supaya ini juga mengurangkan beban bayaran balik kepada pelajar-pelajar yang tadi ditawarkan di IPTS tempatan? Terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, terima kasihlah. Nampaknya begitu minat hendak membela pelajar-pelajar kita dalam bidang pelajaran ini. Sebenarnya suka saya hendak maklumkan bawah pihak kita pertamanya yang saya hendak katakan dalam Dewan ialah soal pelbagai peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk anak-anak kita melanjutkan pelajaran sama ada luar negara ataupun dalam negeri. Sama ada IPTA atau IPTS, peluang banyak. Akan tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, soal berkenaan dengan soal perbelanjaan mereka tadi di IPTS mahal, berbanding dengan luar.

Ada perbezaan ini oleh kerana IPTS banyak di negara kita, beberapa IPTS yang menawarkan kursus perubatan. Dia balik kepada pangkal cerita yang saya sebutkan tadi, soal rayuan. Kalau misalnya ada rayuan-rayuan daripada pelajar-pelajar tertentu yang mereka fikirkan pembayaran balik tadi agak menyusahkan mereka, tulis surat kepada pihak MARA ataupun tulis surat kepada saya. Kita akan pertimbangkan sebab kita ada satu proses, kalau prestasi mereka ini baik, kita akan memberi pengurangan amat tinggi sekali. Jadi ini terpulanglah.

Apa yang pentingnya kita hendak beritahu, kita prihatin kepada masalah mereka ini dan yang pentingnya soal rayuan-rayuan ini kita akan pertimbangkan oleh satu jawatankuasa dan kita akan ambil kira. Apatah lagi kalau misalnya melibatkan kepada Yang Berhormat sendiri. Ada secara khusus kita bersedia memberikan bantuan. Jangan kerana itu, dia pula tidak pergi melanjutkan pelajaran. Perkara macam ini yang kita tidak hendak. *There is no* – semua masalah kita akan terima. Ini keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**13. Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh *Securities Commission* untuk mengelakkan berlakunya *insider trading*.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Saya ingat sudah tidak sampai soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawablah secara ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan Ini [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Suruhanjaya Sekuriti merupakan agensi yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan aktiviti *insider trading* di Malaysia. *Insider trading* adalah satu kesalahan yang serius di mana seksyen 188(4), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 telah memperuntukkan hukuman penjara untuk tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada RM1 juta atau kedua-duanya sekali. Secara amnya seksyen 188, akta melarang mana-mana individu daripada memperoleh, melupuskan atau membuat suatu perjanjian bagi atau dengan tujuan untuk memperoleh atau melupuskan sebarang sekuriti sekiranya dia mempunyai makluman dalaman yang material berhubung dengan sekuriti tersebut dan mendapat faedah daripadanya.

SC telah mengambil tindakan undang-undang terhadap individu-individu yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan kesalahan *insider trading*. Tindakan tegas ini diharap mampu memberi satu mesej yang jelas kepada masyarakat awam bahawa kerajaan memandang serius aktiviti *insider trading* dan berharap tindakan undang-undang dapat mendidik pasaran serta meningkatkan tadbir urus korporat. SC telah mengambil tindakan pendakwaan dan tindakan sivil ke atas pelbagai individu atas kesalahan-kesalahan *insider trading*. Individu-individu ini termasuklah mereka yang terdiri daripada golongan profesional seperti peguam, serta tokoh-tokoh korporat yang telah menyalah guna maklumat dalaman syarikat-syarikat tersenarai awam.

SC turut bekerjasama dengan Bursa Malaysia dan mengambil langkah awal membendung aktiviti *insider trading* daripada berlaku. Perkara ini boleh dilihat apabila Bursa telah memperkenalkan senarai *privy* ataupun *privilege list* dalam panduan pendedahan korporat Bursa Malaysia pada bulan September 2011. Senarai *privy* ini adalah senarai daftar identiti setiap individu yang terlibat dalam urus niaga atau memiliki maklumat sensitif dan tarikh senarai tersebut diwujudkan dan dikemaskinikan.

Senarai *privy* ini akan menjadi rujukan apabila berlaku penyiasatan terhadap mana-mana kes *insider trading*, senarai *privy* ini juga bertujuan untuk mengelak dan membendung aktiviti *insider trading* daripada berlaku serta memudahkan proses penyiasatan sekiranya aktiviti tersebut terjadi. Sekiranya Bursa Malaysia mendapati terdapat pelanggaran ke atas peruntukan-peruntukan akta, Bursa Malaysia akan membuat rujukan kepada SC dan penyiasatan lanjut akan dibuat oleh SC dan tindakan tegas akan diambil jika terdapat bukti kesalahan telah dilakukan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya fikir setakat itu dahululah pertanyaan-pertanyaan lisan pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.59 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua.

#### **■ 1200**

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan saya membentangkan Bajet 2013 dalam Dewan yang mulia ini untuk meneruskan tradisi terbaik Kerajaan Malaysia dalam memastikan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Bajet 2013 digubal dengan teliti dan komprehensif serta mengambil kira senario semasa ekonomi dan perdagangan global.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang meskipun dalam persekitaran global yang tidak menentu dan mencabar. Dalam tempoh Januari hingga September 2012, ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 5.3% yang didorong terutamanya oleh pengukuhan aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta. Bagi keseluruhan tahun 2012, pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang kukuh dalam lingkungan 4.5% hingga 5%. Pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada hampir RM31,000 pada tahun 2012 berbanding RM25,000 pada tahun 2009. Mengambil kira persekitaran ekonomi global secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2013 diunjur berkembang lebih kukuh pada kadar 4.5% hingga 5.5%.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 akan menyediakan peruntukan sebanyak RM251.6 bilion bagi melaksanakan semua langkah, program dan projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM2,001.9 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM49.7 bilion bagi peruntukan pembangunan. Di bawah peruntukan mengurus, sejumlah RM58.6 bilion adalah bagi emolumen dan RM33.7 bilion disediakan bagi perkhidmatan dan bekalan. Manakala RM107.3 bilion diperuntukkan kepada pemberian berkenaan bayaran tetap. Sejumlah RM1.1 bilion disediakan untuk pembelian aset dan baki RM1.2 bilion untuk perbelanjaan lain.

Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM30 bilion disediakan bagi sektor ekonomi, RM11.1 bilion bagi sektor sosial, RM4.6 bilion diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan, RM2 bilion bagi pentadbiran am dan RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013, jumlahnya dianggarkan RM208.6 bilion berbanding RM207.2 bilion pada tahun 2012. Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan, defisit Kerajaan Persekutuan akan terus berkurangan kepada 4% daripada KDNK bagi tahun 2013 berbanding 4.5% pada tahun 2012. Ini menunjukkan kerajaan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal ke paras yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 digubal dengan fokus untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, memastikan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, perbelanjaan yang berhemah dan pengurangan defisit fiskal negara dengan matlamat mengutamakan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, Bajet 2013 dirangka bertemakan, "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat, Sebuah Janji Ditepati*". Dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama seperti berikut; fokus pertama merangsang aktiviti pelaburan. Pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu oleh pelaburan langsung asing dan domestik. Dalam tempoh separuh pertama 2012, pelaburan swasta meningkat kepada RM75.3 bilion berbanding RM59.8 bilion pada tempoh yang sama tahun 2011. Trend ini dijangka berterusan dalam tahun 2013 dengan pelaburan swasta dijangka meningkat kepada RM148.4 bilion. Kerajaan akan terus merencanakan pelaksanaan dua belas bidang utama ekonomi negara dengan peruntukan RM3 bilion bagi Pelaksanaan Projek Permulaan (EPP). Antaranya projek pertanian bernilai tinggi, projek *river of life* dan projek pemulihan rangkaian paip dan pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi negara. Bagi mempercepatkan pertumbuhan industri PKS dan perluasan skop kawasan industri di seluruh negara, dana RM1 bilion akan disediakan di bawah Skim Pembangunan PKS di bawah kendalian SME Bank. Pada masa yang sama, SME Bank dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam akan menyediakan Dana Islam Industri Halal sebanyak RM200 juta bagi membangunkan produk-produk halal berimpak tinggi untuk tujuan eksport. Selain itu, kerajaan juga mencadangkan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok diwujudkan kepada penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Skim ini akan memberi hak perlindungan maksimum sehingga RM5,000 yang dijangka dapat memanfaatkan seramai 1.5 juta penjaja dan peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab dagangan minyak dan gas bersepadu utama dunia. Bagi meningkatkan penglibatan pengusaha swasta dalam pembangunan industri minyak dan gas, bantuan kos pengambilalihan tanah dan bantuan kewangan sebagai *tipping point* projek perkongsian awam swasta diberi pengecualian cukai, pendapatan 100% untuk tempoh sepuluh tahun berserta dengan pengecualian cukai pegangan dan pengecualian duti

setem. Bagi pelaburan dalam aktiviti penapisan produk petroleum, elaun cukai pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh sepuluh tahun diberi kepada yang layak. Hasil pemberian insentif, pelbagai projek pelaburan minyak dan gas bernilai USD20 bilion telah dimulakan termasuk projek *Refinery and Petrochemicals Integrated Development (Rapid)*, terminal simpanan minyak dan gas di Johor, loji regasifikasi di Melaka dan terminal minyak serta gas di Sipitang, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan. Untuk tujuan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan diperuntukkan sebanyak RM5.8 bilion. Di samping itu, empat kawasan jelapang padi baru akan dibuka di Kota Belud, Batang Lupar, Rompin dan Pekan dengan penyertaan seramai 12,237 pesawah dan dijangka menghasilkan 104,000 tan metrik dengan perbelanjaan sebanyak RM104 juta. Selain itu, Skim Perlindungan Takaful Padi akan diperkenalkan dengan memberi kemudahan perlindungan kepada pengusaha sawah di bawah 10 hektar yang dijangka dapat memanfaatkan 172,000 pesawah. Jumlah pampasan yang dapat diterima dianggarkan bernilai RM13,000 setiap pesawah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk terus mencergaskan pasaran modal dan ekuiti negara, Suruhanjaya Sekuriti akan menyediakan rangka kerja bagi terbitan agro *sukuk* untuk syarikat yang terlibat dalam sektor pertanian. Dengan terdapatnya instrumen seperti agro *sukuk*, ia dapat mengumpulkan modal yang lebih besar bagi membiayai syarikat pertanian dan industri asas tani. Selain daripada pelabur institusi, buat pertama kalinya kerajaan akan menggalakkan pelabur runcit menyertai pasaran modal. Bagi tujuan ini, AC telah menyediakan satu rangka kerja terbitan bon dan *sukuk* runcit untuk membolehkan pelabur-pelabur runcit memiliki pegangan dalam pasaran bon dan *sukuk*. Bagi mendorong syarikat menerbitkan bon dan *sukuk* runcit, kerajaan mencadangkan perbelanjaan tambahan menerbitkan bon dan *sukuk* runcit tersebut diberi potongan cukai dua kali mulai tahun taksiran 2012 hingga 2015.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merencanakan akses syarikat ke pasaran modal, peruntukan modal dana jamin Nasional Berhad akan ditambah sebanyak RM400 juta dalam tempoh dua tahun. Suntikan ini dapat melipatgandakan nilai terbitan antara RM4 bilion hingga RM6 bilion. Di samping itu, untuk menggalakkan institusi kewangan antarabangsa utama menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pilihan pelaburan, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh sepuluh tahun diberi kepada syarikat berstatus *Tun Razak Exchange* (TRX) di samping pengecualian duti setem, elaun bangunan industri, elaun modal dipercepatkan kepada syarikat berstatus TRX dan pengecualian cukai bagi pemaju hartanah diberikan.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited memastikan syarikat bumiputera dapat bersaing secara seimbang dalam pemilikan syarikat besar, pekerjaan berpendapatan tinggi serta pelaburan di sektor utama ekonomi. Justeru sebanyak RM9 bilion atau 43% daripada nilai kos infrastruktur projek MRT akan diperuntukkan kepada syarikat bumiputera. Di samping itu dana pembiayaan bumiputera berjumlah

RM1 bilion akan disediakan oleh SME Bank bagi membantu syarikat PKS bumiputera untuk berkembang dan mempertingkatkan pegangan ekuiti terutamanya bagi tujuan membiayai pengambilalihan anak syarikat milik GLC yang menjalankan aktiviti bukan teras (*non-core*).

Fokus kedua memperkasa pendidikan dan latihan. Tuan Yang di-Pertua kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras. Kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan peruntukan sebanyak RM1 bilion di bawah tabung khas pembinaan penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah khusus bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok-blok tambahan.

Bagi meningkatkan perkhidmatan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, kerajaan mencadangkan pemberian geran pelancaran RM10,000 kepada penyelia pusat didikan awal kanak-kanak swasta. Ini adalah untuk membantu mereka membuka taska baru yang berkualiti. Di samping itu pelbagai intensif cukai turut diberi pada pengusaha taska dan pengusaha prasekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2013 sejumlah RM3.7 bilion akan disediakan untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional. Program latihan secara bersepadu akan dibentuk untuk mengasah kemahiran baru selaras dengan keperluan industri masa depan. Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk melatih 3,200 pelajar masyarakat India terutamanya dari estet-estet bagi memperengkapkan mereka dengan kemahiran dan mendapatkan pekerjaan.

Fokus ketiga membudaya inovasi, meningkat produktiviti. Bagi membolehkan PKS menggunakan harta intelek sebagai nilai komersial dan instrumen untuk mendapatkan pembiayaan memajukan perniagaan. Satu, modul penilaian harta intelek akan diwujudkan bagi membenarkan ia dinilai secara komersial dan seterusnya digunakan sebagai cagaran memperoleh pembiayaan dari institusi kewangan. Selain itu *Malaysian Debt Ventures* akan mewujudkan skim dana pembiayaan harta intelek berjumlah RM200 juta di mana kerajaan akan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2% dan jaminan sebanyak 50%.

Aktiviti RND pula akan terus diberi penekanan. Sejumlah RM600 juta akan diperuntukkan kepada lima buah universiti penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam pelbagai bidang strategi. Fokus keempat konsolidasi fiskal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memastikan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi paras 55% KDNK dan defisit fiskal terus berkurangan kepada 3% menjelang 2015.

Antara langkah yang akan dan telah diambil termasuk memastikan kutipan hasil ditingkatkan dengan mengukuhkan sistem percukaian dan memastikan semua perolehan dan pembelian kerajaan adalah berdasarkan prinsip *value for money*. Kerajaan juga tidak lupa akan jasa pesara yang pernah mencurahkan khidmat bakti dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada negara. Sehubungan itu

kerajaan akan menyelaras semua *pension*, pesara kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun dengan menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820.

Kerajaan juga bersetuju untuk meningkatkan peluang kenaikan pangkat anggota ATM, Angkatan Tentera Malaysia melalui kaedah kenaikan secara *time based* bagi anggota berpangkat prebet, lans koperal dan lans koperal atau koperal dalam tempoh lapan tahun dengan memenuhi syarat-syarat serta prestasi yang memuaskan. Kerajaan juga bersetuju memberikan bayaran insentif khas dengan kadar RM200 sebulan kepada semua pegawai dan anggota ATM seramai 125,708 berkuat kuasa 1 Januari 2013.

Kerajaan juga tidak lupa jasa bakti pahlawan negara. Oleh itu sumbangan sebanyak RM1,000 secara *one-off* diberi kepada bekas tentera bersara awal yang berkhidmat kurang daripada 21 tahun serta tidak berpencen. Di samping itu Skim Perlindungan Insurans Berkelompok akan diperkenalkan kepada anggota tentera dan polis. Skim ini akan memberi hak perlindungan maksimum sehingga RM15,000 kepada hampir 242,000 anggota tentera dan polis.

Tuan Yang di-Pertua bagi meningkatkan pengurusan pinjaman perumahan awam, kerajaan mencadangkan Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan disusun semula di mana kerajaan akan melantik panel bank komersial untuk menguruskan pinjaman perumahan kerajaan yang baru. Segala manfaat dan bantuan sedia ada yang dinikmati oleh penjawat awam akan tetapi dikekalkan malah akan ditambah baik serta kadar faedah kekal pada kadar 4%.

Fokus kelima, menyejahterakan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan menyediakan RM6 bilion pada tahun 2013 di bawah inisiatif pembiayaan swasta atau PFI2 untuk melaksanakan pelbagai projek dan program untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara. Manakala, untuk terus mengurangkan kadar jenayah, kerajaan komited untuk menambah bilangan perjawatan baru polis, menubuhkan unit rondaan bermotosikal bagi memantau kawasan perumahan, menambah bilangan ahli pasukan sukarelawan polis serama 10,000 orang dan menambah pemasangan CCTV sebanyak 496 unit di PBT seluruh negara.

Di samping itu geran sejumlah RM10,000 diberi kepada 4,025 persatuan penduduk sebagai menyokong peranan persatuan penduduk dalam aktiviti rondaan. Kerajaan juga telah melancarkan program transformasi luar bandar bagi mengukuhkan pembangunan kawasan luar bandar. Seterusnya untuk komuniti di bandar pula, program transformasi bandar akan direalisasikan. Sejumlah RM200 juta akan disediakan bagi maksud ini.

Bagi memastikan penyelarasan strategik di antara keduanya, *National Strategic Coordination Unit* akan diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan. Sebanyak RM4.5 bilion akan disediakan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan termasuk pembinaan 441 kilometer projek jalan luar bandar dalam perhubungan desa serta projek infrastruktur utiliti luar bandar. Di samping itu RM88 juta

diperuntukkan bagi melaksanakan program pembangunan ekonomi dan projek bekalan air bagi masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersetuju untuk menambah 70 Klinik 1Malaysia menjelang akhir tahun 2013. Klinik 1Malaysia juga akan menyediakan perkhidmatan kolesterol, glukosa serta ujian urin kepada mereka yang memerlukan. Selain itu RM100 juta akan diperuntukkan bagi membaik pulih 350 buah klinik di seluruh negara di samping menambah 150 buah mesin dialisis di pusat hemodialisis kerajaan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan wanita akan terus di perhebatkan dan diperkukuhkan. Ini termasuk pelaksanaan program latihan pengarah wanita, program inkubator keusahawanan ibu tunggal dan program *Get Malaysian Business Online*. Selain itu pemeriksaan percuma ujian mammogram disediakan bagi wanita berumur 40 tahun dan ke atas. Selain itu kerajaan akan membina sebuah velodrom tertutup di sebuah Akademi Badminton di Bukit Kiara dalam hal belia dan sukan dengan peruntukan sebanyak RM80 juta.

Kerajaan akan mewujudkan pakej komunikasi belia dengan pemberian rebat RM200 secara *one-off* bagi pembelian satu unit telefon mudah alih pintar 3G melalui pengedar-pengedar rasmi. Ia terbuka kepada belia yang berumur 21 hingga 30 tahun yang berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah. Kerajaan komited untuk memastikan setiap rakyat Malaysia berpeluang untuk memiliki mereka sendiri. Oleh itu bagi tahun 2013, kerajaan akan memperuntukkan RM1.9 bilion di bawah pelbagai agensi bagi membina 123,000 unit rumah dengan harga berpatutan di kawasan-kawasan strategik.

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi secara bersasar, *targeted subsidy*, kerajaan komited bagi memastikan setiap segmen rakyat Malaysia dapat berkongsi kemakmuran negara. Oleh itu, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2.0 akan diteruskan. Sebagai tambahan, BR1M 2.0 ini juga diperluaskan kepada individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan dan bantuan adalah sebanyak RM250 seorang. Bagi memastikan kos dan harga barangan dapat dikurangkan, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM386 juta bagi memastikan harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak serta Labuan dapat dijual pada harga yang lebih rendah dari sekarang.

Memperudahkan ibadah haji - bagi membantu bakal-bakal haji yang mencarum di KWSP, mereka dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan daripada Akaun 2 bagi menampung kekurangan kos tambang. Inisiatif ini terhad kepada jemaah muassasah dengan maksimum pengeluaran sehingga RM3,000. Di samping itu, kerajaan mencadangkan kadar cukai pendapatan individu diturunkan satu mata peratusan bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai tahunan melebihi RM2,500 sehingga RM50,000. Pada masa yang sama, kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan antara satu hingga tujuh mata peratusan di semua kumpulan berpendapatan bercukai.

Meringankan beban pengusaha bas sekolah – bagi memastikan keselamatan anak-anak yang menaiki bas ke sekolah, kerajaan mencadangkan pemberian rebat tunai RM10,000 dan subsidi kadar faedah 2% ke atas pinjaman penuh untuk menggantikan bas sekolah lama berusia melebihi 25 tahun kepada bas baru yang berkapasiti 12 hingga 18 tempat duduk. Di samping itu, skim perlindungan insurans kemalangan diri akan diperkenalkan kepada semua murid sekolah yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah berpermit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin terhadap kebajikan pelajar terutamanya mereka yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Untuk itu, sebanyak RM2.6 bilion akan diperuntukkan kepada pelajar yang merangkumi bantuan geran per kapita, bantuan makanan asrama, rancangan makanan tambahan, pembelian buku teks dan bantuan bayaran tambahan persekolahan. Kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan pemberian Bantuan Persekolahan RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Bantuan ini akan dibayar mulai bulan Januari 2013 dan memberikan manfaat kepada 5.4 juta pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM540 juta. Selain itu, Program Baucar Buku 1Malaysia akan diteruskan kepada setiap pelajar IPT dan prauniversiti dengan nilai baucar akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250. Langkah ini melibatkan peruntukan RM325 juta dan akan memanfaatkan seramai 1.3 juta pelajar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan proses pembayaran balik pinjaman PTPTN, peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun iaitu bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20% akan diberikan ke atas jumlah pinjaman mereka. Bagi peminjam yang membayar secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10% setahun akan diberikan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga bersetuju untuk memberikan bonus sebanyak satu setengah bulan gaji kepada penjawat awam dan bagi pesara kerajaan, bantuan sebanyak RM500 juga akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2013 merupakan penerusan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi. Ia juga adalah langkah serta janji kerajaan dalam mengekalkan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan tidak akan sekali-kali mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan untuk memberi perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada rakyat. menjunjung *prinsip "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"*, program transformasi di segenap aspek akan menjadi keutamaan dalam memastikan semua projek dilaksanakan dengan cepat, berkesan dan *value for money*.

Dengan izin Allah SWT dan sokongan rakyat, kita akan menyaksikan negara tercinta ini akan terus membangun maju dalam persekitaran global yang semakin mencabar serta terus dilimpahi nikmat perpaduan dan keharmonian yang tidak ada tolak banding pentingnya dalam konteks negara kita Malaysia. Paling pokok, kita mampu membina masa depan dengan lebih gemilang untuk semua tanpa

mengira kaum dan agama dan memastikan pertumbuhan ekonomi dan kedudukan kewangan terus kukuh, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebelum saya memberikan ruang untuk kita memulakan perbahasan kita, sukacita saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa kita telah diperuntukkan enam hari untuk membahaskan rang undang-undang ini dan ia bermula pada hari ini sehingga hari Khamis, 13 Disember 2012. Selepas itu ada dua hari untuk kementerian-kementerian menjawab iaitu pada hari Isnin, 17 Disember 2012 dan hari Selasa, 18 Disember 2012.

Jadi sebelum itu saya ingin memperingatkan kepada Yang Berhormat–Yang Berhormat, setakat ini saya hanya menerima enam nama-nama Yang Berhormat yang telah mengatakan ingin turut serta membahaskan rang undang-undang ini. Jadi saya mohonlah kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kalau ingin turut serta membahaskan rang undang-undang ini, silakan kemukakan nama, hantarkan nama kepada saya supaya senang saya membahagikan masa, mencatur masa supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sama-sama berpeluang dan diberikan masa yang sewajarnya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

**12.28 tgh.**

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk saya membahaskan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28 September 2012 di Dewan Rakyat dan baru sahaja kita dengar yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet yang begitu komprehensif untuk membawa kesejahteraan kepada semua rakyat iaitu manifestasi sebuah janji yang ditepati. Sebagai rakyat Malaysia, kita bangga. Di bawah kepimpinan yang mampan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, Malaysia kini berada di tangga ke-12 dalam senarai kemudahan urus niaga, nombor 25 dalam indeks kompetitif, di tempat ke-9 sebagai

destinasi pelancongan utama, pelindung pelaburan keempat terbaik dan nombor satu untuk kemudahan kredit. Ini meletakkan negara mengatasi negara maju seperti Jepun, Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat, Sweden dan Itali.

#### ■1230

Sasaran Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5% juga berjaya dilepasi pada kadar semasa 5.3%, lebih baik daripada KDNK Singapura, Amerika Syarikat mahupun Korea di samping pengiktirafan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam utama dunia. Kadar pengangguran semasa pula cuma sekadar 3% berbanding 9.7% di Amerika Syarikat. Sementara pelaburan swasta meningkat 22% dan Indeks Komposit Bursa Malaysia pula mencecah 1,600 mata atas kepercayaan pelabur seluruh dunia.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib telah menekan kepada lima fokus utama dalam Bajet 2013 iaitu pertama merangsang aktiviti pelaburan, kedua memperkasa pendidikan dan latihan, ketiga membudaya inovasi, meningkat produktiviti, keempat konsolidasi fizikal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam dan kelima menyejahterakan rakyat.

Saya penuh yakin dengan pimpinan yang penuh dedikasi dan Bajet 2013 yang bertemakan "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati*" dan bajet lima tahun yang akan datang yang saya juga penuh yakin akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib juga, *insya-Allah* negara kita yang tercinta ini akan dapat mencapai matlamat negara yang berpendapatan tinggi dan status negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh sebab saya percaya, banyak kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan nanti dan demi untuk menjimatkan masa, saya akan hanya menyentuh tiga topik utama sahaja. Pertama, berhubung dengan perumahan untuk rakyat. Dalam ucapan bajetnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata kerajaan sedar perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat, oleh sebab itu kerajaan akan memperuntukkan RM1.9 bilion untuk membina 123,000 unit rumah dengan harga berpatutan iaitu RM500 juta untuk PR1MA, RM320 juta untuk Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan RM543 juta akan disediakan bagi Jabatan Perumahan Negara. Syabas diucapkan kepada kerajaan untuk memastikan setiap rakyat berpeluang untuk memiliki rumah mereka sendiri.

Walau bagaimanapun mengikut angka terkini dengan bilangan penduduk sejumlah 27,817,792 dan berasaskan kepada angka 4.3 dalam satu keluarga, negara mempunyai 6,353,470 keluarga atau *household* dengan izin. Akan tetapi angka bilangan rumah selesa iaitu tidak termasuk rumah-rumah setinggan di bandar dan rumah rumah-rumah kampung di kawasan luar bandar yang kadangkala tidak mempunyai tandas, tangga yang sempurna, bumbung yang sentiasa bocor ialah hanya 4,512,665.

Ini bermakna negara masih berkehendakkan 1,840,805 unit perumahan yang diiktiraf sebagai perumahan selesa. Dalam satu aspek yang lain mengikut statistik yang di kumpul oleh Jabatan Statistik,

bilangan *living quarters* atau tempat duduk di seluruh negara ialah 7,346,910. Ini bermakna negara mempunyai 993,440 unit tempat tinggal yang diiktiraf sebagai tidak selesa. Di dalam hal ini saya cadangkan kerajaan mengambil langkah berikut.

Pertama, selain daripada PR1MA ditugaskan untuk membina 55,000 unit rumah, SPNB 22,855 unit kediaman kos sederhana dan murah dan 21,000 unit dalam program rumah mesra rakyat dan Jabatan Perumahan Negara membina 20,454 unit dengan kaedah *industrialize building system* dengan izin. Kerajaan harus memikirkan untuk menambah peruntukan tabung khusus sama ada melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Kementerian Luar Bandar untuk membaiki rumah-rumah yang saya takrif dengan izin, *not fit for human habitation*.

Kedua, kerajaan harus menimbang dan memperuntukkan dana khusus atau mempertambah dana, kalau sudah ada untuk memberi pinjaman membaiki rumah dengan kadar yang berpatutan.

Sekarang saya hendak pergi ke masalah rumah mampu milik dan peranan syarikat pemaju-pemaju pembinaan swasta. Semenjak 1982, kerajaan telah mengenakan syarat supaya dalam mana-mana skim perumahan, 30% daripada rumah-rumah yang dibina hendaklah rumah harga murah iaitu di antara RM25,000 hingga RM42,000 sebuah. Hasil daripada dasar ini, bilangan rumah dan rumah pangsa murah di negara ini sekarang telah mencecah 1,045,917 buah. Kepada saya dasar ini telah mencapai kejayaan sungguh pun tidak 100%.

Masalahnya, oleh sebab tanah-tanah adalah di bawah kuasa negeri, dasar untuk pembinaan rumah murah berlainan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Misalannya di Kelantan pembinaan rumah murah tidak diwajibkan melainkan di atas tanah pemberian kerajaan. Di Kedah pula, pembinaan rumah murah tidak perlu di atas tanah rizab Melayu. Dasar di Pulau Pinang dan Selangor pun berlainan, oleh sebab berlainan dasar inilah maka kita dapati bahawa di sesetengah kawasan terlampau banyak pembinaan rumah murah sehingga rumah-rumah ini pun tidak terjual dan di setengah tempat pula tidak mencukupi.

Lagi satu masalah ialah kelonggaran yang diberi kepada pemaju di dalam kawasan-kawasan tertentu seperti di Kuala Lumpur misalannya di Kenny Hill atau Damansara Heights, pemaju tidak perlu membina rumah murah tetapi dikehendaki membina sumbangan kepada Dewan Bandaraya dan sumbangan ini ialah hanya RM3,250 bagi tiap-tiap rumah murah yang tidak dibina. Apa rasionalnya angka ini saya tidak faham apabila definisi rumah murah di Kuala Lumpur ialah RM42,000.

Saya berpendapat Kementerian Perumahan dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Datuk Bandar sendiri mengkaji semula angka ini sebab sumbangan yang diberi oleh pemaju sebenarnya ialah untuk membolehkan kerajaan untuk membina rumah-rumah murah yang sepatutnya memenuhi kuota di kawasan-kawasan yang berkenaan.

**■1240**

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan rumah mampu milik, selain daripada rumah murah adalah berlainan kedudukannya. Untuk permulaan bilangan keluarga yang berpendapatan lebih daripada RM1,000 hingga RM5,000 di Malaysia ialah 3,449,934 dan bilangan rumah termasuk rumah teres, rumah berkembar dan rumah pangsa yang dijangka berharga di antara RM100,000 hingga RM400,000 ialah 2,346,282 buah. Ini bermakna kita kekurangan 1,103,652 rumah mampu milik di dalam kategori itu.

Selain daripada usaha kerajaan untuk membina rumah-rumah dalam kategori ini, saya cadangkan Dasar Perumahan Negara disemak kembali dengan tindakan berikut. Pertama, kuota pembinaan rumah di satu-satu projek perumahan ditukar kepada 20% rumah murah di mana harganya tidak melebihi RM42,000 mengikut kawasan-kawasan tertentu. 5% hingga 10% rumah murah sederhana ataupun dengan izin, *low medium cost* dengan harga tidak melebihi RM100,000 dan 5% hingga 10% rumah harga sederhana iaitu *medium cost* di mana harganya tidak melebihi RM200,000. Saya percaya kuota seumpama ini akan lebih dapat diterima oleh pemaju-pemaju perumahan swasta di dalam keadaan semasa.

Kedua, di mana majlis tempatan melalui kerajaan negeri memberi kelonggaran untuk tidak membina kuota rumah murah dan rumah harga sederhana. Sumbangan yang diberikan disemak kembali setimpal dengan kos semasa. Sumbangan ini mestilah digunakan semata-mata untuk kepentingan perumahan di kawasan dan negeri masing-masing. Ketiga, caruman utiliti atau *utility charge* iaitu pembayaran kepada TNB, IWK, JPS dan lain-lain agensi dikaji semula untuk mengurangkan kos untuk membina yang selalu dibawa-bawa oleh pemaju sebagai salah satu daripada sebab mengapa harga rumah terpaksa dinaikkan.

Keempat, berhubung dengan tanah-tanah kerajaan istimewa pula tanah-tanah yang digunakan sebagai kuarters pegawai kerajaan, saya nampak tanah-tanah ini *deunderutilize*, dengan izin. Dasar peruntukan kuarters kepada pegawai-pegawai kerajaan adalah dasar yang kita warisi daripada musim penjajahan. Di mana kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat ingat di masa itu tuan DO diletakkan di kawasan atas bukit sedikit, luasnya dua atau tiga ekar. Dia berkhidmat tiga atau empat tahun ditukar dan kuarters di bukit lain diberi di bandar lain pula. Lepas mereka itu berkhidmat mereka balik ke England dan membeli rumah masing-masing di England. Saya fikir telah tiba masanya kerajaan mengambil stok dengan cara komprehensif tanah-tanah kerajaan seumpama ini untuk dibangunkan sesuai...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masih panjang lagikah?

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Di antara lima hingga 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat berhenti sekejap sebab ada usul Yang Berhormat Menteri. Nanti sambung balik. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 6 Disember 2012.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato’ Rahim sambung.  
**12.43 tgh.**

**Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mikrofon pun sudah lupa. Saya fikir seperti yang saya kata tadi telah tiba masanya kerajaan mengambil stok dengan cara komprehensif tanah-tanah kerajaan seumpama ini untuk dibangunkan sesuai dengan keadaan semasa termasuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan membeli rumah-rumah yang dibina. Dalam hal ini CUEPACS pernah menyuarakan bahawa oleh sebab peruntukan kuarters yang tidak diberi peluang untuk dibeli apabila pencen pun banyak pegawai kerajaan belum mempunyai rumah sendiri. Saya berharap cadangan-cadangan ini diambil perhatian oleh kementerian-kementerian dan pihak berkenaan yang lain supaya cadangan-cadangan ini digubal sebagai *blueprint* perumahan negara. Jika komitmen kerajaan untuk memastikan setiap rakyat Malaysia berpeluang untuk memiliki rumah sendiri tercapai, maka lebih bermaknalah pencapaian sebagai negara maju menjelang tahun 2020 nanti.

Perkara kedua yang saya hendak kemukakan ialah berhubung dengan pengurusan barangan. Banyak di antara rumah-rumah yang dibina adalah rumah-rumah pangsa, bangunan-bangunan tinggi yang memerlukan urusan yang sempurna. Maka adalah wajar Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperkenalkan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 yang akan dibahas dalam sesi ini nanti. Saya difahamkan rang undang-undang ini digubal selepas dikaji selidik selama lebih tiga tahun oleh pegawai-pegawai kementerian serta ahli-ahli profesional yang berkenaan dan pejabat Peguam Negara. Sementara tuan punya bangunan dan jawatankuasa pengurusan atau *management*

*community* boleh memilih untuk mengurus bangunan masing-masing tetapi jika orang-orang atau kumpulan ketiga hendak dilantik rang undang-undang di dalam seksyen 21(2)(f) menetapkan supaya mereka mestilah pengurus harta yang berdaftar.

Pendaftaran ini ada tanggungjawab Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah di bawah Akta 242 yang telah di lulus lebih daripada 30 tahun dahulu iaitu tahun 1981 di bawah penyeliaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan. Ini sejajar dengan kajian yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri iaitu muka surat 175 buku yang berkenaan yang berbunyi, "*Pengurus bangunan yang dilantik perlulah berdaftar dengan lembaga profesional.*" Ini ialah untuk menentukan penghuni dan tuan empunya unit-unit strata bangunan tinggi berada dalam komuniti bertanggungjawab, persekitaran bersih, selamat dan harmoni, perbelanjaan berhemah dan tiada penyelewengan yang semua hanya dapat di wujud jika bangunan-bangunan ini diurus oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman serta dikawal selia oleh pihak berkuasa yang tertentu.

Akan tetapi nampaknya rang undang-undang yang akan dibentangkan mengandungi pindaan di saat-saat terakhir. Saya tidak bercadang untuk berhujah lebih lanjut berhubung dengan perkara ini pada masa ini tetapi bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, saya akan sama akan mengambil bahagian di dalam perbahasan apabila Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 dibentangkan di Dewan yang mulia ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita menyediakan rumah-rumah dan tempat-tempat kediaman untuk rakyat termasuk kediaman pegangan strata dan bangunan-bangunan yang berkenaan diurus dengan sempurna, maka ada kemungkinan timbul sesetengah tuan-tuan empunya kediaman ini tidak bekerjasama dengan *management community* atau *Joint Management Board* seperti tidak mahu membayar *service charge* atau kos penyelenggaraan. Selalunya selepas perundingan ada juga mereka-mereka yang berkeras sehingga MC atau JMB terpaksa mengambil tindakan undang-undang. Masalahnya oleh sebab kesibukan mahkamah. Kes-kes seumpama ini akan mengambil masa yang panjang kadang-kadang sehingga lima tahun dan ianya tidak dapat menyelesaikan masalah pengurusan masalah bangunan-bangunan berkenaan dalam masa yang terdekat.

#### ■1250

Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya satu tribunal atau Tribunal Hartanah atau *Lands Tribunal* dibentuk. Inilah tajuk saya yang terakhir dalam perbahasan ini. *Lands Tribunal* yang saya cadangkan ini bukan sahaja dapat membicarakan dan menyelesaikan masalah pengurusan bangunan strata tetapi juga dicadangkan untuk mengatasi semua masalah bersangkut-paut dengan hartanah seperti masalah rayuan pembayaran cukai pintu, masalah pembicaraan pengambilan tanah oleh kerajaan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, rayuan pembayaran cukai setem, masalah

berhubung kait dengan pembelian hartanah dan kes-kes berkenaan dengan penyewaan premis atau dengan izin, *landlord and tenant matters*.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sehingga akhir tahun 2010, kes-kes pengambilan tanah sahaja yang telah dirujuk kepada Mahkamah Tinggi yang belum selesai sehingga lima tahun ialah 2,478 kes. Lebih daripada lima tahun sebanyak 153 kes, enam hingga 10 tahun sebanyak 801 kes dan lebih daripada sepuluh tahun sebanyak 14 kes. Hampir semua kes pengambilan tanah yang dirujuk ke mahkamah adalah perkara yang melibatkan amaun pampasan.

Fungsi utama *Lands Tribunal* ini adalah mendengar rayuan mana-mana orang kepentingan supaya rayuan dan bantahan dapat dipertimbangkan dengan cepat, adil dan saksama tanpa membebankan orang yang berkepentingan dan kerajaan dari segi kos dan masa. Keahlian *Lands Tribunal* dicadangkan terdiri tidak kurang daripada seorang Pengerusi, dua orang Timbalan Pengerusi dari perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan enam orang ahli tribunal. Ahli-ahli tribunal hendaklah terdiri daripada mereka-mereka yang berpengalaman di dalam bidang hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cadangan penubuhan satu tribunal telah pernah dibuat oleh kerajaan pada tahun 1975 dan Mendiang Dato' Athi Nahappan, Timbalan Menteri Undang-undang pada ketika itu telah dilantik untuk mengkaji penubuhan tribunal ini. Apabila Dato' Athi Nahappan meninggal dunia pada tahun 1977, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan penubuhan tribunal ini.

Kebanyakan negara-negara hari ini mempunyai Tribunal Tanah. Di United Kingdom, *Lands Tribunal* diwujudkan di bawah *Lands Tribunal Act 1949* yang mempunyai bidang kuasa di England dan Wales. Australia di mana sistem perundangan tanah adalah sama seperti Malaysia mempunyai tribunal yang merupakan sebahagian daripada badan eksekutif. Fungsi tribunal ini adalah untuk menimbang semula keputusan pentadbiran, bertindak sebagai pembuat keputusan untuk mencapai keputusan terbaik dalam keadaan tertentu.

Di Singapura pula terdapat badan *appeal board* iaitu satu tribunal di bawah Akta Pengambilan Tanah yang mendengar rayuan dari tuan tanah yang tidak puas hati dengan pampasan yang dibayar oleh pemungut hasil tanah sebagai agen kerajaan. Selepas mendengar rayuan, *appeal board* ini diberi kuasa untuk mengesah, mengurang, menaik atau membatalkan pampasan yang diputus oleh pemungut hasil tanah. Keputusan *appeal board* adalah muktamad kecuali melibatkan pertikaian undang-undang yang boleh dirujuk ke Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat telah tiba masanya negara kita membuat satu *Lands Tribunal* atau Tribunal Hartanah untuk mendengar rayuan dari pihak kepentingan dalam hal-hal tanah pada keseluruhannya supaya kes-kes ini dapat didengar di dalam masa yang terdekat sejajar dengan usaha kerajaan untuk menambahbaikkan pelaksanaan sistem penyampaian kepada rakyat supaya ianya

lebih cepat tanpa mengorbankan keadilan dan kesaksamaan serta meningkatkan kepuasan pelanggan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun, silakan Yang Berhormat.

**12.55 tgh.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta di dalam perbahasan Bajet 2013 ini. *Alhamdulillah*, saya mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua saya dapat turut serta membahaskan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan pada petang Jumaat yang berkat 28 September 2012 yang lalu dan baru sahaja dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2013 ini yang mengutamakan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan menyentuh segenap lapisan masyarakat termasuk kakitangan kerajaan, petani, nelayan, pesara, golongan miskin dan sederhana, pelajar, belia, penduduk bandar, pelabur, usahawan dan peniaga. Bajet 2013 ini juga memberikan tumpuan kepada usaha bagi menjulang negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan meneruskan tradisi keprihatinan kepada rakyat untuk membawa kemakmuran ke seluruh negara demi kepentingan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat.

Bajet 2013 adalah merupakan bajet ke-55 negara dengan peruntukan sebanyak RM251.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM18.8 bilion atau 8.07% berbanding Bajet 2012 yang berjumlah RM232.2 bilion. Ini membuktikan kerajaan terus maju dan makmur serta keyakinan kerajaan kepada ekonomi negara di tahun-tahun mendatang walaupun negara lain termasuk negara maju sedang bergelut menstabilkan ekonomi masing-masing. Kebijaksanaan kerajaan menguruskan kewangan negara adalah hasil keikhlasan kerajaan membela rakyat dengan menepati janji semenjak 55 tahun dahulu dan kini dan selamanya, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 ini telah diadun dengan penuh teliti dan dinamik bertemakan, "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat, Sebuah Janji Ditepati*", dengan lima fokus utama iaitu merangsang aktiviti pelaburan, memperkasa pendidikan dan latihan, membudayakan inovasi dan meningkatkan produktiviti, konsolidasi fiskal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam dan menyejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh fokus pertama Bajet 2013 ini ialah merangsang ekonomi pelaburan khususnya pelaburan langsung asing dan domestik. Kerajaan telah mengambil langkah mendaya kembali pelaburan swasta yang telah meningkat kepada RM75.3 bilion

berbanding RM59.8 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2012. Peningkatan pelaburan melebihi 12.5% setahun akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah peluang kerajaan yang dijangka akan dapat diwujudkan bagi sektor kerajaan dalam sektor swasta bagi tahun 2013.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan setakat manakah kadar pengangguran negara ini bagi tahun 2013. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan dana strategik pelaburan domestik berjumlah RM1 bilion di bawah Lembaga Pembangunan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1.00 tengah hari, kita kena berhenti sekarang dan kita akan sambung balik pukul 2.30 petang nanti. Yang Berhormat boleh sambung balik nanti ya.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, nampaknya dalam catatan sini Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun sambung.

### **2.33 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan Dana Strategik Pelaburan Domestik berjumlah RM1 bilion di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Saya yakin dana ini akan menggalakkan pemindahan teknologi bagi membangunkan industri Malaysia termasuk PKS. Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan peruntukan RM1 bilion di bawah Skim Pembangunan PKS. Sumbangan PKS negara ini hanya 31% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sedangkan negara maju lain mencapai antara 45% hingga 55% dari KDNK. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK negara.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan negara telah berkembang pesat dan menyumbang 12% KDNK. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan yang sentiasa inovatif bagi memajukan sektor pelancongan negara. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2013/2014 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM358 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan untuk menggalakkan kehadiran pelancong luar negara dan dalam masa yang sama memajukan pelancongan domestik. Saya ingin mencadangkan agar dana ini digunakan untuk

meningkatkan kemudahan dan prasarana inap desa *homestay* yang sedia ada di samping membangunkan Projek Inap Desa yang baru.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah Projek Inap Desa yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan jumlah pendapatan yang diperoleh dari pengusaha-pengusaha inap desa ini. Saya juga mengharapkan kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyalurkan dana ini dalam bentuk geran untuk membantu pengusaha chalet kecil-kecilan terutama yang memiliki kurang daripada sepuluh unit di seluruh negara termasuk yang dimiliki oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Bagi meningkatkan kemudahan sedia ada dan bagi menggalakkan lagi pelancongan domestik.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung fokus kedua Bajet 2013 iaitu memperkasa pendidikan dan latihan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran yang telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025, bagi melonjakkan lagi bidang pendidikan negara supaya bertaraf dunia khususnya untuk melahirkan modal insan bagi memenuhi guna tenaga negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Kerajaan telah memperuntukkan RM38.7 bilion kepada Kementerian Pelajaran tidak termasuk RM500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek teras iaitu bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kejayaan pelaksanaan program *dual training* seperti yang dilaksanakan di negara maju khususnya di Germany bagi kalangan pelajar sekolah menengah negara ini? Sejauh manakah pencapaian projek perintis yang telah dijalankan? Saya ingin menyentuh berhubung langkah kerajaan untuk memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak. Saya mengalu-alukan beberapa langkah kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Antaranya geran pelancaran sebanyak RM10,000 kepada penyedia Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE). Potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun bagi pengusaha taska dan pengusaha prasekolah swasta.

Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mewujudkan taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU merangkumi *down syndrome*, autisme, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan OKU masalah pembelajaran. Langkah ini membuktikan keprihatinan kerajaan kepada kanak-kanak OKU dan membantu ibu bapa dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak OKU. Saya berharap taska OKU ini dapat dikembangkan diperluaskan ke luar bandar bagi memberikan lebih banyak peluang kanak-kanak OKU luar bandar mendapat pendidikan awal yang lebih baik. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan latihan dan kemahiran khususnya yang melibatkan graduan.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang akan melancarkan *Graduate Employability Blueprint* penghujung 2012 ini sebagai langkah bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan seterusnya mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Dengan bilangan graduan

berkelulusan diploma dan sarjana muda yang hampir 180,000 dilahirkan setiap tahun adalah wajar bagi kerajaan untuk menubuhkan segera *Graduate Employability Task Force* dengan peruntukan RM200 juta untuk memperkukuhkan latihan *soft skill*, dan *on job training*, dengan izin.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah latihan industri atau *industrial training* diwajibkan kepada pelajar-pelajar IPT dan kesannya dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kadar pengangguran sebenar di kalangan graduan.

■ 1440

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh fokus ketiga iaitu membudayakan inovasi dan meningkatkan produktiviti. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM600 juta kepada lima buah universiti penyelidik untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang nano teknologi, automotif, bio teknologi serta aero angkasa. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah hasil-hasil kajian daripada universiti-universiti telah dikomersialkan. Apakah halangan dan kekangan bagi hasil-hasil kajian ini dikomersialkan?

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh fokus keempat iaitu konsolidasi fiskal dan mempercepat perkhidmatan awam. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada penjawat awam kerana mendapat bonus sebulan setengah gaji sebagai bonus iaitu yang tertinggi pernah diberikan kerajaan sebagai menghargai perkhidmatan dan sumbangan penjawat-penjawat awam.

Saya berharap penjawat awam akan menjadikan pemberian bonus ini sebagai dorongan untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap, dedikasi dan bertanggungjawab. Saya juga berharap penjawat awam akan menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam kepada rakyat. Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan peralihan sistem subsidi pukal kepada subsidi bersasar dan melaksanakan kajian semula sistem percukaian kebangsaan bagi mewujudkan sistem percukaian yang lebih realistik dan menggambarkan kedudukan kewangan isi rumah. Langkah ini adalah penting bagi memastikan cukai yang dikenakan tidak membebankan rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada LHDN kerana telah melaksanakan tanggungjawab dengan cekap bagi mendapatkan hasil untuk negara.

Begitu juga saya ingin mendapatkan penjelasan Lembaga Hasil Dalam Negeri, apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan kesedaran kepada individu dan syarikat untuk menjelaskan cukai pendapatan masing-masing. Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua... [*Meneguk sedikit air*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fokus kelima bajet 2013 iaitu menyejahterakan rakyat. Dalam fokus kelima ini, kerajaan memberikan tumpuan kepada beberapa bidang dan pendekatan antaranya berhubung dengan mewujudkan kejiranan yang selamat dan harmoni. Pembelaan kepada rakyat melalui Yayasan Bantuan Guaman, komitmen pencegahan rasuah memacu transformasi komuniti, Program Transformasi Luar Bandar (RTC), pembangunan luar bandar dan masyarakat Orang Asli,

kesihatan, pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, belia dan sukan, usahawan, karyawan dan seniman, memperluas jaringan pengangkutan awam bandar, perumahan rakyat, bantuan dan insentif rakyat dan lain-lain aspek mencakupi semua lapisan rakyat selaras dengan gagasan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan di mana hampir 100 kumpulan sasar memperoleh manfaat menerusi Bajet 2013 ini.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh mengenai komitmen kerajaan bagi memastikan setiap rakyat yang dituduh di mahkamah mendapat pembelaan sebagaimana hak mereka yang dijamin oleh perlembagaan dengan menambahkan peruntukan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) daripada RM14 juta kepada RM20 juta. Seterusnya YBGK yang dilancarkan pada 2 April 2012 lalu adalah bukti kerajaan sentiasa memastikan hak dan keadilan individu yang didakwa di mahkamah atas kesalahan jenayah. Pada masa ini, lebih 80% tertuduh kesalahan jenayah yang dibawa ke mahkamah gagal mendapatkan guaman. YBGK menyediakan tabung bantuan undang-undang bagi kesalahan jenayah kecuali kesalahan yang membawa hukuman mati. Sehingga kini terdapat 376 peguam berdaftar di bawah YBGK di seluruh negara kecuali Sabah.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi mengadakan kemudahan peguam YBGK di Sabah. Saya ingin mencadangkan agar YBGK mengenakan bayaran nominal sebanyak RM300 kepada semua yang mendapat perkhidmatan YBGK tanpa mengira pendapatan berbanding sekarang, bayaran nominal ini hanya dikenakan kepada individu yang berpendapatan antara RM25,000 hingga RM36,000, memandangkan jumlah yang dikeluarkan ini adalah terlalu rendah dan tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung langkah kerajaan bagi memacu transformasi komuniti dengan melancarkan Program Transformasi Luar Bandar atau RTP bagi mengukuhkan pembangunan luar bandar. Seterusnya kerajaan mengumumkan Program Transformasi Bandar atau UTP pula dengan memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi penyelarasan yang strategik antara RTP dengan UTP.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan UTC Melaka dan Kuala Lumpur yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan menerima purata 4,000 orang sehari. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mewujudkan UTC di enam bandar. Kerajaan telah mewujudkan RTC di Gopeng, Perak, Wakaf Che Yeh, Kelantan. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan di Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Saya berharap kerajaan akan dapat mewujudkan RTC di Terengganu bagi meningkatkan perkhidmatan komuniti dan memajukan kegiatan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang bidang kesihatan yang mendapat peruntukan sebanyak RM19.3 bilion untuk perkhidmatan mengurus dan membangunkan kesihatan dalam Bajet 2013 ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan yang telah berjaya menubuhkan Klinik 1Malaysia bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan rakyat termasuk meringankan kos rawatan dan memudahkan akses bagi mendapatkan rawatan. Kerajaan memperuntukkan RM220 juta bagi membuka 70 buah klinik 1Malaysia pada 2013. Saya berharap kerajaan akan menimbang untuk memperluaskan membina Klinik 1Malaysia di Terengganu. Berhubung dengan kesihatan ini, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membaik pulih 350 klinik dan menambah 150 mesin dialisis di bawah hemodialisis kerajaan di seluruh negara. Saya ingin menyarankan agar kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan membuat kajian menyeluruh ke atas semua klinik kerajaan seluruh negara termasuk di Terengganu bagi memastikan klinik-klinik berkenaan dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat. Sementara itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menambah lebih banyak lagi mesin dialisis di pusat hemodialisis kerajaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan jumlah pesakit yang menerima kemudahan dialisis di pusat hemodialisis kerajaan memandangkan kos untuk mendapatkan rawatan dialisis agak tinggi dan membebankan golongan berpendapatan rendah dan pesara. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah bagi meringankan golongan ini bagi mendapatkan rawatan dialisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan aspek pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi program pengarah wanita.

#### ■1450

Program Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal (I-KIT), Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) sebanyak RM50 juta dan kemudahan pemeriksaan percuma ujian *mammogram* sebanyak RM25 juta. Wanita di Malaysia mempunyai pencapaian pendidikan yang lebih baik berbanding lelaki. Tahap pencapaian pendidikan wanita Malaysia 2008 bagi instrumen lepasan sekolah menengah bagi wanita 65.9%, manakala lelaki 34.1%. Bagi pemegang ijazah wanita 62.3%, manakala lelaki hanya 37.7% dan pemegang ijazah sarjana bagi wanita 52.7% berbanding lelaki 47.3%. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan dan peratus wanita dalam sektor tenaga kerja swasta awam dan kerajaan negara masa kini berbanding dengan tenaga kerja lelaki...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk program pengarah wanita untuk 500 orang. Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang terus merintis jalan dan membuka peluang kepada wanita berkelayakan memegang

jawatan di peringkat tertinggi dalam perkhidmatan awam seperti jawatan utama sektor awam JUSA. Pada akhir 2009 telah mencapai 30.5%.

Walau bagaimanapun, penyertaan wanita di sektor swasta hanya 6.1% bagi pengarah korporat dan 7% ketua pegawai eksekutif bagi 100 syarikat terbesar di Bursa Malaysia pada tahun 2008. Penyertaan wanita dalam GLC antara 2005 hingga tahun 2009 antara 11% hingga 14%. Hasil penyelidikan *Grant Thornton International* menunjukkan Malaysia menduduki tempat kelima di seluruh dunia dengan 31% daripada jawatan kanan dalam perniagaan sederhana dan besar dipegang oleh wanita. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan atau GLC.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang meneruskan Program 1AZAM atau akhiri zaman miskin meliputi Azam Kerja, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Khidmat dan lain-lain. Kerajaan telah memperuntukkan RM400 juta bagi memanfaatkan 58,330 peserta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kejayaan 1AZAM setakat ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang langkah kerajaan mengiktiraf karyawan dan seniman yang diberikan peruntukan sebanyak RM6 juta sebagai bantuan pentadbiran dan kegiatan kepada semua persatuan karyawan, budayawan dan seniman yang berdaftar.

Berhubung dengan karya seni khususnya pelbagai rancangan di saluran TV terutamanya saluran TV berbayar, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan khususnya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tentang banyaknya rancangan yang memaparkan pelakon lelaki berpakaian lelaki atau wanita berpakaian lelaki.

Saya khuatir dengan lambakan rancangan seperti ini walaupun rancangan komedi tetapi akan menggalakkan lahirnya generasi LGBT. Sejauh manakah KPKK mengawal rancangan yang seumpama ini supaya tidak berterusan di saluran TV termasuk saluran TV berbayar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba pendekkan Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 adalah penting sebagai landasan bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Dalam hubungan ini saya menyanjung tinggi iltizam kerajaan bagi memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat dengan menjayakan pelan transformasi negara untuk muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi 2020 berasaskan prinsip Janji Ditepati.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat. Agaknya kita ada sampai hari 13 Disember membahaskan belanjawan ini. Oleh demikian, saya mohon kerjasama, tolong kemukakan bila Yang Berhormat hendak berucap dan juga saya minta

satu bagi masa dan yang kedua saya hendakkan semua Ahli Yang Berhormat kalau boleh duduk dalam Dewan. Fasal apa kalau boleh bila seorang Yang Berhormat itu berucap dia sentuh berkenaan tajuk atau topik yang sama, kalau boleh elakkan daripada jangan berulang-ulang. Ini membuang masa Dewan dan juga tajuk itu akan dicatatkan oleh pihak kementerian-kementerian yang berkenaan.

Kepada wakil-wakil kementerian, saya hendak juga pegawai-pegawai jangan lupa untuk mencatatkan segala isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan supaya esok apabila menggulung Menteri-menteri tidak ada isu-isu yang tertinggal. Tolong beri kerjasama perkara ini supaya dapat kita manfaatkan Dewan ini lebih kemas, lebih mantap lagi dan menunjukkan kesungguhan kita.

Sekian, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin untuk memberi ucapan. Silakan.

#### **2.56 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berucap hari ini. Kebetulan belanjawan kali ini berdekatan dengan pilihan raya yang masih belum kunjung tiba. Memanglah bila hendak dekat pilihan raya mungkin bajet akan digunakan sebahagiannya bagi memberi gula-gula. Saya tidak ada perasaan yang keras sangat terhadap ini cuma saya mengharapkan bila ada sesuatu insentif yang dibagi ia mesti mempunyai dua syarat. Pertama, ia tidak diberi hanya sekali sahaja. Ertinya mesti berterusan. Yang keduanya mestilah diberikan kepada mereka yang betul-betul memerlukan.

Saya lihat bahawa dalam perbelanjaan ini jumlahnya ialah sebanyak RM271.67 bilion. Daripada itu sebanyak 82% adalah bagi perbelanjaan pengurusan dan 19.8% untuk pembangunan. Memang menggembirakan bahawa jumlah sebenar belanjawan daripada 1999 hingga 2013 misalnya, sudah bertambah. Akan tetapi perbelanjaan pembangunan secara perbandingan adalah bertambah kecil. Antara 1999 hingga 2003 kita dapati bahawa perbelanjaan mengurus adalah RM300.2 bilion dan pembangunan RM60.48 bilion. Akan tetapi di antara 2009 hingga 2013 jumlahnya naik kepada RM838.8 bilion untuk mengurus dan RM167.76 bilion untuk pembangunan.

Saya kurang senang sebenarnya kerana peruntukan bagi pembangunan dalam Belanjawan 2013 ini agak kecil iaitu kurang sedikit daripada seperlima jumlah peruntukan bagi mengurus. Lebih lagi tidak senang saya melihat bahawa trendnya ialah semakin menurun kadar peruntukan bagi pembangunan berbanding dengan mengurus. Misalnya pada tahun 2000 dan 2003 peruntukan mengurus masing-masing ialah pada kadar 32% dan 34%. Akan tetapi pada tahun 2010 dan 2013 kadarnya telah menurun kepada 28% dan seterusnya kepada 20% tahun ini.

#### **■1500**

Adakah dengan penurunan untuk pembangunan ini bererti bahawa perhatian kepada pembangunan semakin merosot? Jikalau begitu, ini adalah buruk dan berbahaya bagi kemajuan negara.

Peruntukan atau perbelanjaan bagi pembangunan merupakan pelaburan yang boleh membawa kepada pembangunan atau kemajuan negara seluruhnya dan rakyat pada jangka panjang. Ertinya, ia meletakkan batu asas bagi pertumbuhan akan datang. Ini tidak dapat dilakukan dengan baik oleh perbelanjaan mengurus.

Saya tidak bermaksud bahawa kerajaan perlu memotong perbelanjaan mengurus hingga mengakibatkan penurunan gaji ataupun pembuangan kerja yang tidak sewajarnya. Saya maksudkan ialah peningkatan perbelanjaan pembangunan harus berlaku supaya kadar penambahan perbelanjaan itu tidak semakin kurang sebagaimana yang kita telah lihat, bahkan seboleh-bolehnya kadar perbelanjaan pembangunan harus semakin bertambah untuk menjamin pelaburan dan kemajuan masa depan.

Seterusnya yang merunsingkan juga ialah daripada keseluruhan Belanjawan 2013 ini, 53% ialah untuk apa yang dikatakan sebagai *locked in expenses*, dengan izin atau perbelanjaan terkunci. Daripadanya, emolumen - 24%, pencen - 5%, membayar hutang - 9%, subsidi - 15%. Tiada banyak dilakukan untuk menstrukturkan semula perbelanjaan terkunci ini. Kategori emolumen dan pencen merupakan 30% daripada keseluruhan belanjawan. Pada 2012 terdapat kenaikan emolumen sebanyak 18%. Ini ialah kerana adanya bonus, kenaikan gaji dan sebagainya.

Saya rasa walaupun perkara ini baik, kenaikan gaji ini ia harus dikaitkan dengan misalnya kadar inflasi dan juga kenaikan produktiviti dan soal ini nampaknya tidak dikaitkan. Saya telah menyebut tadi tentang, mungkin ada yang tidak senang tentang - seterusnya terlalu banyak *transfer* kepada GLC iaitu 6% daripada belanjawan dan tidak cukup pula bagi kerajaan negeri yang berjumlah hanya 3%. Bekalan dan khidmat pula pukul rata merupakan 13% daripada jumlah belanjawan. Di sini terdapat terlalu banyak pemborosan yang boleh dikurangkan sekiranya berkurangan korupsi.

Dari segi hasil pendapatan pula, kerajaan terlalu bergantung kepada petroleum dan gas sebagai sumbernya yang merupakan 34% daripada seluruh hasil pendapatan. Kita harus ingat tidak lama lagi mungkin sumber minyak petrol pupus melainkan kita dapat tempat-tempat yang baru. Oleh itu perlulah diluaskan *base* cukai sekarang ini daripada 5 juta pembayar cukai berdaftar, hanya 1.7 juta sebenarnya membayar cukai. Cuma 20% daripada warganegara Malaysia yang menyumbangkan hanya 11% daripada hasil pendapatan kerajaan. Lain-lain hasil pendapatan perlu dicari, misalnya cukai harta *real estate* dengan izin, mungkin boleh dinaikkan untuk tidak menggalakkan spekulasi pasaran perumahan. Begitu juga estet duti boleh dinaikkan walaupun ini mungkin akan dianggap sebagai langkah yang tidak popular.

Kedua ialah berkaitan dengan defisit dalam belanjawan persekutuan. Oleh kerana pengurusan belanjawan yang tidak baik, defisit fiskal telah berlaku pada 41 daripada 44 tahun dari 1970 hingga 2013. Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri dalam Belanjawan 2013 menganggarkan defisit akan menurun daripada 4% - kepada 4.4% berbanding 4.5% pada tahun 2012. Kerajaan Persekutuan mengatakan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal kepada yang lebih rendah.

Sekiranya kita buat perbandingan kadar defisit belanjawan negara ini dengan kadar defisit negara-negara lain, kita mendapati gambaran yang kurang menyeronokkan. Misalnya mengikut statistik yang dikemukakan oleh Bank Dunia untuk tahun 2012, saya ambil angka ini kerana tidak ada yang lebih kemas kini, lebih terakhir - kita dapati bahawa kadar defisit belanjawan di Malaysia ialah kira-kira 4.5% daripada KDNK. Ini boleh dikatakan tinggi apabila dibandingkan dengan beberapa buah negara lain seperti Indonesia - 1.2%, Singapura - 1.3%, Korea - 1.5%, Thailand - 1.5%, Taiwan - 2.3% dan Vietnam - 2.6%. Negara-negara yang lebih tinggi kadar defisitnya daripada Malaysia kebanyakan dari Afrika dan China serta India.

Saya tidak begitu yakin bahawa kerajaan boleh berjaya mengurangkan kadar defisit sebagaimana yang diharapkannya. Ada dua sebabnya:

- (i) Sudah menjadi kebiasaan kerajaan mengadakan belanjawan tambahan dan kalau jumlah pendapatan negara tidak dapat menghambat jumlah perbelanjaan, tentu sekali kadar defisit akan bertambah;
- (ii) Kita dapati biasanya perbelanjaan untuk beberapa projek tertentu lebih tinggi daripada yang dianggar lebih awal atau lebih besar daripada yang sewajarnya. Ini menunjukkan kemungkinan berlakunya pembaziran dan juga mungkin korupsi. Antara contohnya ialah kenderaan RIV seperti yang disebut oleh seorang Sultan dibeli dengan harga tiga kali ganda daripada sewajarnya. Alat AES dikatakan dibeli 10 kali ganda harganya di Amerika;
- (iii) Jalan sepanjang 9 kilometer dari Yayasan Sabah ke DUN Sabah berharga RM14.9 juta;
- (iv) Istana misalnya yang dianggarkan mula-mula RM500 juta menjadi RM1 bilion;
- (v) Harga RM3.8 bilion untuk kapal selam Scorpene yang dibayar Malaysia lebih tinggi daripada harga yang dibayar India iaitu sebanyak RM2.8 bilion dan oleh Chili sebanyak RM2 bilion sahaja berbanding dengan RM3.8 bilion tadi; dan
- (vi) Metro Line 50 kilometer yang hendak dibina di sini dianggar berharga RM50 bilion berbanding dengan yang di *Hangzhou*, China sepanjang 48 kilometer lebih kurang sama, tetapi harganya cuma RM1.1 bilion iaitu kira-kira 1/5 daripada harga di Malaysia.

Kita mesti melihat apakah sebabnya maka berlaku semua ini. Apabila berlaku defisit, maka cara mengatasinya ialah sama ada dengan mencetak wang tambahan baru atau pun menambah hutang dalam dan luar negara. Saya tidak nampak bukti-bukti bahawa ada penambahan percetakan wang baru selain daripada wang baru yang diperbaharui bagi yang lama tetapi tidak menambah jumlahnya. Akan tetapi umum mengetahui bahawa dalam beberapa tahun yang lalu, jumlah hutang semakin bertambah. Pada tahun 2012, jumlah hutang negara ialah RM456.1 bilion bersamaan 53.8% daripada KDNK. Angka

ini sudah menghampiri paras 55% yang dianggap satu paras yang berbahaya dari segi ekonomi. Mengikut Belanjawan 2013 ini, negara membayar 8.9% daripada jumlah perbelanjaan sebanyak RM249.7 bilion untuk membayar khidmat hutang. Ini adalah jauh lebih besar misalnya daripada peruntukan kita bagi pertanian yang kira-kira 55% daripada belanjawan.

Kebanyakan hutang kerajaan adalah dalam ringgit, hanya 4% dalam wang asing. Satu trend yang harus membimbangkan kita ialah hutang kerajaan yang dipegang oleh orang atau syarikat asing bertambah dengan banyak. Pada tahun 2003, ia kurang daripada 1%, tetapi pada tahun 2011 telah meningkat kepada 23%. Trend ini menunjukkan hutang Kerajaan Malaysia tinggi permintaannya di kalangan asing tetapi bahayanya ialah ia mempertingkatkan risiko pelarian ataupun penghantaran keluar modal. Dalam keadaan krisis, hal ini boleh menggugat kestabilan ekonomi dan kewangan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan menganggap bahawa - saya petik di sini, *“Ekonomi negara telah diletakkan pada landasan pertumbuhan mapan ke arah transformasi sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.*

#### ■1510

Namun, beliau tidak menyebut tempoh yang dianggarkan perlu untuk mencapai matlamat ini. Berdasarkan kepada data dan fakta yang dapat dikumpulkan setakat ini, nampaknya tidak mungkin ia boleh dicapai apabila matahari wawasan 2020 mula menyingsing. Jikalau kita ambil pendapatan per kapita sebagai kayu ukur, kita lihat beberapa perkara yang masih mengecewakan.

Mengikut statistik yang dikumpulkan oleh *World Bank*, pendapatan per kapita Malaysia pada tahun 2010 ialah USD10,095 dan angka ini telah merosot sedikit kepada USD8,373 pada tahun 2013. Jika dibandingkan pula dengan pendapatan per kapita beberapa buah negara di rantau ini untuk tahun 2013, kita dapati angkanya Singapura ialah USD46,000 iaitu lebih lima kali ganda Malaysia. Taiwan USD22,000 hampir tiga kali ganda dan Korea Selatan juga USD22,000 hampir tiga kali ganda juga.

Pada hal semua negara ini termasuk Malaysia paras per kapitanya adalah lebih kurang sama terutama sekali selepas kita mencapai merdeka dahulu. Jadi, mereka lebih pecut ke hadapan daripada kita. Kita harus kaji apakah sebab ini berlaku. Bukan dari segi pendapatan per kapita sahaja Malaysia tertinggal di belakang Singapura, Korea Selatan dan Taiwan yang menjadi saingan sebayanya menjelang kemerdekaan dahulu.

Pendapatan per kapita boleh dianggap sebagai mencerminkan kemajuan yang telah dicapai terutama sekali dalam bidang perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan. Kita lihat bahawa dalam ketiga-tiga bidang ini, Malaysia masih keciciran juga jika dibandingkan dengan tiga negara tersebut. Misalnya Malaysia dengan Korea, kalau kereta Korea itu lebih nampaknya kompetitif daripada kereta kita dan dalam bidang-bidang teknologi ICT, mereka nampaknya boleh bersaing dengan negara-negara Barat. Bahkan kita tidak lagi bermula dalam bidang itu.

Kita harus mengkaji dengan teliti kenapa perkara ini berlaku? Pemerintah terutama sekali harus membuat rancangan pembangunan yang lebih berkesan untuk memastikan kemajuan yang dicapai pesat dan jurang di antara Malaysia dengan negara-negara di rantau ini yang pesat membangun sekarang dapat dirapatkan dan bukan menjadi bertambah lebar.

Keempat, dalam Belanjawan 2013 ini didakwa dan saya petik, “...*Bahawa ekonomi Malaysia merupakan ekonomi berteraskan rakyat dan kesejahteraan rakyat pula telah dipertingkatkan secara berterusan*”. Walaupun memang ada kebenaran juga tentang hal dan dakwaan ini, akan tetapi pandangan saya ia masih belum memuaskan. Dalam susunan dan sistem ekonomi sosioekonomi sekarang ini, kita melihat lebih banyak keistimewaan, kemudahan dan bantuan diberi untuk lebih menguntungkan golongan atasan yang kaya raya daripada golongan bawahan dan juga pertengahan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Dari segi kemudahan asasi, kita lihat bahawa masyarakat bandar di mana kebanyakan orang berpendapatan tinggi bertumpu lebih banyak mendapat kemudahan asas yang baik daripada syarikat desa di mana majoriti berpendapatan rendah bertumpu. Lihat sahaja di mana sekolah dan hospital terbaik didirikan dan di mana jalan elektrik dan air yang paling memuaskan disediakan.

Selain itu, mereka yang mampu di bandar lebih mudah menghantar anak ke sekolah swasta dan isteri ke hospital swasta juga yang canggih belaka dan sudah tentulah mahal. Seterusnya, lihat pula bagaimana segelintir kapitalis *billionaire* Melayu dan bukan Melayu. Kebanyakannya dari kroni dan suku sakat pemimpin besar yang mudah mendapat tanah luas di sekitar bandar seperti YTL di Sentul dan Tropicana oleh Vincent Tan. Bukit serta gunung seperti pusat judi di Genting dan pulau seperti Pulau Redang yang diberikan untuk dijadikan *resort*.

Sebaliknya mereka yang miskin dan tidak bertanah, ramai yang terpaksa menunggu bertahun-tahun dan akhirnya tidak juga mendapat tanah sekangkang kera yang mereka minta untuk dikerjakan sebagai punca kehidupan. Begitu juga golongan pertengahan yang sentiasa mengharapkan sejenak tanah untuk dijadikan tapak rumah selalu hampa dan kecewa. Ada pula yang mendapat pelbagai syarikat atau badan yang diswastakan seperti Pos, Proton, gula, beras, pelabuhan dan mungkin kereta api juga untuk menjadi pemilik monopoli yang besar.

Ada yang mendapat subsidi sampai RM20 bilion untuk pengurusan IPP. Selain itu, mereka mudah mendapat hutang bank hingga beberapa orang kapitalis besar mendapat kemudahan kredit sampai RM40 bilion hingga RM50 bilion. Sebaliknya, seorang buruh atau kerani berpendapatan rendah tidak akan diberi kemudahan pinjaman bank untuk membeli rumah murah kerana mereka tidak mempunyai apa-apa kolateral atau jaminan.

Subsidi gula, minyak dan sebagainya yang diberi walaupun dialu-alukan didapati bukan sahaja oleh golongan berpendapatan rendah tetapi juga diperolehi oleh golongan yang kaya raya. Berertinya kurangnya penumpuan terhadap golongan yang di bawah tadi.

Kelima ialah kemiskinan. Dalam Belanjawan 2013, perkataan kemiskinan disebut hanya tiga kali. Lebih baik sedikit daripada Belanjawan 2012 manakala ia tidak disebut sama sekali perkataan itu. Saya harap ini tidak mencerminkan bahawa kerajaan tidak memandang masalah kemiskinan sebagai serius. Memang benar bahawa kadar kemiskinan negara ini rendah dan keadaannya tidak seburuk yang wujud di beberapa buah negara di rantau ini.

Mengikut angka rasmi yang terakhir diperolehi kadar kemiskinan di Semenanjung ialah 3.8%, di Sarawak 5.3% dan di Sarawak 19.7%. Sebenarnya kadar kemiskinan paling tinggi dalam negara ini ialah di Sabah di mana terdapat pula sumber kekayaan yang banyak dan beberapa orang yang paling kaya. Sebenarnya, kadar kemiskinan dan bilangan orang yang dianggap miskin itu boleh berubah-ubah mengikut paras atau garis kemiskinan yang digunakan. Garis kemiskinan bagi seluruh Malaysia sekarang ini ialah RM800. Bererti seisi rumah yang berpendapatan kurang dari jumlah ini dianggap miskin. Akan tetapi oleh kerana wujud taraf hidup yang berbeza di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, maka kerajaan menetapkan garis kemiskinan yang berbeza untuk Semenanjung iaitu RM763, Sabah RM1,048 dan Sarawak RM912. Adakah oleh kerana kadar kemiskinan Sabah adalah lebih besar, maka jumlah atau pun kadar kemiskinannya lebih tinggi. Saya kurang pasti.

Walau apapun sebenarnya, berbanding dengan taraf hidup di Malaysia sekarang ini, garis kemiskinan keseluruhan pada pendapatan RM800 itu bagi seisi rumah adalah terlalu rendah. Oleh itu, patut dinilai semula. Adalah lebih realistik jika garis kemiskinan di negara ini diletakkan pada paras RM1,200 atau pun hingga RM1,500 seisi rumah sebulan. Pada garis RM1,500 misalnya maka mengikut angka rasmi kerajaan sendiri, kira-kira 40% daripada seluruh isi rumah negara ini akan terletak di bawah garis kemiskinan. Seperti yang kita semua ketahui, mereka ini terdiri daripada semua golongan. Akan tetapi, sebilangan besar daripada mereka ialah Melayu bumiputera. Golongan terbesar di bawah garis kemiskinan ini adalah secara perbandingan dari Sabah.

Untuk mengatasi masalah kemiskinan ini, tidak cukup dengan usaha tampal sulam atau memberi bantuan sekali sekala. Apa yang perlu dilakukan ialah menganjak penumpuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah bukannya mengayak lagi segelintir yang sudah kaya. Ini dapat dilakukan dengan cara memberi peruntukan kewangan yang jauh lebih besar bagi membantu dan menyediakan projek-projek untuk menaikkan taraf hidup serta memberi pekerjaan baru kepada golongan tersebut.

Selain itu, peruntukan belanjawan harus lebih besar lagi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sosial asas seperti sekolah...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat benarkan, Yang Berhormat benarkan?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya. Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi yang mencadangkan tahap kemiskinan itu dinaikkan pendapatannya. Yang ada sekarang RM800. Sebenarnya RM720 kepada satu tangga yang tinggi iaitu RM1,200. Sekarang ini sebagai seorang Senator, saya akan bersara pada tahun hadapan. Semalam kita sudah dengar taklimat daripada Jabatan Pencen. Genap tiga tahun kita akan bersara dan pencen kita adalah sebanyak RM1,100 lebih sikit. Apa pandangan Yang Berhormat? Saya esok akan dikategorikan sebagai di bawah kategori kemiskinan ataupun ada cadangan yang lebih baik? Terima kasih.

■1520

**Dr. Syed Husin Ali:** Kalau tidak ada sumber pendapatan yang lain, miskinlah. Akan tetapi saya percaya tentu Dato' Najeeb ada sumber lain. Yang perlu dilakukan ialah seperti yang saya katakan tadi menganjak penumpuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah dan bukannya mengayakan lagi segelintir yang sudah kaya. Ini dapat dilakukan dengan cara memberi peruntukan kewangan jauh lebih besar bagi membantu dan menyediakan projek-projek untuk menaikkan taraf hidup serta memberi pekerjaan baru kepada golongan tersebut.

Selain itu, peruntukkan belanjawan harus lebih besar lagi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sosial yang asas seperti sekolah dan hospital percuma sepenuhnya bagi orang-orang miskin dan berpendapatan rendah dan jalan serta perhubungan pengangkutan lebih murah bagi mereka. Walaupun dalam Belanjawan 2013 ini, peruntukan bagi pembangunan pertanian di tambah, namun ia masih jauh daripada mencukupi. Yang sedihnya, sebahagian besar daripada peruntukkan ini ialah untuk mengurus dan bukannya untuk pembangunan. Saya berpendapat bahawa berkali-kali ganda lagi harus ditambah peruntukan bagi pertanian di kawasan desa dan golongan miskin ini.

Sekarang izinkan saya berpindah kepada soal pendidikan. Ramai yang mengakui dan memang adalah juga yang menafikannya bahawa pendidikan di negara ini menghadapi pelbagai masalah. Salah satu masalah yang besar ialah kemerosotan mutunya. Ini dapat kita lihat dengan jelas pada peringkat universiti. Tahun lalu, tidak ada sebuah universiti pun daripada negara ini yang mencapai tempat dalam senarai 400 buah universiti terbaik di dunia mengikut *Times Higher Education* (THE) ranking. Banyak-banyak, tidak ada satu pun universiti dalam 400 buah ke atas itu. Universiti-universiti di Asia yang mencapai kedudukan teratas mengikut ranking ini ialah Universiti Tokyo, universiti di Singapura dan universiti di Hong Kong. Di Singapura, kedua-dua universiti dan di Hong Kong juga kedua-dua universiti. Bahkan universiti di Thailand dan Filipina pun ada yang termasuk dalam senarai 400 ini walaupun kedudukannya tidaklah sebaik tiga buah universiti tersebut.

Beberapa tahun dahulu, kita termasuk dalam senarai 200 yang terbaik. Sekarang, satu pun tidak ada termasuk dalam 400 yang terbaik. Saya memang bersetuju dengan pendapat bahawa kita tidak boleh terlalu bergantung kepada ataupun di pengaruhi oleh badan-badan seperti THE ranking ini bagi

menilai kedudukan universiti-universiti kita lebih penting daripada berusaha mati-matian untuk menaikkan ranking universiti ialah untuk memastikan dua perkara, iaitu:

- (i) adakah mereka berjaya memberikan sumbangan yang cemerlang kepada ilmu pengetahuan. Tidak kiralah apa ilmu pengetahuannya di sini; dan
- (ii) adakah mereka berjaya memberikan sumbangan yang bererti kepada kemajuan masyarakat serta pembangunan negara walaupun nilai tidak tinggi tetapi sumbangannya besar, itu pun sudah cukup bagus.

Akan tetapi jikalau kedua-dua perkara ini dicapai dengan memuaskan, maka dengan sendiri mutu atau ranking universiti-universiti kita akan meningkat juga. Berdasarkan pencapaian universiti-universiti yang cemerlang, boleh kita simpulkan bahawa untuk mencapai matlamat memperbaiki ranking dan meningkatkan mutu sumbangan universiti tempatan, perlu ada sekurang-kurangnya syarat berikut.

Pertamanya, perlu ada peruntukan yang lumayan bagi membawa masuk *scholars* cemerlang yang boleh memandu atau bekerjasama dengan *scholars* tempatan untuk melaksanakan penyelidikan terbaik dan menghasilkan penerbitan serta hasil penyelidikan yang bermutu tinggi. Jadi sesetengah universiti itu mereka banyak memberikan peruntukan. Untuk itu bukannya untuk *physical expenditure*.

Kedua, pimpinan universiti hendaklah cemerlang, berani meneroka jalan baru dan mempunyai visi serta kelayakan. Jadi ertinya kebolehan-kebolehan ini lebih dipentingkan daripada hanya misalnya kerana dekat dengan parti ataupun orang yang tertentu. Kalau misalnya baik dengan orang tertentu ataupun parti tertentu tetapi dia cemerlang dari hal-hal lain, itu tidak ada masalah.

Ketiga, seharusnya tiada campur tangan politik atau sebarang sekatan undang-undang yang boleh mengekang perkembangan universiti sebagai pusat universiti yang bebas. Ini tidak kira politik sebelah sini atau sebelah situ dan jangan ada misalnya undang-undang seperti aku janji dan sebagainya yang menjadikan orang takut untuk bersuara dan menulis dengan bebas.

Keempat, perlu wujud autonomi dalam bidang-bidang kewangan. Sekarang ini kalau kewangan hendak ambil tukang kebun pun mesti minta kebenaran dari Perbendaharaan. Dari segi pentadbiran seperti kenaikan pangkat dan sebagainya dan dari segi akademik, penentuan akademik misalnya kurikulum dan sebagainya mesti ditentukan oleh universiti itu sendiri tanpa campur tangan. Kelima, hendaklah digalakkan komuniti pelajar yang berani bersaing sihat untuk mencapai kecemerlangan dan mempunyai sifat-sifat kritikal serta kreatif.

Jadi suasana di universiti-universiti mesti diwujudkan supaya syarat-syarat yang kita sebutkan tadi dapat dipenuhi. Kemerosotan mutu bukan di peringkat universiti sahaja bahkan berlaku juga di peringkat sekolah menengah. Mutu pendidikan ini paling buruk terutama sekali di kawasan-kawasan desa dan apatah lagi kawasan pedalaman yang miskin. Di kawasan-kawasan ini, majoriti penduduknya adalah Melayu dan bumiputera. Saya tegaskan sekali lagi. Sebagai contoh kita ambil Sabah. Kita telah

melihat bahawa dalam negeri ini keadaan kemiskinan paling meluas. Di sini ramai rakyat yang hidup miskin dalam negeri yang boleh dikatakan kaya.

Di Sabah, terdapat 1,070 buah sekolah rendah dan 2,015 buah sekolah menengah. Akan tetapi terdapat 283 buah sekolah tidak selamat yang melibatkan masalah struktur dan pendawaian elektrik. Terdapat 449 buah sekolah rendah dan 40 buah sekolah menengah yang daif kerana bangunan lama yang tidak diselenggarakan. Terdapat 12 buah sekolah rendah dan 18 buah sekolah menengah yang menumpang. Terdapat 85 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah yang kerap dilanda banjir. Terdapat 114 buah sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Jadi tidak boleh gunakan komputer walaupun komputer diberi. Terdapat 104 buah sekolah tidak mempunyai bekalan air bersih. Angka-angka ini saya kutip daripada kertas kerja, *"Ke Arah Memperkasa Pendidikan di Sabah"*, oleh seorang bernama Abdul Rahman Yaakob. Ini menunjukkan bahawa suasana sekitar boleh mempengaruhi keadaan sekolah itu sendiri terutama sekali kelengkapan-kelengkapan sekolah yang boleh misalnya membantu ataupun mengekang perkembangan pelajar-pelajar itu.

Yang tidak kurang seriusnya ialah di kebanyakan sekolah ini terdapat tidak banyak guru yang terlatih ataupun yang dilatih baik ataupun bermotivasi tinggi. Mereka tidak puas hati kerja jauh-jauh di pedalaman. Di kawasan bandar pun terdapat ramai murid yang memasuki sekolah menengah jenis kebangsaan Cina yang dianggap lebih tinggi mutunya, lebih baik gurunya dan sistem pelajarannya daripada sekolah-sekolah kebangsaan. Saya lihat bukan sahaja di Sabah bahkan juga di Sarawak. Di bandar sendiri, ramai sekali anak-anak terutama sekali anak-anak dari bumiputera di sana yang menghantar anaknya ke sekolah Cina. Satu, kerana sekolah kebangsaannya kurang baik, kurang lengkap dan keduanya mereka menganggap Matematik, Sains dan ilmu lain di sekolah Cina adalah jauh lebih baik.

Sebenarnya memang benar daripada keputusan-keputusan yang dicapai bahawa kedudukan Sains dan Matematik di sekolah Cina dan cara mengajarnya adalah lebih baik daripada sekolah kebangsaan. Jadi harus kita kaji soal ini untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah kebangsaan sendiri. Di peringkat antarabangsa pula, kita dapati bahawa penilaian pengajaran Sains dan Matematik bertambah merosot. Ini penilaian peringkat antarabangsa. Kita hendak terima atau tidak itu soal lain. Ada misalnya badan yang empat tahun sekali menilai soal pengajaran Sains dan Matematik ini. Kita dapati pada tahun 2003, kedudukan kita adalah kesepuluh.

#### ■1530

Pada tahun 2007, kedudukan kita menurun kepada yang ke-20 dan sekarang ini saya diberitahu tetapi saya belum dapat lagi merujuk angka ini secara rasmi degan sendiri, kedudukannya sudah jatuh kepada yang ke-50. Jadi kita mesti ambil serius pandangan ini supaya kita dapat kaji punca-puncunya, kerana takut nanti orang akan makin turun kepercayaannya kepada pendidikan kebangsaan.

Selain daripada itu, kita dapati juga di sekolah-sekolah menengah kebangsaan ini, ada di bandar-bandar yang mempunyai kelas-kelas khas, kelas-kelas pelajaran khas, pendidikan khas misalnya untuk OKU dan sebagainya. Saya harapkan bahawa lebih banyak lagi sekolah tersebut akan didirikan kerana ramai OKU Melayu misalnya. Antaranya yang kalau dianggap OKU misalnya, kalau mereka berpenyakit disleksia. Bukannya penyakit itu. Mereka itu menghadapi disleksia dan selalu saya timbulkan soal ini. Saya dapati tidak mencukupi kelas atau sekolah bagi pelajar-pelajar disleksia dan mereka terus sahaja dianggap sebagai pelajar ataupun murid lembap dan tidak dipedulikan sangat. Padahal mereka bukan lembap. Einstein Churchill dan sebagainya adalah orang-orang yang pernah menghadapi disleksia dan mereka dapat mengatasinya.

Dalam mutu pelajaran ini, penting juga difikirkan soal pengurusan dan pentadbiran sekolah itu. Apa yang lebih penting sekali ialah guru besar. Guru besar mestilah seorang yang mempunyai dedikasi yang sebaik-baiknya, setinggi-tingginya terhadap perkembangan sekolah dan perkembangan murid di sekolah itu. Ada, dan tidak semuanya, ada sebilangan kecil misalnya guru-guru besar yang lebih banyak menumpukan perhatian di luar daripada sekolah kepada soal-soal politik. Kadang-kadang lebih sibuk misalnya untuk mengiringi pembesar-pembesar daripada kerajaan ataupun badan-badan tertentu daripada misalnya menumpukan sekolah, dan terpaksa misalnya guru pembantu dan sebagainya yang melaksanakan tugas ini. Seharusnya perkara ini tidak berlaku.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah memandang waktu. Tentang prasekolah iaitu *kindergarten*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

**Dr. Syed Husin Ali:** *Insya-Allah*, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba, cuba...

**Dr. Syed Husin Ali:** Boleh, kurang daripada lima minit. Tentang prasekolah ini, hanya dua perkara yang saya hendak sebutkan. Pertama ialah prasekolah digunakan oleh setengah-setengah pihak sebagai mencari untung yang besar. Mereka mengadakan kemudahan untuk prasekolah dengan menggunakan guru-guru yang tidak terlatih. Jadi haruslah ada kawalan yang baik untuk memastikan bahawa prasekolah itu tidak digunakan sebagai sumber keuntungan terutama sekali apabila tidak ada kelengkapan dan tidak ada guru-guru yang terlatih.

Keduanya, saya ingin mencadangkan supaya ada latihan-latihan yang berkaitan terutama sekali, bukan dengan cara mengajar tetapi juga apa yang harus diajar di prasekolah itu.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih. Saya tertarik juga berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Syed tadi berkenaan dengan prasekolah ini. Cuma, saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Tuan Syed sama ada beliau bersetuju ataupun tidak tentang

konsep yang telah diperkenalkan sekarang ini berkenaan dengan PERMATA. Apa pandangan Yang Berhormat Tuan Syed tentang PERMATA?

**Dr. Syed Husin Ali:** Konsep itu belum meluas lagi bukan, dan terlalu misalnya bertumpu kepada sebilangan kecil dan kebanyakan bertumpu kepada apa yang dihantar dengan kerjasama universiti-universiti luar. Ia memerlukan masa yang lebih untuk dikaji dan dinilai dengan baik. Prasekolah ini melibatkan paling ramai orang, bukan hanya segelintir dan bukan...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Maksudnya perlu tak kalau kita katakan konsep PERMATA ini diperluaskan lagi? Kalau memandangkan dari segi konteks yang ada sekarang ini, ia agak memberangsangkan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya rasa harus dikaji. Saya tidak dapat katakan perlu atau tidak sebelum saya mengkajinya. Akan tetapi yang saya hendak akhirkkan tadi ialah bahawa di prasekolah-prasekolah sekarang ini, kita dapati misalnya terlalu ditumpukan mengajar budak, seolah-olah itu sekolah. Seheingakan ada *homeworknya*, ada kerja-kerja tambahannya dan saya lihat ada kanak-kanak yang merasa terpaksa dan tertekan belajar itu. Padahal tujuan prasekolah itu untuk mereka menggalakkan bermain sambil belajar supaya boleh berminat kepada pendidikan itu.

Akhir sekali, akhir kepada akhir ya, iaitu kita dapati bahawa yang mampu hantar anak ke prasekolah ini adalah kebanyakan mereka di bandar dan kebanyakan mereka yang mampu dari segi pendapatan. Mereka ini bila masuk sekolah rendah dan seterusnya, adalah mempunyai kelebihan. Mereka sudah tahu mengira, sudah tahu hisab, sudah tahu membaca. Akan tetapi anak-anak yang miskin itu, mereka tidak mempunyai kemampuan seumpama itu. Jadi sentiasalah yang miskin yang di desa, yang kebanyakan Melayu itu tinggal ke belakang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung.

**3.36 ptg.**

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2013. Beberapa perkara saya ingin bangkitkan dalam perbahasan seperti berikut.

Pertama, berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Negeri Sarawak dan Sabah mempunyai tanah yang luas dan sesuai untuk penanaman padi. Apakah skim-skim, langkah-langkah Kerajaan Persekutuan bagi menggalakkan penanaman padi di negeri Sarawak dan Sabah bagi mengurangkan penggantungan mengimport bekalan makanan dari luar negara? Pada masa kini, berapa keluasan tanah negeri Sarawak dan Sabah telah pun digunakan untuk menanam padi? Berapakah hasil penanaman padi tahunan disumbangkan oleh kedua-dua negeri tersebut?

Penternakan burung walet merupakan salah satu perusahaan baru di negara ini. Namun, semenjak tahun lepas, pengusaha-pengusaha mengalami kerugian besar ekoran daripada pengharaman Kerajaan China untuk mengimport sarang burung walet dari Malaysia memandangkan China, Taiwan dan Hong Kong merupakan satu-satunya pasaran utama yang mengimport sarang burung walet. Walaupun terdapat persefahaman tercapai antara dua negara sebelum ini tetapi ramai pengusaha masih menghadapi berbagai-bagai masalah eksport atau jual sarang burung walet ke negara-negara tersebut. Adakah pihak berkaitan masih dalam perundingan, dan apakah usaha kementerian bagi meringkaskan prosedur-prosedur pengeksportan sarang burung walet agar perusahaan penternakan burung walet dapat menjana lebih banyak lagi pendapatan untuk negara?

Kedua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan telah pun memperkenalkan pelbagai jenis skim perumahan kos rendah dan mampu milik untuk golongan pendapatan rendah. Di Sarawak, kadar kenaikan harga perumahan sangat tinggi menyebabkan golongan pemuda yang baru bekerja dan berpendapatan rendah amat sukar membeli rumah sendiri dalam pasaran perumahan terbuka. Sebahagian terpaksa mengambil risiko untuk mendirikan rumah setinggan di atas tanah kerajaan. Di bawah skim-skim perumahan kos rendah mampu milik yang diperkenalkan oleh kerajaan, berapakah jenis rumah kos rendah atau mampu milik telah didirikan di negeri Sarawak dalam dua tahun yang lepas? Berapa buah keluarga kah, telah pun mendapat manfaat daripada skim-skim perumahan berkenaan?

Ketiga, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kerajaan telah pun menjalankan pelbagai projek infrastruktur untuk kawasan pedalaman di negeri Sarawak termasuk pembinaan jalan, pembekalan air bersih dan elektrik. Apakah status pelaksanaan projek-projek tersebut?

■1540

Apakah masalah atau halangan yang dihadapi semasa melaksanakan projek-projek tersebut. Pada tahun 2010 dan 2011, berapakah projek pembinaan jalan baru pembekalan air bersih dan elektrik telah pun disiapkan di kawasan pedalaman negeri Sarawak? Berapa orang yang telah mendapat manfaat daripada projek-projek tersebut? Terdapat aduan diterima bahawa di kawasan pedalaman Sarawak tiang-tiang elektrik telah didirikan oleh kontraktor tetapi lama menunggu masih tidak ada bekalan elektrik disambungkan. Sama juga dengan bekalan air di mana paip air telah pun disambung tetapi lama menunggu, masih tidak ada bekalan air disambungkan. Apakah sebab-sebab keadaan sedemikian berlaku? Berapakah projek infrastruktur yang mengalami kelewatan dan sebab-sebabnya?

Keempat, Kementerian Kerja Raya. Perkembangan pesat kawasan industri Samalaju melibatkan lalu lintas antara Bintulu dengan Samalaju meningkat secara mendadak dan kesesakan lalu lintas berlaku setiap hari menjelang waktu pergi dan lepas kerja. Adakah kementerian merancang untuk menaik taraf atau memperluaskan jalan utama dari Medan Jaya sehingga Tanjung Kidurong dan jalan utama yang menyambungkan Tanjung Kidurong ke kawasan industri Samalaju. Sekiranya ya, berapakah

perbelanjaan yang perlu digunakan dan bila boleh bermula? Sekiranya tidak, apakah rancangan penyelesaian alternatif kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan-jalan tersebut? Kebelakangan ini saya berasa banyak kawasan jalan utama Sarawak telah pun diturap semula dari peringkat ke peringkat. Saya mengucapkan terima kasih kerana pihak berkaitan telah mendengar suara rakyat Sarawak dan berharap kerja-kerja penurapan semula dapat diteruskan sehingga seluruh jalan utama Sarawak semua diturap semula. Selain itu juga diseru agar kerja-kerja pemantauan dijalankan bagi memastikan kualiti kerja penurapan semula adalah memenuhi spesifikasi.

Kelima, Kementerian Dalam Negeri, statistik-statistik jenayah dan kenyataan yang diumumkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia selalunya jauh berbeza dengan pandangan orang awam. Mengakibatkan orang awam mencurigai ketepatan statistik dan kenyataan pihak polis, adakah pihak polis membuat kajian terhadap sebab-sebab orang awam kurang berkeyakinan terhadap statistik dan kenyataan pihak polis dan apakah tindakan yang diambil untuk meyakinkan orang awam terhadap ketepatan statistik-statistik dan kenyataan pihak polis? Beberapa bulan kebelakangan ini, banyak kes rompakan lanun telah pun berlaku di kawasan lautan Sabah dan Sarawak. Tindakan-tindakan penjenayah lanun yang mencuri orang serta merompak kapal-kapal menyebabkan banyak syarikat perkapalan tidak minat untuk menghantar kapal-kapal ke Sabah untuk mengangkut kargo. Mereka rela menghantar kapal yang mengenakan caj pengangkutan yang lebih tinggi daripada biasa.

Apakah tindakan-tindakan pencegahan yang diambil oleh kerajaan bagi menghalang kes-kes tersebut terus berlaku? Adakah keselamatan lautan Sabah dan Sarawak semakin merosot? Di samping polis laut, adakah pihak maritim akan membantu menjaga keselamatan kapal-kapal dan rakyat di lautan tersebut?

Keenam, Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas kerajaan telah pun membuat pengumuman mengakui ijazah aliran perubatan beberapa universiti negara China tetapi ramai graduan aliran perubatan daripada universiti-universiti tersebut yang balik ke negara telah diarahkan untuk mengikuti kursus perubatan universiti tempatan selama setahun. Hanya selepas mereka berjaya melepasi peperiksaan barulah ijazah mereka akan diakui dan diambil berkhidmat di hospital kerajaan. Penjelasan yang diberikan oleh pihak berkaitan adalah *council* perubatan Malaysia iaitu *Malaysian Medical Council*. Masih dalam proses mengkaji dan mengenal pasti tahap kualiti akademik aliran perubatan universiti tersebut.

Sepatutnya jabatan-jabatan berkaitan perlu menyiapkan pengkaji akademik terlebih dahulu sebelum membuat pengumuman untuk mengakui ijazah universiti berkaitan. Keadaan ini melibatkan graduan-graduan yang balik perlu menyertai program khusus yang ditetapkan sebelum berkhidmat untuk negara. Berharap pihak berkaitan dapat menyiapkan kerja mengenal pasti tahap kualiti akademik secepat mungkin dan berharap perkara sedemikian tidak akan berulang pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan industri Samalaju yang terletak berhampiran dengan Bintulu telah pun berjaya menarik banyak pelaburan asing untuk membina loji-loji industri beberapa di kawasan tersebut. Ekoran daripada projek-projek pembinaan loji industri berat ramai pekerja luar dan pekerja asing telah pun masuk Bintulu menyebabkan banyak kelengkapan asas Bintulu tidak mencukupi, termasuk Hospital Bintulu yang semakin sesak. Pihak berkaitan seharusnya membuat perancangan mulai sekarang bagi membesarkan dan menaiktarafkan Hospital Bintulu yang sedia ada.

Adalah perlu supaya Hospital Bintulu menambah kelengkapan-kelengkapan termasuk kereta pengangkutan antaranya kenderaan darat bergerak ambulans dan kereta klinik pergigian bergerak. Kereta bergerak tersebut selain digunakan di bandar, boleh juga digunakan untuk pergi ke pekan-pekan kecil berhampiran seperti Sepauh, Laban, Tubau dan Tatau. Menyediakan perkhidmatan untuk penduduk tempatan di pekan-pekan kecil itu. Merujuk laporan terdekat, dalam 12 bulan yang lepas, di Bintulu terdapat lima orang pesakit yang maut kerana lambat hantar ke hospital yang lebih besar akibat helikopter tidak datang. Pada masa kini syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan tidak ada helikopter yang menetap di Bintulu. Selalunya apabila helikopter diperlukan, ia tidak dapat datang dengan alasan cuaca tidak bagus dan menyebabkan ramai pesakit hilang nyawa. Terdapat dua kaedah bagi menyelesaikan masalah ini. Pertama, pihak berkaitan menentukan syarat supaya helikopter syarikat penerbangan tersebut bersedia di landasan kapal terbang Bintulu 24 jam atau pihak berkaitan mempertimbangkan untuk membeli helikopter sendiri bagi menghantar pesakit antara hospital ke hospital.

Kedua, membesarkan Hospital Bintulu. Menambah kelengkapan perubatan, menghantar lebih ramai doktor pakar berpengalaman supaya semua pesakit dapat diubati di Bintulu. Tidak payah dihantar ke hospital lain. Dipercayai dengan perkembangan yang ada sekarang, Bintulu sememangnya memenuhi syarat bagi menaik taraf klinik-klinik pakar yang sedia ada supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih lengkap untuk rakyat tempatan.

Pada masa yang sama saya ingin mengetahui sekiranya terdapat individu atau organisasi swasta yang rela menderma peralatan perubatan kepada hospital kerajaan dengan syarat semua spesifikasi peralatan adalah mematuhi syarat hospital kerajaan. Ia perlu mengambil berapa lama masa untuk mendapatkan kelulusan dan mana satu jabatan yang bertanggungjawab memproses kelulusan sedemikian? Tuan Yang di-Pertua, projek pembesaran Pusat Dialisis Hospital Bintulu telah diluluskan oleh Menteri Kesihatan sendiri semasa lawatan beliau ke Hospital Bintulu pada tahun 2010.

■1550

Pada masa tersebut, saya janji pada Menteri di mana kementerian bertanggungjawab untuk kerja pembesaran pusat dialisis dan saya akan bertanggungjawab untuk pendermaan 14 buah mesin dialisis yang memerlukan dana sebanyak RM560 ribu. Akan tetapi projek pembesaran *dialysis centre* yang melibatkan kos cuma RM600 ribu sahaja telah pun mengalami kelewatan selama setahun. Selain itu,

pada bulan Julai 2012, saya telah menghantar enam buah mesin dialisis kepada Hospital Bintulu di mana semua spesifikasi mesin adalah mengikut maklumat yang dibekalkan oleh pihak hospital. Namun empat bulan kemudian, baru sahaja saya mendapat kelulusan daripada pihak berkaitan. Apakah sebab proses kelulusan tersebut perlu mengambil tempoh masa yang begitu panjang? Saya tidak faham. Kalau orang beri percuma, saya terima cepat-cepatlah tetapi ini mengambil masa yang sangat panjang.

Ketujuh, Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, projek penjanaaan elektrik hidro Murum menghadapi masalah seperti penutupan jalan masuk oleh penduduk tempatan. Adakah penjelasan diberikan kepada penduduk tempatan dan mendapat persetujuan rakyat tempatan sebelum projek itu dijalankan. Adakah perihal pemindahan penduduk terlibat dijalankan dengan sempurna? Apakah impak pemindahan terhadap kehidupan harian mereka? Gangguan projek memang melibatkan kerugian yang besar. Apakah status sekarang dan dijangka bila projek itu boleh disiapkan? Projek penjanaaan elektrik hidro Baram yang dalam rancangan telah pun kedengaran banyak bantahan. Adakah pihak berkaitan telah pun mula memberikan penjelasan dan mendapat persetujuan daripada penduduk tempatan yang terlibat? Apakah tindakan yang diambil untuk pemindahan penduduk dari kawasan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun laporan audit mendedahkan pelbagai kelemahan pengurusan agensi kerajaan. Antaranya terdapat banyak kesilapan sama yang berulang-ulang setiap tahun. Baru-baru ini terdapat laporan mendedahkan bahawa di Sarawak terdapat sebuah jambatan siap dibina tetapi tidak ada jalan di sebelah jambatan. Apakah sebab projek sedemikian boleh wujud? Keadaan jalan di negeri Sarawak sememangnya tidak memuaskan. Sekiranya peruntukan Kerajaan Persekutuan setiap tahun dapat digunakan dengan tepat, keadaan jalan raya Sarawak boleh diperbaiki. Namun laporan audit juga mendedahkan prestasi projek-projek naik taraf pembinaan jalan di Sarawak kurang memuaskan di mana antara 74 buah projek yang dijalankan, banyak projek mengalami kelewatan. Diharap pihak berkaitan dapat memantau projek-projek yang dijalankan agar segala peruntukan dapat digunakan dengan sempurna demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Sarawak. Mengikut laporan audit, terdapat ketua jabatan memberi jawapan bahawa tidak mengetahui SOP pemberian kontrak kerajaan menjelang kerja audit dijalankan. Apakah atau adakah tindakan yang diambil terhadap ketua jabatan sedemikian? Sekiranya ketua jabatan tidak mengetahui SOP pemberian kontrak, adakah beliau layak memegang jawatan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM60 juta digunakan untuk menjalani kerja-kerja sukatan perimeter tanah NCER di negeri Sarawak. Minta penjelasan terhadap status terkini kerja-kerja sukatan perimeter tanah NCER. Berapakah keluasan dalam hektar atau lot telah pun disukat, digazetkan dan diserahkan kepada pemilik tanah? Berapa keluasan tanah NCER yang belum lagi disukat? Adakah peruntukan tersebut mencukupi untuk kerja-kerja menyukat semua tanah NCER di negeri Sarawak? Sekiranya tidak cukup, adakah peruntukan

tambahan akan diberikan menjelang kerja-kerja sukat perimeter dijalankan? Adakah jambatan berkaitan menghadapi masalah atau halangan daripada pemilik tanah?

Kelapan, Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, pembeli-pembeli motosikal kebanyakannya daripada golongan berpendapatan rendah. Pengusaha, penjual motosikal di negeri Sarawak menghadapi masalah di mana syarikat insurans yang berlainan mempunyai kadar caj insurans dan kadar *loading* yang berlainan. Keadaan ini menimbulkan banyak salah faham antara penjual dengan pembeli motosikal. Adakah pihak kementerian mempunyai kuasa bagi selaraskan kadar caj insurans dan kadar *loading* motosikal di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, nampaknya saya terima di sini ada enam orang sahaja lagi hendak berucap pada hari ini. Manakala, yang lain-lain itu dah minta pada tarikh lain. Kalau boleh minta semua kerjasama, kemukakan bila hendak berucap supaya senang saya hendak rangka masa berapa lama hendak bagi. Kita akan berakhir pada 7.30 malam ini, saya minta sekarang ini kita ada enam orang. Kalau bercakap tidak sampai setengah jam seorang, susah juga saya, kalau berlebih sangat pun, susah juga. Jadi saya hendak kerjasama, saya hendak beri ruang masa sebaik-baiknya kepada semua.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah, persilakan.

**3.57 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana turut diberikan kesempatan untuk membahaskan Bajet 2013 dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Bajet 2013 baru-baru ini yang bertemakan "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati*".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh Kementerian Sumber Manusia secara ringkas walaupun telah selalu diperkatakan kerana isu ini adalah menjadi satu isu yang tiada kesudahannya terutama di kalangan wanita iaitu tentang pembantu rumah. Isu gaji pula terbit baru-baru ini iaitu isu gaji yang telah diperketat, ura-ura untuk menaikkan gaji dulu RM700 dengan satu tugas, sekarang dah ura-ura RM800 pula untuk sebulan. Jadi saya kira ia mendapat bantahan ramai kerana dianggap terlalu tinggi selain diberi cuti sehari dalam seminggu dan dibenarkan memegang pasport sendiri.

Sebilangan pembantu rumah yang datang dari luar tidak terlatih walaupun mereka mendakwa sudah menjalani kursus sebelum datang ke negara ini. Hakikatnya kebergantungan Malaysia terhadap pembantu rumah ini belum berakhir kerana ramai wanita Malaysia kita berkerjaya dan mereka tiada pilihan. Jadi terpaksa mereka memerlukan khidmat pembantu rumah untuk membantu mereka

mengurus dan menjaga anak sepanjang mereka keluar bekerja. Persoalan saya, apakah usaha Kementerian Sumber Manusia selama ini didapati efektif untuk mengurangkan kebergantungan kepada pembantu rumah asing dan apakah usaha kementerian untuk terus mempertingkatkan usaha menjadikan pembantu rumah satu pekerjaan yang diminati.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja ini merupakan satu alternatif terbaik untuk mengatasi masalah kebergantungan ke atas pembantu rumah asing serta menggalakkan lebih ramai wanita bekerja. Namun kita dapati ianya mendapat sambutan yang kurang menggalakkan daripada pihak majikan sendiri. Oleh itu adakah Kementerian Sumber Manusia sudah berpuas hati dengan prestasi kementerian untuk menggalakkan lebih banyak syarikat awam dan swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja buat masa ini. Apakah sebabnya syarikat-syarikat swasta masih enggan menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja? Adakah insentif-insentif yang diberikan tidak memadai atau kurang menarik.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan pesakit mental adalah lima penyakit utama yang menyebabkan kehilangan upaya. Dijangkakan pada tahun 2020 ia menjadi penyakit kedua tertinggi di dunia. Statistik tahun 2008 menunjukkan ada 40,227 pesakit mental di Malaysia memerlukan bantuan psikiatri di hospital-hospital kerajaan. Kita lihat senario jumlah yang mengalami tekanan hidup semakin meningkat akibat kehilangan kerja, kekurangan wang, masalah pelajaran, perceraian, masalah rumah tangga dan berbagai-bagai masalah.

Malah kita pernah membaca dan melihat di dada-dada akhbar, di majalah bahawa pelajar sekolah mahu bunuh diri akibat putus cinta. Remaja-remaja masuk penjara akibat jenayah pelbagai. Jadi golongan ini perlu dipulihkan dan diberi kaunseling bagi mengembalikan mereka kepada kehidupan yang lebih positif dan produktif. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya berapakah nisbah pegawai kaunseling bagi pesakit mental di negara kita? Apakah langkah yang diambil bagi menangani kekurangan kaunselor di negara kita? Berapakah jumlah yang mendapat khidmat kaunseling yang disediakan oleh kementerian bagi tahun lalu dan tahun ini.

Apakah langkah kerajaan dalam menyedarkan rakyat tentang khidmat kaunseling yang disediakan oleh kerajaan? Adakah peruntukan ini meliputi program kesedaran tentang wujudnya khidmat kaunseling ini kepada penduduk luar bandar. Adakah kementerian menyediakan kemudahan khidmat kaunseling di kawasan luar bandar bagi membantu masyarakat yang memerlukan khidmat tersebut.

Dicadangkan agar kementerian mengadakan kerjasama dengan NGO atau agensi-agensi kerajaan bagi membantu rakyat terutamanya di luar bandar agar mereka mendapat akses kepada perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh perintah khidmat masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diberi tanggungjawab untuk merangka dan menjalankan program perintah khidmat masyarakat di bawah seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 [*Akta A 1274*]. Kaedah yang digunakan adalah dalam bentuk hukuman, pemulihan dan penginsafan. Sebenarnya huraianya panjang. Akan tetapi rasa saya tidak perlu pergi satu persatu kaedah hukuman, pemulihan dan penginsafan ini. Persoalannya, berapakah jumlah pesalah yang telah menjalani perintah khidmat masyarakat sejak ia mula beroperasi pada tahun 2007? Berapakah lokasi yang terlibat dan pelaksanaan program ini?

Yang kedua, selain aktiviti dan program pemuliharaan landskap, pemuliharaan bangunan dan sebagainya, apakah program-program yang dirancang oleh kementerian bagi meningkatkan kemahiran dan kesedaran insaniah di kalangan pesalah-pesalah ini. Adakah agensi pelaksana jalankan kajian? Sejauh manakah keberkesanan program ini serta perkembangan pesalah yang telah tamat menjalani perintah khidmat masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh isu berkenaan institusi kanak-kanak. Dalam Bajet 2013, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak lebih RM7.69 juta bagi institusi kanak-kanak. Jadi saya minta kementerian nyatakan berapakah jumlah institusi kanak-kanak yang dikendalikan oleh kementerian di seluruh negara. Sejauh manakah pemantauan dilakukan ke atas institusi kanak-kanak ini terutamanya dalam aspek penyelenggaraan bangunan dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya tentang institusi kanak-kanak yang tidak berdaftar dengan kementerian dan beroperasi secara persendirian. Seperti di tahfiz-tahfiz yang mengendalikan anak-anak yatim. Adakah kementerian memantau institusi ini bagi memastikan kebajikan kanak-kanak ini terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di bawah Kementerian Kerja Raya. Alam sekitar dan kecekapan tenaga, anggaran peruntukan Bajet 2013 sejumlah RM2,0933,00. Mohon penjelasan berhubung status pelaksanaan Projek Kecekapan Tenaga Sektor Bangunan (BSEAP) dan berapa banyak bangunan kerajaan yang telah terlibat dengan BSEAP ini?

Apakah usaha kementerian bagi memastikan binaan bangunan baru di negara kita ini mempunyai reka bentuk teknologi binaan lestari. Juga mohon penjelasan kementerian mengenai sistem penarafan bangunan hijau yang dirancang oleh JKR? Apakah *indicator* yang akan digunakan dan bilakah program ini akan mula di laksana? Juga mohon penjelasan sehingga kini apakah peratusan IBS di dalam pembinaan bangunan kerajaan sejak ianya diperkenalkan di negara kita.

■ 1610

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit di bawah Kementerian Luar Negeri iaitu berkaitan dengan isu Rohingya. Masyarakat dunia tidak boleh diam kepada penindasan dan keganasan

terhadap etnik Rohingya ini. Hak asasi manusia dan prinsip demokrasi bagi mereka hendaklah dibela. Setakat ini, bantuan dan pembelaan tidak mencukupi. Oleh itu, selaku negara yang sentiasa prihatin dan simpati terhadap penindasan sedemikian, Malaysia perlu memberikan komitmen dan menerajui usaha yang lebih hebat dan berkesan ke arah membela nasib etnik ini. Saya penuh yakin kerajaan dapat mengambil langkah-langkah berkesan melalui PBB, ASEAN dan OIC.

Saya juga membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada perjanjian kerangka kerja bangsa Moro yang telah ditandatangani di antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) pada 7 Oktober baru-baru ini. Perjanjian hasil rundingan yang dibantu Malaysia sejak tahun 2001 itu, bermatlamat mewujudkan entiti autonomi politik di Mindanao yang digelar bangsa Moro bagi menggantikan wilayah autonomi Islam Mindanao. Tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang telah berjaya membawa mereka ke meja rundingan. Kejayaan persetujuan perjanjian ini amat disanjung tinggi khususnya bagi 15 juta penduduk Islam di Mindanao. Justeru itu, saya ingin mengajukan persoalan berikut kepada kerajaan:

- (i) adakah perjanjian ini akan membantu menyelesaikan masalah migrasi di antara wilayah Mindanao dan Sabah di samping dapat meningkatkan aktiviti perdagangan di antara kedua-dua belah pihak?;
- (ii) adakah Kerajaan Filipina akan menarik balik tuntutan mereka ke atas Negeri Sabah yang juga melibatkan beberapa tuntutan bertindih ke atas beberapa buah pulau di Laut China Selatan bagi menghargai sumbangan Malaysia kepada pencapaian perjanjian tersebut?; dan
- (iii) adakah perdamaian yang di kecapikan akan menjamin keselamatan di kawasan perairan Sabah kerana kita percaya, pihak Kerajaan Filipina akan lebih fokus kepada kawasan perairan mereka setelah tidak perlu lagi berhadapan dengan tentangan daripada pihak pemisah?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya ingin sentuh tentang isu kakitangan kontrak KEMAS. Saya ingin menyentuh isu ini yang dihadapi oleh 16,000 kakitangan kontrak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negeri seperti mana yang telah dilaporkan oleh CUEPACS pada *posting* BERNAMA, 6 Mei 2012. Jadi ringkasnya, saya mencadangkan mereka ini diserap sebagai kakitangan tetap dan berpencen yang mana mereka layak untuk mendapat faedah pinjaman perumahan dan menikmati Skim Saraan Malaysia.

Tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sejak dahulu sudah kita tahu, berbelas-belas tahun dahulu dan saya percaya ada di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini tidak termasuk sayalah, pernah masuk ke prasekolah ke sekolah tadika KEMAS. Jadi dari dahulu hingga sekarang, tidak ada lagi rakyat Malaysia sama ada miskin ataupun kaya yang anak-anak mereka tidak bersekolah di prasekolah yang dimaksudkan. Semua anak kita di Malaysia telah pun menikmati

pembelajaran di sekolah KEMAS, di kelas Tadika Perpaduan Yayasan di negeri masing-masing, juga di sekolah-sekolah prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh negara. Jadi, syabas kepada anak-anak kemudian ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi, menyedari kepentingan mahasiswa dalam mengubah landskap politik negara. Saya melihat kerajaan memperuntukkan sebanyak RM325 juta bagi tujuan pendidikan sebagai harapan 1.3 juta mahasiswa di seluruh negara dapat menjana transformasi kepimpinan yang tinggi. Jadi, peruntukan ini perlu dimanfaatkan sebagai landasan ke arah kemajuan negara menjelang Tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh program MyBrain15. Di bawah program ini, saya mendapat maklum bahawa kerajaan menyasarkan untuk menghasilkan seramai 60,000 pemegang PhD daripada kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Tuan Yang di-Pertua, malang sekali, kakitangan awam yang bertaraf kontrak tidak layak memohon di bawah program ini sedangkan mereka juga ingin mengikuti MyPhD dan MyMaster. Ini kerana program yang saya sebutkan tadi hanya diperuntukkan untuk kakitangan swasta dan orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap serta kepada pensyarah-pensyarah IPTS.

Sebagai contoh, ramai pegawai penyelidik bertaraf kontrak di kementerian-kementerian yang ingin melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi tidak dapat berbuat sedemikian walaupun adanya PTPTN. Jadi saya berharap kementerian melihat perkara ini secara serius kerana kakitangan awam bertaraf kontrak juga wajar diberi peluang bagi meningkatkan lagi keintelektualan mereka dalam menjalankan tugas. Saya mohon kementerian untuk melihat semula agar kita tidak akan kerugian tenaga pakar walaupun mereka ini bertaraf kontrak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Pembangunan belia sentiasa mendapat tempat dalam agenda negara. Belia adalah tunggak masa kini dan masa depan negara. Menerusi kelompok belia, negara sentiasa tagih dengan idea dan pandangan belia dalam menghalau tujukan negara terutama menjelang tahun 2020 sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah terkini belia adalah seramai 12,154,200 orang. Sehubungan itu, saya mendapat maklum bahawa Parlimen Belia dijangka bersidang untuk kali pertama pada pertengahan bulan April tahun depan. Saya percaya, Kementerian Belia dan Sukan dapat memberi gambaran yang jelas berhubung organisasi Parlimen Belia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal mengenai Festival Belia Putrajaya. Saya akui, penganjuran yang diadakan sebelum ini menepati kehendak orang muda dan mencapai sasarannya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-Menteri Kabinet juga menunjukkan komitmen tinggi dalam Festival Belia Putrajaya ini.

**■1620**

Namun begitu, saya juga ingin cadangkan supaya festival belia ini diadakan juga di peringkat negeri. Ini kerana di peringkat ini pun belia-belia di luar bandar pun perlu juga untuk sama-sama berkumpul menikmati dan merasai keadaan festival-festival seperti ini. Saya kira setakat ini sahaja. Kepada Kementerian Pelancongan dan kepada Kementerian Kesihatan, saya menggesa dan merayu supaya dipercepatkan pembinaan bangunan hospital baru untuk Daerah Kemaman dan Dungun yang telah diluluskan dalam belanjawan yang lepas dan telah diumumkan di dalam perjumpaan kita dengan bapak Menteri semasa beliau turun di Kemaman pada tahun lepas.

Jadi saya harap, ini adalah permintaan dari warga Kemaman dan Dungun, khususnya yang sentiasa berharap hospital ini menjadi realiti secepat mungkin. Ini kerana dalam keadaan yang mendesak, setiap hari saya dapati pesakit-pesakit di atas katil berlonggok-longgok di lorong-lorong laluan di setiap wad. Sekian, terima kasih. Itu sahaja dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, kita beralih kepada Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

**4.22 ptg.**

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah satu bajet memang seperti yang diberitahu dahulu bahawa ini adalah satu bajet pilihan raya. Jadi, saya pun terimalah. Jadi, ini biasalah pada masa pilihan raya, ada banyak gula-gula diberi.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara kita perlu ambil perhatian iaitu defisit 4.5% itu adalah satu perkara yang serius. Ini ialah tahun ke-16 berturut-turut kita ada defisit. Kalau ini dilanjutkan, keadaan kewangan negara kita terjejas. Oleh sebab itu, saya minta Menteri Kewangan cara-cara untuk menaikkan pendapatan negara. Saya nampak bahawa pada masa ini hanya 1.7 juta pekerja daripada 12.8 juta pekerja bayar cukai, satu angka yang sangat kurang. Lebih kurang 15% sahaja lebih kurang bayar cukai. Sebanyak 130,000 daripada 700,000 syarikat yang bayar cukai.

Jadi, ini adalah satu angka yang kurang. Jadi, kenapa angka yang kurang bayar cukai berbanding dengan negara-negara lain. Saya juga faham bahawa individu-individu di Malaysia bayar RM14 bilion sebagai cukai, syarikat bayar RM40 bilion dan minyak, *oil and gas* bayar RM60 bilion cukai. Nampaknya kita pun terlalu bergantung pada minyak sebagai pendapatan, ini tidak sihat untuk negara.

Jadi, kerajaan mesti cari jalan untuk menambah luas atau *broaden*, dengan izin, kita punya cara-cara pendapatan. Ini sangat *narrow*, sangat sempit. Jadi, saya minta Menteri Kewangan, bagaimanakah mereka akan *broaden*kan itu *base* kita punya pendapatan? Saya difahamkan bahawa FDI kita sudah turun, kita bukan lagi tempat yang menarik seperti dahulu untuk menarik FDI. Pelaburan dalaman pun

tidak begitu galakkan sekarang. Jadi, kalau pelaburan dalam tidak begitu menggalakkan, sasaran tumbuhan atau *growth rate* akan terjejas.

Jadi, ini adalah satu perkara yang serius. Saya harap ataupun saya minta Menteri menjelaskan bagaimana dan apakah cara-cara kerajaan akan mengambil untuk menambah baik keadaan ini? Ini sebab negara kita ialah satu negara yang terbuka. Jadi, kami pun *exposed*, dengan izin, kepada kelemahan-kelemahan kewangan di luar negara seperti Eropah dan Asia. Kita perlu lebih *resilient* dan lebih bergantung pada pasaran dalam negeri. Jadi, inilah saya kawatir, saya harap Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan dapat peruntukan sebanyak RM38.7 bilion iaitu lebih kurang 21% daripada perbelanjaan pergi ke Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini Menteri Pendidikan mengumumkan *education blueprint*, dengan izin. Di dalam *blueprint* mereka hendak menambah baik kualiti pendidikan. Akan tetapi apa yang saya kawatir ialah negara kita juga ada *blueprint* dahulu, dalam tahun 2006, ada juga satu *blueprint*. Dalam *blueprint* itu kita hendakkan 100 kelas keperluan khas untuk murid-murid yang perlu *special attention* dan juga 90% sekolah sesi pagi. Begitu juga 70% sekolah-sekolah sasaran ialah kurangkan saiz kelas. Adakah matlamat ini tercapai? Jadi, tidak ada apa-apa laporan mengenai *blueprint* 2008 tetapi sekarang kita ada *blueprint* yang baru keluar.

Begitu juga kita ada PPSMI diperkenalkan, kemudian ditarik balik. Jadi, kita banyak *flip flop*. Jadi, Kementerian Pelajaran mesti mengurangkan *flip flop* dan tiap-tiap tahun pun peruntukan untuk pendidikan tinggi tetapi pencapaian melalui pendidikan sangat kurang. Pencapaian di dalam negeri kita ada bagus tetapi apabila pergi ke luar negeri, penduduk kita mengambil peperiksaan luar, pencapaiannya sangat kurang. Jadi, ada sesuatu yang tidak betul dalam sistem pendidikan. Jadi, saya harap kementerian akan mengambil tindakan betul-betul menambah baik kualiti pendidikan.

Kualiti pendidikan ada kesan yang begitu luas, banyak *brain drain*. Kualiti pendidikan anak-anak satu sebab mereka gunakan untuk berhijrah ke negara lain. Kita juga ada graduan yang tidak boleh *diemploy*, *unemployable*, dengan izin. Apa guna kita keluarkan graduan tetapi *not employable*. Jadi, ada sesuatu yang tidak betul dengan sistem pendidikan. Jadi, saya harap kita tidak buat perubahan kosmetik tetapi buatlah perubahan yang betul-betul ada kesan dan yang *real*.

Kementerian Pelajaran sangat dipolitikkan. Jadi, kita perlu kurangkan politik dan demi negara kita, kita mesti buat bawa perubahan yang betul-betul memberi kesan. Begitu juga seperti satu sebab saya ingat, saya harap Menteri Pelajaran boleh jawab. Satu sebab kenapa taraf dikurangkan ialah politik itu dan juga banyak dulu, pada masa 70-an dan 60-an, ada juga banyak guru-guru yang bukan Melayu, ada juga mengajar bahasa Inggeris. Akan tetapi sekarang semua sudah hilang, semua pun tidak ada.

Sehingga sekarang, kita kena import guru Inggeris daripada Amerika Syarikat, Australia, England untuk mengajar. Akan tetapi apa sudah jadi kepada kita? Dulu kita sangat kuat dalam bahasa Inggeris,

kenapa sudah jadi begitu lemah? Jadi, saya harap kementerian boleh jawab apakah tindakan-tindakan yang betul-betul berkesan akan dimulakan, akan diperkenalkan untuk menaikkan mutu pendidikan. Sebab pendidikan satu peruntukan begitu besar. Mesti ada kesan, kalau tidak, membazir juga wang.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya hendak minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa negara kita sekarang berunding dengan Amerika Syarikat dan *European Union* (EU) mengenai *Free Trade Agreement* iaitu TPP dengan FTA. Akan tetapi kerajaan sangat merahsiakan perundingan ini. Rakyat tidak tahu apakah kesan-kesan yang akan dapat daripada perundingan ini, tidak tahu. Akan tetapi kalau kita pergi ke *website* Amerika Syarikat, *trade representative* Amerika Syarikat, mereka ada semua maklumat. Apakah tujuan mereka, apakah sasaran mereka, semua pun ada.

Akan tetapi dalam *website* Kementerian Perdagangan Antarabangsa tidak ada apa-apa maklumat, sangat *secretive*. Kenapa kita *secretive* tetapi mereka sangat terbuka. Kesannya ialah kita juga, syarikat-syarikat kita, pertanian, farmaseutikal, akan jadi kesan. Sebab yang akan datang masuk ialah syarikat-syarikat gergasi yang besar. Kita tidak boleh lawan sama mereka. Jadi, kita mesti ambil masuk ataupun ambil *confidence* pihak-pihak yang akan terlibat, pertanian, farmaseutikal dan syarikat-syarikat lain. Akan tetapi saya nampak kementerian tidak buat begitu dan siapa pun tidak tahu. Hanya kita kena tunggu adakah mana-mana dokumen yang *dileak* keluar. Baru kita dapat maklumat. Kalau tidak *dileak*, kita pun tidak ada apa-apa maklumat. Jadi, saya minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa menjadi lebih jelas dan terbuka dan ambil semua pihak dalam perundingan bahawa kita boleh ada satu perundingan yang *equal footing*.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah saya dapat pengaduan daripada satu kumpulan penjawat iaitu *civil servant*. Khususnya, daripada angkatan tentera (*armed forces*) bahawa ada banyak bank komersial, Bank Rakyat, pergi jumpa golongan ini dan beri mereka banyak hutang. Sangat senang dapat hutang. Boleh dapat tiga atau empat bank, boleh ambil hutang. Sehingga sekarang, saya pun diberitahu bahawa ada juga anggota tentera, gaji yang diambil balik rumah, ada RM50, pun ada juga. Lepas potong semua pinjaman, gaji yang bersih yang boleh bawa balik ialah RM50 dan RM5 pun ada juga. Saya pun hairan macam mana dia boleh hidup dengan gaji RM50 dan RM5? Sebab...

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Ini boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Silakan.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Adakah apa yang di hujah itu ada bukti-bukti yang kukuh. Kenapa tidak dikemukakan. Tunjukkan bukti, jangan cakap sebarang.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Kalau siapa-siapa minat, saya ada satu fail yang besar. Semua nama ada dengan dia punya *pay slip*, semua ada, saya boleh kemukakan. Jadi, soalan saya ialah macam mana bank-bank boleh beri hutang begitu banyak. Sebab bank-bank suka golongan ini

sebab mereka dapat potongan daripada gaji, senang kutip. Akan tetapi akibat ialah anggota tentera, mereka tidak ada wang. Kalau begini, ini akan menggalakkan rasuah dalam perkhidmatan. Kenapa Kementerian Pertahanan tidak ambil kira perkara ini. Kalau orang lain, kalau mana-mana tempat kita pergi ke bank mahu ambil pinjaman, bank hanya akan beri hutang, pada pendapat saya, setengah atau 1/3 sahaja. Dia tidak akan beri lebih daripada itu. Akan tetapi di sini, bank-bank terburu-buru beri pinjaman sebab senang potong.

Jadi, saya minta Kementerian Pertahanan bahawa kawal bank-bank yang beri hutang kepada anggota tentera. Saya diberitahu bahawa, Bank Rakyat misalnya, Bank Rakyat dia punya perniagaan hanya beri hutang kepada penjawat dan anggota tentera sahaja. Bank-bank ini dia punya *business* begitu baik, pekerja-pekerja bank ini dapat bonus enam atau tujuh bulan. Jadi, bank-bank ini dapat keuntungan besar. Sebab ini senang dipotong, satu *business* yang ada sasaran yang sangat baik. Akan tetapi yang susah ialah penjawat dan anggota tentera yang dapat potongan yang begitu banyak. Jadi, saya pun hairan kenapa Kementerian Pertahanan tidak ambil kira perkara ini.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Boleh mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Silakan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya ingin beri pandangan kerana *statement* daripada Yang Berhormat Ramakrishnan itu khusus tumpu kepada kakitangan ataupun pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertahanan, satu. Yang kedua, sebenarnya Bank Rakyat dia tidak bagi Kementerian Pertahanan, dia bagi semua orang. Semua orang dia bagi. Jadi, bukan sahaja Bank Rakyat sahaja yang bagi, banyak bank bagi. Ada pekeliling mengatakan *deduction* tidak boleh melebihi 60%, tidak boleh. Jadi, macam mana dia lebih 60%? Saya sendiri pernah tengok, bukan sahaja *pay slip* dia RM50, ada negatif pun ada. *It's true*. Tinggal lagi, garis panduan ada, di mana kebocoran ada. Itu isu dialah. Jadi, tentang Bank Rakyat atau bank-bank tertentu tidak mengikut, itu bukan satu - *across the board*, dengan izin, mungkin satu *isolated case*. Terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan. Saya ada satu fail Yang Berhormat, ada - khususnya, semuanya ialah anggota tentera. Ada juga seperti Yang Berhormat cakap, RM5, RM100, macam-macam. Ada juga bukan Bank Rakyat sahaja tetapi ada Public Bank, bank-bank lain ada. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa Bank Rakyat, dia punya bonus pekerja sangat tinggi. Jadi, inilah keadaan. Jadi, saya minta Kementerian Pertahanan ambil kira perkara ini dan saya ingat mesti ada satu garis panduan, tidak boleh ambil hutang begini. Jadi, begini mesti anggota tentera kita, dia tidak boleh tahan. Jadi, ini akan *lead* kepada rasuah dan macam-macam lagi gejala. Jadi, kita kena betulkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak tanya ialah mengenai *crime rate*. Jadi, sekarang *crime rate*, kadar jenayah Malaysia sangat tinggi. Nampaknya di Malaysia, penjenayah tidak takut kepada

polis, tidak takut, kenapa? Saya pun tidak tahu. Ini kementerian kena jawablah kenapa. Akan tetapi saya nampak dia tidak takut. Saya sendiri ada di Johor, di satu kawasan. Saya sendiri ada pergi ke balai polis, ada berdialog dengan OCPD. Lepas dialog pun sambung juga dan OCPD pun kompelin sama saya, kita tidak cukup orang. Yang Berhormat cakaplah di Parlimen, kita tidak cukup orang. Saya cakap memang saya mesti akan cakap.

Akan tetapi inilah hakikatnya, tidak cukup anggota polis. Akan tetapi ini ialah satu yang tidak baik. Saya pergi ke lain negara macam India. Saya pergi ke Chennai, satu tempat penduduk sangat tinggi tetapi dia punya *crime rate* sangat kurang. Satu saya nampak ialah mana-mana saya *turn*, ada satu orang polis saya boleh nampak dan polis-polis mereka jalan kaki. Mana-mana satu *corner* ada boleh nampak satu orang, kadang-kadang lelaki, kadang-kadang perempuan. Akan tetapi di sini kita tidak boleh nampak. *Police is not visible*, dengan izin. Jadi, saya harap Kementerian Dalam Negeri ambil kira perkara ini.

■1640

Dalam Bajet 2013 ini, Perdana Menteri ada memperuntukkan RM272.5 *million* untuk menukar persepsi rakyat mengenai *crime rate*. Kalau kita betul-betul *crime rate* itu di kurang, persepsi pun turut tukar juga. Jadi tumpuan kita ialah bukan kepada persepsi tetapi apa yang berlaku luar, di akar umbi mesti turun. Saya pun hairan di mana baru-baru ini bekas IGP pun dedah juga apa yang berlaku di pasukan polis. Ada juga *political interference*, dengan izin, dan macam-macam. Jadi apa-apa tidak mengenalah. Kalau begini, kita boleh cakap-cakap tetapi perkara tidak akan memulihkan dan memperbaiki di akar umbi. Jadi saya minta Kementerian Dalam Negeri mengambil kira dan bincang dan beritahu kita di Dewan yang mulia ini apakah tindakan yang betul-betul, kenapa penjenayah kita ini lebih berani, walaupun ada beberapa tindakan tetapi *crime* tidak turun juga?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa negara kita maju dalam dua dekad. Ada banyak bandar-bandar besar, ada banyak jalan raya, ada banyak bangunan-bangunan tinggi dan ini menggalakkan ramai orang menggunakan kereta sendiri pergi ke mana-mana. Pergi kerjakah, pergi ke *recreation park* kah, dengan izin, kedai-kedai kah, sekolahkah, kita menggunakan kereta. Jadi ini adalah baik untuk industri kereta, penjual kereta, motor insurans memang baik, tetapi keadaan ini, apa yang terjadi ialah ada banyak kereta. Kelmarin Menteri Pengangkutan beritahu ada 22 *million* kereta di jalan raya. Satu angka yang sangat besar. Ini tidak baik, tidak baik untuk alam sekitar dan juga untuk kehidupan. *It's make livable* sangat susah. Jadi bandar-bandar tidak menjadi satu bandar yang *livable*.

Jadi saya minta kementerian ubahkan *planning*. *Planning* ini tidak begitu betul. Ada kesilapan dalam *planning*. Kita tidak mewujudkan *botanical garden*. Saya nampak hanya ada satu *botanical garden* yang ramai orang kunjungi iaitu di Pulau Pinang, *botanical garden* di Pulau Pinang. Itu pun bukan dibina oleh kita, itu dibina oleh orang British pada masa dahulu. Adakah kementerian membuat mana-mana

*botanical garden* yang begitu untuk rakyat, untuk menghijaukan, untuk menjadi satu tempat rakyat boleh pergi? Akan tetapi semuanya tertumpu kepada bangunan, bangunan, bangunan. Seluruh Kuala Lumpur pun...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** *Botanical garden* di *Penang* kalau kita pergi memang dibina oleh orang putih tetapi *Penang* memang satu kota raya yang kalau kerajaan pentingkan *garden* itu, kemungkinan tempat itu sudah diambil alih untuk membina bangunan. Jadi, yang itu kita pun *preserve*. Saya memang tidak setuju di mana-mana tempat tidak ada *garden* untuk membolehkan rakyat untuk buat senaman, *jogging* kah, apa. Di Kuala Lumpur, tanah kita sangat mahal tetapi kita ada *Lake Garden*, bukan?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Yang Berhormat, ini masa saya. Yang Berhormat ada apa-apa soalan?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya sangat hairan kenapa Yang Berhormat berfikiran sangat negatif sampai tahap hendak usik orang beli kereta – yang ini cara hidup peribadi. Kalaulah saya ada wang, saya boleh beli. Kalau yang ini dihadkan, manakah hak manusia, *human right*? *Thank you*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Tujuan saya ialah bukan hendak mengehendkan beli kereta. Tujuan saya ialah kita mesti ada satu *liveable city*, satu bandar raya di mana kita boleh duduk, bukan bandar ini mati. Pada masa malam mati, tidak ada orang sebab semua orang di luar. Jadi kita mesti ada penduduk yang duduk di bandar macam bandar-bandar lain. Bandar-bandar lain macam *Europe and Jepun, there are all livable cities*. Jadi kita mesti ada lebih *park*, lebih hijau, lebih *botanical garden*. Akan tetapi saya nampak ini tidak menjadi fokus PBT Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam rancangan.

Jadi tujuan saya adalah untuk memberi satu fokus kepada PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu bila mereka rancang, buatlah rancangan di mana ada *garden*, ada *greenery*, ada parit-parit kita. Macam di Jepun, di parit-parit di bandar pun ada ikan, ikan hidup dan kita pun boleh nampak ikan. Macam air yang bersih, macam mana mereka boleh kita tidak boleh? Jadi inilah tujuan saya membangkitkan isu ini iaitu kita mesti jadikan *livable city*. UN pun ada satu bahagian yang mengeluarkan satu indeks, satu *guideline* untuk bandar-bandar menjadi *livable*. Ada banyak garis panduan di situ pun dan mereka ada banyak menyenaraikan bandar-bandar yang begitu baik untuk diduduki, tetapi Kuala Lumpur tidak ada dalam senarai itu. Itulah tujuan saya bangkitkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai Kementerian Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi. Malaysia adalah pengeluar kelapa sawit yang kedua di dunia. Dalam bajet yang baru ini, Perdana Menteri pun mengumumkan penurunan *tax*. Jadi ini memang bagus. Ini akan menjadikan kelapa

sawit kita lebih *exportable* dan menambahkan market. Akan tetapi, pada masa ini kita ada inventori yang begitu besar, 2.51 *million* tan. Saya baru baca di dalam surat khabar bahawa angka ini akan naik, bukan turun, sebab kelapa sawit Indonesia harganya murah dan juga *demand* daripada pembeli kita pun turun. Mereka pun ada masalah ekonomi. Jadi dalam keadaan ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk mengurangkan, macam mana mereka akan menolong untuk menjual inventori-inventori ini? Ini kerana 50% daripada kelapa sawit ialah *small holders*. Mereka adalah perusahaan kecil, bukan syarikat-syarikat perladangan yang besar. Jadi mereka tidak ada daya tahan yang begitu lama boleh tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Perdana Menteri – Perdana Menteri dalam bajet tahun lalu mengumumkan satu peruntukan untuk masyarakat India yang dipanggil “*seed money*.” Beliau mengumumkan RM180 juta sebagai *loan facilities* dengan izin, kepada peniaga-peniaga masyarakat India. Ada RM10 juta untuk program pengukuhan dan peningkatan, RM10 juta lagi untuk skim pinjaman mudah, RM30 juta pinjaman TEKUN dan RM130 juta di bawah skim pembiayaan PKS yang dikendalikan oleh 13 Bank Islam. Saya hendak minta Jabatan Perdana Menteri, berapa banyak daripada *loans* ini, pinjaman-pinjaman ini diagih, diberi? Dalam tiap-tiap skim, berapa banyak yang telah diberi dan kenapa khususnya pinjaman daripada *Islamic Bank* sebanyak RM130 juta saya dengar sangat kurang diberi? Kenapa sangat kurang? Akan tetapi ini sangat diuar-uarkan bahawa mereka sudah tolong masyarakat India sudah beri RM180 *million* macam itu tetapi adakah ini betul-betul dikeluarkan, wang ini dikeluarkan? Tuan Yang di-Pertua...

■1650

**Dato’ Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato’ Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Semasa Yang Berhormat berbahas tadi Yang Berhormat telah membuat satu *statement* yang ada orang yang beritahu kita sudah bagi RM180 juta ini. Ini satu anggapan kah atau betul ada bukti yang orang, yang ada satu *group* yang telah memberitahu dalam akhbar yang wang ini telah disalurkan ataupun hanya satu persepsi?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Ini saya baca di surat khabar bahawa kerajaan Perdana Menteri sudah beri RM180 *million* kepada masyarakat India, banyak tolong. Akan tetapi saya hendak tahulah berapa banyak, betul-betul diagihkan? Itu sahaja soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya hendak minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ialah baru-baru harga *cigarette* dinaikkan 20 sen. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di akar umbi kenaikan harga *cigarette* ini telah matikan ataupun kurangkan *cigarette* berjenama, yang betul-betul yang dibayar cukai. Sekarang apa yang terjadi ialah ada banyak *cigarette* diseludup. *Cigarette* yang diseludup, pasaran mereka sangat baik dan tambah lagi... [Disampuk] Rokok-rokok yang diseludup, import bukan import tetapi diseludup tanpa cukai, pasaran mereka sangat

baik dan semua pengedar sekarang mengedar rokok yang diseludup bukan rokok yang buatan Malaysia yang bayar cukai...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih banyak lagi kah Yang Berhormat?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ada sedikit lagi. Jadi, saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bahawa adakah selalu kenaikan harga *cigarette* adalah satu tindakan yang baik? Sebab memang tujuannya ialah untuk mengurangkan penggunaan *cigarette* tetapi kesan ia berlainan. Jadi, adakah kementerian tahu apa yang berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit dua perkara lagi. Satu ialah saya dapat satu aduan Tuan Yang di-Pertua, bahawa dari pihak Agensi Antidadah Kebangsaan yang beritahu bahawa ada satu surat arahan atau memo kepada semua pengarah daerah Agensi Antidadah Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan. Untuk memastikan setiap daerah mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh orang dimasukkan ke klinik *Cure and Care* 1Malaysia yang kononnya untuk penagih dadah yang datang secara sukarela.

Ini secara tidak langsung mencerminkan paksaan dan bukan lagi secara sukarela. Tindakan ini jejas, mencegah dengan hasrat kerajaan untuk membantu pemulihan penagih yang datang secara sukarela atau Program *Cure and Care* dan Agensi Antidadah Kebangsaan gagal untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk merawat dan menangani masalah dadah di negara kita. Apakah Ketua Pengarah Agensi Antidadah ini amat kebal sehingga boleh membuat keputusan dengan sewenang-wenangnya dan mengetepikan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004? Saya juga ingin tahu berapakah jumlah pegawai Gred 41 dan ke atas mengikut kaum dan jantina yang telah letak jawatan atau ditukarkan setelah lantikan Ketua Pengarah Agensi Antidadah sekarang?

Apakah kuasa beliau itu sangat kebal sehingga beliau boleh memegang surat-surat aduan yang ditujukan kepada KDN terhadap salah laku dan pelanggaran peraturan oleh beliau? Saya dimaklumkan peletakan jawatan ini adalah kerana tekanan serta layanan ketua pengarah ini dilihat keterlaluan dan bermaharajalela di Agensi Antidadah Kebangsaan ini. Saya juga mendapati beliau telah dinaikkan pangkat daripada JUSA 'C' kepada JUSA 'A' dalam tempoh masa yang singkat berbanding dengan pegawai-pegawai lain di perkhidmatan awam. Saya juga ingin tanya kepada kementerian berhubung dengan *Cure and Care Service Centre*, Chow Kit.

Saya dapati sejumlah wang lebih kurang RM100,000 telah disalurkan ke *Cure and Care Service Centre*, Chow Kit pada tahun ini yang dikenal pasti sebagai penyelewengan dan salah guna kuasa. Apakah tindakan yang telah diambil dan adakah laporan dibuat kepada pihak pencegah rasuah? Apakah keputusan kes tersebut dan tindakan yang telah diambil oleh kementerian terhadap orang yang bertanggungjawab terhadap kelulusan saluran wang tersebut? Apakah dasar dan kriteria yang diguna pastikan dalam meluluskan jumlah wang untuk *Cure and Care Service Centre*, di Chow Kit ini? Saya mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang akhir ialah saya ada kemukakan satu soalan kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mengenai peruntukan wang yang diberi kepada tiap-tiap stesen radio. Berapakah wang yang diperuntukkan untuk setiap stesen radio? Jawapan yang saya terima ialah puratanya ialah RM5 juta, itu sahaja, satu jawapan yang begitu singkat. Saya rasa ini satu *insult*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada Dewan yang mulia ini. Ertinya adakah kementerian tidak boleh beri angka yang benar berapakah yang disalurkan kepada tiap-taip stesen radio? Kenapa jawapannya ialah puratanya RM5 juta? Jadi, saya minta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan berilah angka yang benar. Adakah susah hendak beri angka yang benar dan hanya beri purata RM5 juta.

Ini saya anggap ini satu *insult* kepada Dewan yang mulia ini untuk memberi satu jawapan yang tidak memberi apa-apa makna. Saya mohon Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan berilah angka yang sebenar kepada tiap-tiap stesen berapakah peruntukan. Itulah permintaan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

**4.58 ptg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Akta Perbekalan 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia pada 28 September yang lepas. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya menterjemahkan sebuah belanjawan yang benar-benar memberi manfaat dan mengambil setiap pendekatan. Serta mengambil kira semua lapisan rakyat di negara Malaysia sekali gus ianya menepati ciri-ciri terma bajet pada kali ini iaitu *'Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati'*

Tanpa membuang masa saya ingin mengulas dan memberikan beberapa cadangan di dalam bajet ini. Di dalam fokus pertama bajet ini adalah mengenai cadangan skim perlindungan insurans berkelompok kepada penjaja dan peniaga kecil yang mana saya bersetuju mengenai perkara ini kerana ia sebagai langkah baik kerajaan dalam membantu golongan yang memiliki pendapatan yang tidak menentu ini. Akan tetapi pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, segala benda dan perkara yang berkaitan insurans yang menelan belanja berjuta-juta hanya berbalik keuntungannya kepada syarikat insurans sahaja. Kerajaan harus mendalami apakah masalah sebenar golongan peniaga ini dan membantu mereka dalam mengatasi masalah tersebut.

**■1700**

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai usaha kerajaan dalam memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan dengan menambah empat lagi kawasan jelapang padi yang baru yang mana saya yakin sistem rantai makanan asas kita akan terjamin. Walaupun begitu, saya inginkan kepastian daripada kerajaan, apakah langkah kerajaan dalam memastikan bekalan daging dan ayam di negara kita sentiasa mencukupi tanpa bergantung kepada daging import dan apakah kerajaan bercadang untuk menambah baik fidlot yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya maklum bahawa kerajaan tidak pernah meminggirkan golongan usahawan dan melalui Bajet 2013 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM350 juta di bawah TEKUN bagi membantu usahawan kecil terutama bumiputera dan yang menariknya, daripada RM50 juta ini diperuntukkan bagi usahawan dari kaum India. Peruntukan ini bertambah berbanding RM30.5 juta yang telah diberikan kepada masyarakat India setakat ini dan ianya sekali gus mempamerkan hasrat murni kerajaan dalam merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum-kaum di Malaysia. Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua bagi melahirkan lebih ramai usahawan Malaysia yang berjaya di peringkat antarabangsa, kerajaan harus melihat kembali kepada semangat 1Malaysia. Maksud saya, adakah relevan untuk kita menilai pemberian bantuan atau pinjaman kepada usahawan-usahawan di negara kita ini mengikut kelompok atau kaum kerana kita harus sedar bahawa Malaysia bukan sahaja memiliki tiga kelompok kaum terbesar malah memiliki pelbagai lagi bangsa terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Jikalau bantuan mengikut kaum seperti ini masih lagi berterusan pada masa akan datang, bagaimana kita ingin mengetahui berapa banyak kelompok sasaran ini memerlukan dana bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar pada masa akan datang pinjaman TEKUN ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia. Sebagai contoh, RM1 bilion diperuntukkan kepada semua usahawan dan perniagaan kecil tanpa mengira kaum sekali gus akan mewujudkan satu keadaan di mana siapa yang layak, dialah berhak memohon tanpa dibayangi unsur orang dalam, kabel.

Tuan Yang di-Pertua, seperti semua sedia maklum, bahasa pengantar utama di sekolah Cina adalah bahasa Cina. Oleh itu, dengan penambahan waktu bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah SJK Cina, tentunya akan menjejaskan fungsi pendidikan bahasa ibunda malah akan menyebabkan kehilangan ciri-ciri pendidikan bahasa ibunda setiap bangsa.

Bahasa Malaysia adalah bahasa yang wajib dikuasai oleh semua rakyat Malaysia dalam mencapai agenda 1Malaysia dan dengan itu, sewajarnya pelajar yang tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dihantar ke kelas pemulihan bahasa Malaysia yang diadakan pada waktu petang atau waktu yang lebih sesuai yang mana ianya tidak menjejaskan pelajaran dan pembelajaran waktu biasa. Saya membantah sekeras-kerasnya kelas peralihan dimansuhkan malahan saya mencadangkan

agar kesemua pelajar dari SJK Cina diwajibkan untuk mengikuti kelas peralihan yang menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia.

Objektif kelas peralihan sepatutnya dikaji semula dengan memberi tekanan penguasaan bahasa Malaysia oleh pelajar dari SJK Cina. Dengan mengurangkan waktu pembelajaran bahasa ibunda di sekolah SJK Cina dan SJK Tamil, akan berlaku ketidakseimbangan dalam struktur kokurikulum atau sukatan pelajaran sekolah-sekolah berkenaan dan akan menyebabkan pendidikan bahasa ibunda terjejas dan kehilangan ciri-ciri SJK Cina dan SJK Tamil itu sendiri.

Dukacita, sekolah-sekolah menengah persendirian Cina disingkirkan daripada sistem pendidikan negara dan pembangunan sekolah-sekolah tersebut menjadi semakin susah sedangkan pada masa sekarang semakin banyak sekolah antarabangsa ditubuhkan. Selain itu, pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina atau Sijil UEC atau *Unified Examination Certificate*, dengan izin, menghadapi halangan yang besar. Jadi saya harap kerajaan sepatutnya memandang berat perasaan dan sensitiviti rakyat kaum Cina berkenaan dengan pendidikan bahasa ibunda, bahasa Cina SJK Cina dan SMJK dan sekolah persendirian seharusnya mendapat tempat yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, memperkasakan pendidikan dan latihan dan sememangnya bila kita bercakap mengenai pendidikan, adalah menjadi kemestian bagi kerajaan memperuntukkan satu jumlah yang besar. Dalam bidang ini ialah membabitkan 21% daripada jumlah keseluruhan peruntukan dalam bajet kali ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas tambahan RM1 bilion lagi untuk tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah di sekolah-sekolah di seluruh negara. Justeru itu, saya berharap agar peruntukan ini digunakan sebaik mungkin oleh kerajaan dan memberikan keutamaan terhadap sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya mengenai peruntukan latihan dan kemahiran. Saya menyokong peruntukan RM3.7 bilion bagi melatih para pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional kerana sesungguhnya dengan usaha ini akan dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir di Malaysia sekali gus dapat meningkatkan ekonomi dan menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita. Walaupun begitu, saya kurang jelas mengenai langkah holistik yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah keciciran pelajar. Oleh itu, saya tertarik untuk memberikan pendapat dan cadangan pada kerajaan agar dipertimbangkan pada bajet akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar sistem *apprenticeship* diguna pakai bagi menangani masalah ini kerana mereka yang tercicir ini kebanyakannya tidak minat untuk menyambung pelajaran mereka dan tiada guna untuk kita memaksa atau mendesak mereka memasuki institut vokasional yang diterapkan sistem pembelajaran formal. Dengan itu, kerajaan harus bekerjasama dengan GLC atau *Government-Linked Company* dan sektor swasta mengguna pakai sistem *apprenticeship* ini.

**■1710**

Sistem ini akan bertindak sebagai contoh, syarikat swasta akan menyerap mereka ini yang berminat untuk menjadi juru kimpal atau *welding* di limbungan. Syarikat tersebut hendaklah memberikan mereka gaji berdasarkan *no skill base* iaitu RM600 sebagai contoh. Selepas itu berikan tarikan kepada mereka dengan menawarkan mereka gaji yang lebih tinggi sekiranya ingin menyambung pelajaran bagi meningkatkan skil pada tahap dua berbanding tahap satu sebelum ini dan perkara ini berterusan sehingga mereka menjadi juru kimpal yang bertauliah.

Sememangnya sistem ini diakui berkesan dalam membentuk anak-anak yang keciciran pelajaran ini menjadi produktif. Sekali gus dapat menyumbang kepada ekonomi negara. Saya juga ingin meminta penjelasan daripada kementerian bilakah gaji terakhir kajian semula kursus-kursus di IPTA dan IPTS dibuat kerana masih banyak kursus yang *unmatched* dengan keperluan industri semasa. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya masih dalam hal pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, apakah kerajaan boleh mempertimbangkan pada masa akan datang iaitu penawaran biasiswa penuh kepada pelajar cemerlang SPM yang memperoleh 8A dan ke atas. Pada pendapat saya mereka ini adalah produk masa depan negara, di mana bakat dan ilmu mereka harus dijaga dan digilap dari semasa ke semasa. Kerajaan tidak harus mensia-siakan mereka ini kerana pelaburan dalam pendidikan adalah pelaburan yang terbaik pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, konsolidasi fiskal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam dalam konteks pengurusan kewangan berhemah, kita boleh lihat pada bajet kali ini. Sememangnya kerajaan berusaha dalam meningkatkan keupayaan sistem percukaian dan membuat peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar. Sememangnya juga kita maklum bahawa pada bajet kali ini, kerajaan sangat prihatin dalam mendengar keluh-kesah rakyat terutamanya golongan pertengahan, apabila kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu mata bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai tahunan melebihi RM2,500 sehingga RM50,000 dan ianya akan memberikan penjimatan cukai pendapatan sehingga RM425 setiap orang.

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kajian terhadap kadar cukai pendapatan hendaklah dibuat berterusan agar ianya sejajar dengan ekonomi semasa. Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai hendaklah dikaji semula kerana pada masa sekarang sebagai contoh, cukai import plastik 35%, cukai barangan elektrik dalam kadar 10% ke 25% dan barangan kayu pula lain kadar cukainya. Pelepasan cukai antara tiga barang ini melanggar sekitar 10% ke 35%. Dari jumlah keseluruhan import termasuk *shipping*, proses ini juga ada yang akan membabitkan Kastam dan ianya banyak bergantung kepada budi bicara pegawai Kastam. Tuan Yang di-Pertua, cara ini amat tidak baik dari segi pelaksanaan cukai kerana ianya mudah terdedah kepada salah guna kuasa.

Kita pergi pula kepada pelepasan cukai individu. Kita ambil contoh pelepasan untuk anak iaitu RM500 setahun dan pelepasan diri sebanyak RM15,000 ketika ini. Adakah ini masih logik dan relevan pada masa sekarang. Satu lagi keluhan rakyat ialah mengenai penghapusan cukai kepada mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000, dilihat sudah lagi tidak relevan pada masa sekarang dan logik sekiranya kerajaan menaikkan kepada paras pendapatan RM4,000 atau RM5,000. Apakah pandangan kerajaan mengenai cadangan ini dan apakah implikasinya cukup besar kepada pendapatan negara?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa kerajaan haruslah melaksanakan *Goods and Services Tax* (GST) dengan kadar segera supaya golongan sasaran iaitu golongan kaya tidak akan dapat melarikan diri dari tanggungjawab membayar cukai. Akan tetapi biarlah GST ini dilaksanakan setelah kadar cukai pendapatan dan sistem cukai dikaji atau dirombak semula seperti cadangan saya sebentar tadi.

Seterusnya adalah mengenai transformasi perkhidmatan awam. Dalam bajet kali ini adalah yang paling ditunggu-tunggu oleh rakyat secara amnya kerana ianya melibatkan banyak perkara yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan sememangnya menjadi pokok utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat sesebuah negara. Oleh itu saya tertarik dengan usaha kerajaan dalam menambah pemasangan CCTV sebanyak 496 unit di 25 buah pihak berkuasa tempatan seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, berapa banyak kah CCTV yang akan dipasang di kawasan Damansara dan Bukit Bintang secara keseluruhan, kerana Tuan Yang di-Pertua sudah banyak kejadian jenayah terutama ragut di kawasan tersebut dan telah banyak dilaporkan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah kementerian ada menempatkan polis yang menyamar sebagai orang awam di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan jenayah ragut ini dan sekiranya ada, berapakah anggota yang ditempatkan di sesebuah kawasan itu?

Seterusnya adalah mengenai peruntukan yang diberikan bagi perkhidmatan kesihatan iaitu sebanyak RM19.3 bilion. Sering kali kita mendengar insiden di mana pesakit terpaksa dipindahkan jauh dari hospital yang merawat mereka pada pertama kali dan mungkin ada di antara mereka yang meninggal dunia di dalam perjalanan, kerana tidak sempat menerima rawatan yang diperlukan. Ini semua terjadi kerana kekurangan peralatan dan kepakaran dari hospital terbabit. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya hospital setiap daerah di naik taraf kemudahan dan kepakaran supaya mempunyai kemampuan untuk diagnosis setiap penyakit yang ada sekali gus tidaklah kita bergantung kepada satu hospital pakar sahaja seperti Institut Jantung Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sememangnya ditunggu-tunggu oleh rakyat dan sekali lagi kerajaan tidak menghampakan rakyat Malaysia dengan mengumumkan pemberian BR1M kali kedua dan kali ini lebih menggembirakan apabila golongan bujang sahaja tidak terkecuali dari

bantuan ini. Sudah semestinya bantuan ini memberikan impak yang besar dari segi kewangan kerajaan tetapi terdapat logik dan relevan pemberian *one-off* ini. Pada pendapat saya ianya akan memberikan impak dari segi ekonomi negara kerana secara tidak langsung dengan perbelanjaan yang dibelanjakan khasnya hasil dari bantuan ini, akan merancakkan lagi ekonomi domestik sekali gus memberikan kesan positif terhadap ekonomi kita.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh dalam perbahasan Bajet 2013 ini adalah mengenai diskaun 20% kepada pinjaman yang membayar penuh pinjaman mereka dan 10% diskaun kepada mereka yang membayar konsisten pinjaman mereka mengikut jadual adalah cadangan cukup baik. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan berhasrat untuk memanjangkan lagi tempoh diskaun tersebut bagi memberi peluang kepada pelajar yang akan datang dapat merasa potongan ini. Saya juga ingin penjelasan dari kementerian, adakah peminjam yang membuat pinjaman peribadi daripada bank bagi membayar penuh pinjaman PTPTN ini dianggap berbaloi? Sekiranya pihak kementerian dapat membuat perkiraan dan sedikit kajian, harap ianya dimaklumkan kepada orang ramai kelak supaya mereka mendapat maklumat ini.

Sekian saja perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Hajah Dayang Madinah. Silakan Yang Berhormat.

5.21 ptg.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersyukur dan berterima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2013 yang bertemakan, "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati*".

Saya akan menyentuh beberapa perkara yang dimaklumkan dalam Bajet 2013 khususnya yang membabitkan negeri kelahiran saya, Sarawak Bumi Kenyalang. Bajet 2013 adalah prihatin, ikhlas, bertanggungjawab, *inclusive*, realistik, mesra serta berorientasikan rakyat. Bajet 2013 merangkumi fokus menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat termasuk di Sarawak dan Sabah.

Pada hemat saya, Bajet 2013 dilihat membuka dimensi baru pada semua lapisan masyarakat iaitu mewujudkan keseimbangan antara kemakmuran ekonomi yang dikecapi negara dengan pertambahan pendapatan rakyat. Negara kita kini bukan lagi berada pada tahap membasmi kemiskinan tegar di kalangan penduduk, sebaliknya lebih kepada mencari kaedah penyelesaian bagi menghasilkan kelompok masyarakat berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi.

Rakyat Sarawak berasa bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional kerana Sarawak langsung tidak dipinggirkan malah menerima lebih lagi peruntukan dan keistimewaan dalam Bajet 2013 khususnya yang membabitkan penambahan kemudahan infrastruktur serta bantuan bagi mengurangkan beban dan sara hidup rakyat khususnya mereka di kawasan pedalaman.

Peruntukan subsidi untuk kos pengangkutan barang keperluan ke pedalaman di Sarawak yang akan membuatkan harga barang di Sarawak dapat diturunkan merupakan langkah terbaik untuk meringankan beban penduduk di kawasan pedalaman. Sebagai contoh, penduduk di kawasan tanah tinggi pedalaman di Sarawak seperti di Ba'kelalan dan Bario merasa lega dan menyambut baik langkah kerajaan melalui program penyeragaman harga barangan dengan memberi subsidi pengangkutan bagi meringankan beban rakyat di kawasan terpencil. Mereka berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional kerana begitu prihatin dan dapat merasai keluhan bebanan yang terpaksa ditanggung masyarakat di kawasan pedalaman Sarawak sebelum ini.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, memang benar harga barang terlalu mahal di Ba'kelalan dan juga Bario. Contohnya sebungkus mi segera berharga RM5, manakala satu tong gas bagi kegunaan memasak dulu mencecah harga RM200 satu tong kemudian turun kepada RM70 bagi tong seberat 14 kilogram. Bayangkanlah berapa bezanya dengan harga yang kita dapat di kawasan bandar raya. Alhamdulillah kini dengan penyeragaman harga, satu tong gas tersebut kini turun harganya kepada RM26.60 sahaja. Penurunan pun banyak sekali. Itulah dinamakan, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Manfaat lain yang Sarawak dapat dalam Bajet 2013 ialah dari aspek pendidikan di mana peruntukan membaik pulih sekolah adalah langkah yang patut dihargai kerana sebahagian sekolah, asrama pelajar dan asrama guru di pedalaman Sarawak masih jauh kekurangan dari segi kemudahannya dari yang sepatutnya. Dalam hal ini, kita berharap perhatian dalam peruntukan tersebut dapat diteruskan untuk jangka panjang.

Penduduk Sarawak khususnya di sekitar Batang Lupar berasa bangga dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional atas pemilihan Batang Lupar di bahagian Sri Aman sebagai salah satu daripada empat jelapang padi baru. Ianya menunjukkan betapa pentingnya keselamatan pemakanan kepada negara kita dan dasar kerajaan yang menitikberatkan kepentingan rakyat. Pelaburan jangka panjang ini akan meningkatkan lagi tahap kecukupan pemakanan khususnya di Sarawak.

Dengan keadaan perubahan iklim dunia yang tidak menentu sekarang serta kemungkinan kekurangan bekalan beras dunia pada masa akan datang, pelaburan tersebut boleh membantu negara memastikan bekalan makanan kita khususnya beras akan mencukupi.

## ■1730

Ke arah itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani supaya meningkatkan usaha kajian dan penyelidikan R&D bagi mengeluarkan benih padi bermutu tinggi sesuai dengan keadaan dan persekitaran tanah di Sarawak. Dari segi kemudahan asas, Sarawak menyambut baik peruntukan sejumlah RM100 juta bagi membekalkan 40,000 tangki air menggunakan kaedah tadahan hujan khususnya di lokasi pedalaman Sarawak. Sarawak juga mengalu-alukan pelaksanaan Program Transformasi Bandar (UTC) dan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) bagi mengukuhkan pembangunan komuniti di bandar dan juga luar bandar dan juga pengumuman kerajaan akan membangunkan enam lagi Pusat Transformasi Bandar termasuk juga di Kuching.

Mengenai bantuan kepada bekas tentera, seperti yang kita sedia maklum di Sarawak ada ribuan bekas tentera khususnya pasukan renjer Sarawak yang pernah berkhidmat waktu awal kemerdekaan dahulu yang kini tidak berpencen. Mereka kini berasa terharu dan menghargai keprihatinan kerajaan kerana begitu prihatin kepada mereka dengan pemberian bantuan RM1,000 secara sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan atas peruntukan diberi dalam sektor perumahan di mana saya difahamkan Sarawak juga mendapat sebahagian daripada peruntukan tersebut. Oleh sebab harga dan kos binaan di Sarawak telah meningkat, maka harga rumah telah juga meningkat dan kadang-kadang ianya tidak dapat dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan disarankan agar mengambil kira perkara tersebut dan diharapkan dapat menambah lagi pembinaan rumah mampu milik di Sarawak. Dengan wujudnya masalah tersebut, saya ingin syorkan supaya Projek PR1MA iaitu rumah 1Malaysia juga dikembangkan di Sarawak. Dengan adanya projek PR1MA itu, maka mereka yang berpendapatan sederhana, *middle income* dengan izin, akan dapat memiliki rumah tersebut. Dalam hal ini, saya percaya Kerajaan Negeri Sarawak dapat menyediakan tapak tanah yang sesuai khususnya dalam kawasan bandar yang membolehkan projek tersebut dapat dilaksanakan.

Perihal kewangan pula iaitu *financing* dengan izin, saya ingin melaporkan di sini bahawa masalah yang dihadapi oleh sebahagian pembeli rumah adalah mengenai pinjaman yang ditolak oleh pihak bank atas sebab mereka disenaraikan oleh pihak CTOS. Adalah disahkan bahawa sebahagian daripada bakal pembeli rumah tersebut bukannya dari golongan yang mempunyai hutang dengan bank tetapi mereka adalah penjamin. Memandangkan masalah tersebut perlu diatasi bagi membantu bakal pembeli rumah

yang ditolak pinjaman mereka, saya ingin cadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu badan atau syarikat kewangan yang khas untuk memberi pinjaman perumahan dengan jaminan kolateral iaitu rumah dicagarkan. Dengan wujudnya badan kewangan atau pun syarikat tersebut, maka sudah pasti golongan sasaran dapat kita bantu dan sudah tentu ramai rakyat yang berpendapatan sederhana dapat memiliki rumah sendiri khususnya di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tradisi membela rakyat menjadi amalan pemimpin Barisan Nasional terdahulu dan juga sekarang. Aspirasi rakyat pelbagai kaum, etnik, agama dan nilai hidup berjaya menjadikan Malaysia sebagai antara destinasi pelaburan utama di Asia Tenggara. Peruntukan sejumlah RM2.25 bilion dalam Bajet 2013 khusus dalam bentuk pembiayaan serta pelaksanaan pelbagai program pembangunan PKS menunjukkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional dalam memastikan PKS menjadi enjin pertumbuhan ekonomi negara. Dalam masa yang sama membangunkan golongan usahawan PKS khususnya kalangan bumiputera secara tidak bermusim dan sentiasa konsisten.

Manakala peruntukan dana industri halal yang berjumlah RM200 juta berperanan untuk menggalakkan pertumbuhan industri halal dan mempercepatkan usaha mengantarabangsakan PKS yang berdaya saing di peringkat global. Saya ingin berkongsi maklumat dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia mengenai satu petikan berita dari keluaran surat khabar *Berita Harian* bertarikh 5 Oktober tahun ini, baru-baru ini. Tentang negara Britain memuji dasar pengurusan ekonomi Malaysia dengan mengaggap Malaysia sebagai salah satu ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan paling tinggi di dunia dan diuruskan dengan baik serta mengatasi persaingan global. Ini keratan daripada *Berita Harian* sebagai bukti bertarikh 5 Oktober 2012. Jadi, rakyat Malaysia pada hemat saya sepatutnya berasa bangga dan bersyukur pihak luar memberi pujian kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor pendidikan pula peruntukan terbesar kepada sektor pendidikan dalam Bajet 2013 diharapkan dapat menjadi motivasi kepada warga Kementerian Pendidikan untuk memacu pembangunan pendidikan di negara ini. Ia juga mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru sahaja dilancarkan.

#### ■1740

Transformasi Ekonomi Negara yang menjurus kepada industri teknologi dan perkhidmatan menyaksikan permintaan tinggi terhadap sumber tenaga kerja separa mahir dan mahir. Sememangnya memiliki kemahiran dalam bidang vokasional membolehkan individu menikmati pendapatan lebih tinggi daripada lulusan SPM dalam konteks pasaran kerjaya sekarang. Bidang vokasional dan teknikal diperlukan dalam pasaran masa kini dan akan datang, sedangkan kita belum dapat membekalkan tenaga mahir dalam bidang ini.

Justeru, pendekatan kerajaan mahu menstrukturkan semula sekolah menengah vokasional (SMV) dengan menggunakan konsep vokasional teknikal atau vok-tek, dengan sasaran melonjakkan

bidang kemahiran teknikal sebagai aliran pendidikan arus perdana negara adalah disambut baik dan tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, inisiatif melakukan transformasi dalam sektor pendidikan vokasional dan teknikal tidak semestinya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya, kerjasama bersama sektor industri dan swasta amat penting dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fakta pembangunan wanita. Sebagai seorang wanita, saya berasa amat bangga dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional atas keprihatinan dan pengiktirafan kehebatan wanita untuk sealiran dengan lelaki seperti terkandung dalam Bajet 2013. Dengan menyediakan pelbagai habuan untuk setiap kumpulan sasaran yang membabitkan kepentingan wanita, ibu tunggal, warga tua dan kanak-kanak. Syukur *alhamdulillah*, Bajet 2013 didapati memberi lebih kebaikan dan keistimewaan dengan peruntukan sejumlah RM50 juta untuk pembangunan wanita.

Golongan wanita berkerjaya, khususnya yang berpendidikan tinggi amat bertuah kerana segala bebanan tugas, kerisauan, kebimbangan dalam menjalankan dwi peranan sebagai ibu dan juga pekerja telah mendapat perhatian dan pertimbangan wajar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan menggalakkan penubuhan taska di tempat-tempat kerja sektor awam dan juga swasta bagi membolehkan ibu yang berkerjaya dapat mendampingi dan memastikan keselamatan serta penyusuan bayi dan anak kecil kesayangannya terus terurus serta terjamin.

Langkah untuk melatih seramai 500 orang wanita di bawah Program Pengarah Wanita untuk diketengahkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat amat tepat pada masanya dan dihargai. Satu lagi langkah baru yang disambut baik oleh golongan wanita ialah Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) bagi membantu 50,000 orang usahawan kecil wanita untuk melonjakkan perniagaan dengan meningkatkan jualan secara atas talian (*online*), dengan izin. Golongan orang kelainan upaya (OKU) juga tidak dipinggirkan dan mendapat perhatian dan bantuan Kerajaan Barisan Nasional. Projek Perintis Taska OKU yang diumumkan dalam Bajet 2013 memberi sinar harapan baru untuk golongan ini menempah kejayaan dan membantu mereka untuk terus maju seiring dengan orang lain.

Ia juga akan menyuntik semangat tinggi kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU supaya memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Bagi meneruskan bantuan kepada golongan OKU, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dapat menambahkan lagi kuota golongan OKU bekerja di sektor awam dan juga swasta pada masa hadapan. Memandangkan ramai di kalangan OKU kita mempunyai kelayakan tinggi tetapi mereka hanya diberi 1% sahaja kuota.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dalam Bajet 2013, penjawat awam menerima insentif dalam bentuk bonus daripada Kerajaan Barisan Nasional. Justeru, sudah tiba masanya penjawat awam memikirkan bentuk sumbangan yang boleh diberikan semula kepada kerajaan selain perkhidmatan mereka selama ini. Adalah diharapkan agar penjawat awam perlu terus berganding bahu menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan bersama-sama

membantu kerajaan dalam merealisasikan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tahun 2013 merupakan tahun bertuah bagi warganegara Malaysia di Sarawak Bumi Kenyalang. Ini kerana genaplah 50 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional dan sebelum itu Perikatan, mencipta kehidupan lebih baik dan berkualiti untuk penduduk negeri Sarawak yang terdiri daripada lebih 30 kaum etnik sejak Sarawak merdeka. Penduduk Sarawak kini lebih matang dalam membuat penilaian yang mana kaca dan yang mana permata. Menerima yang positif dan mengetepikan yang negatif, termasuk menilai catatan rekod mereka yang menawarkan alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah tadi, dengan hormat dan bangganya, saya mohon menyokong Bajet 2013. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong. Dipersilakan, Yang Berhormat.

■1750

5.50 ptg.

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Bajet 2013 ini, izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 29 September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011, sekali lagi kita mendapati bahawa terdapatnya kes-kes penyalahgunaan kuasa yang dikenal pasti oleh penjawat-penjawat awam dan juga ahli-ahli politik. Tidak perlulah saya memperincikan kesemuanya tetapi saya hanya mahu menarik perhatian Dewan yang mulia ini akan beberapa kes yang menunjukkan keseriusan masalah penyalahgunaan kuasa dalam sistem kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh pertama adalah kes yang melibatkan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan dilaporkan membelanjakan sebanyak RM52,525 iaitu harga yang menyamai sebuah apartmen kos sederhana untuk kontrak selama lima tahun bagi kerja-kerja penyelenggaraan setiap mesin pencetak berjenama Epson LQ300 yang dimilikinya. Laporan Audit ini tidak menyatakan jumlah bilangan unit mesin pencetak yang dimiliki oleh kementerian tetapi ia menyatakan bahawa harga setiap mesin pencetak Epson LQ300 ini adalah RM738 seunit. Ini bermakna untuk setiap mesin pencetak yang dimiliki, kos penyelenggaraannya selama lima tahun adalah 72.5 kali ganda harga beliannya. Satu

lagi modul mesin pencetak laser yang lebih canggih adalah model Lexmark E332n yang berharga RM1,916 seunit dan kos penyelenggaraannya untuk lima tahun adalah RM16,455 seunit.

Pada hemat saya, tidak mungkin pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ini adalah seorang pegawai yang kurang cerdas tetapi kemungkinan besar adalah kerana mereka memanipulasi sistem perolehan ini untuk memperkayakan diri mereka dengan bersekongkol dengan pembekal-pembekal berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, contoh kedua yang lebih serius adalah kes yang melibatkan seorang pegawai kanan kastam yang telah bertindak tanpa kebenaran Bahagian Perolehan Jabatan Kastam dengan mengeluarkan arahan untuk membeli beberapa barang yang tidak diperlukan oleh Jabatan Kastam secara lisan. Setelah perkara ini diketahui umum, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan kepada Jabatan Kastam untuk membuat laporan polis terhadap pegawai tersebut pada 22 Disember 2010. Akan tetapi, Jabatan Kastam hanya membuat laporan polis tersebut pada 24 Mei 2012 iaitu kira-kira satu tahun setengah setelah mereka mendapat arahan tersebut. Tiada apa-apa tindakan yang diambil ke atas pegawai kastam yang menyalahgunakan kuasanya dan hanya menyerahkan notis 24 jam peletakan jawatan pada 26 Februari 2008.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi berlaku kerana amalan rasuah tidak dibendung dengan secukupnya. Sekiranya pegawai-pegawai tersebut tidak mendapat apa-apa faedah untuk diri mereka sendiri, mengapakah mereka melakukan perkara-perkara tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, rasuah sebenarnya menghakis keyakinan masyarakat awam atas keupayaan sesebuah kerajaan untuk mentadbir negara dengan baik dan berkesan. Rasuah adalah faktor yang boleh menghalang pelaburan terutamanya pelaburan asing. Rasuah juga membantu penyertaan entiti-entiti dalam ekonomi domestik yang mana akan memberi kesan kepada pakar-pakar yang ada dalam negara kita.

Oleh sebab rasuah dan wang yang diterima melalui amalan rasuah lazimnya tidak boleh dibiarkan untuk dikesan, sejumlah besar wang ini disimpan di bank-bank di luar negara. Malah, umum mengetahui akan kekerapan sesetengah pegawai-pegawai kerajaan yang pergi ke luar negara untuk menyimpan wang rasuah yang diperoleh di bank-bank di luar negara. SPRM haruslah menyiasat perkara ini dan mendakwa pegawai-pegawai yang terlibat dalam amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam satu perbicaraan di mahkamah, seorang individu yang datang dari sebuah keluarga ahli politik yang ternama telah didedahkan oleh bekas isterinya memiliki lebih daripada 100 akaun bank di luar negara. Menurut bekas isterinya, jumlah keseluruhan yang disimpan adalah kira-kira RM700 juta dalam pelbagai mata wang di lebih 25 buah negara di seluruh dunia.

Saya ingin bertanya kepada pihak SPRM, sama ada SPRM telah menjalankan siasatan kepada kes perkara ini yang didedahkan semasa satu perbicaraan di mahkamah atau SPRM perlu menunggu satu laporan dibuat sebelum mereka boleh membuka kertas siasatan?

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, banyak perkhidmatan dan kontrak yang lumayan telah diswastakan dengan tempoh konsesi ada yang mencapai sehingga 15 tahun. Saya juga difahamkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan, jalan-jalan negeri, jalan-jalan perbandaran dan majlis daerah, longkang-longkang, kerja memotong rumput, lampu-lampu jalan dan kerja penyelenggaraan mekanikal dan kejuruteraan atau MAE di Universiti Malaysia Sabah, UMS di Kota Kinabalu dan cawangannya di Labuan juga telah diswastakan.

Untuk kontrak kerja-kerja penyelenggaraan MAE di UMS, saya diberitahu bahawa kontraktor yang mendapat kontrak tersebut dibayar secara tetap sebanyak RM2 juta setiap bulan untuk menjalankan kerja-kerja MAE dalam kawasan kampus berkenaan seperti menyelenggarakan penghawa dingin, lampu-lampu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya mendapat tahu dari seorang pegawai kanan UMS baru-baru ini bahawa kontraktor berkenaan tidak pun menjalankan kerja-kerja sebenar penyelenggaraan secara berkala. Malah, saya diberitahu bahawa kontraktor tersebut berpura-pura menjalankan kerja penyelenggaraan untuk menjustifikasikan tuntutan bayaran tersebut. Jelas seseorang itu tidak boleh bertepuk sebelah tangan tanpa dibantu oleh pihak lain. Oleh yang demikian...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta mencelah, mohon mencelah.

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Nanti, nanti. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa pihak-pihak berkuasa seperti Perbendaharaan, PDRM dan SPRM untuk menjalankan siasatan terperinci mengenai skandal ini yang melibatkan beberapa penjawat awam yang telah mengesahkan kerja-kerja penyelenggaraan yang dibuat sedangkan hal yang sebenarnya adalah kerja-kerja tersebut adalah tidak langsung dibuat. Persoalannya, siapakah yang meluluskan kontrak penyelenggaraan ini dan siapakah yang mengesahkan kerja-kerja penyelenggaraan yang dibuat untuk tuntutan bayaran?

#### ■1800

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penyalahgunaan kontrak penyelenggaraan adalah berkenaan dengan lampu-lampu jalan di Kota Kinabalu dan Penampang di Sabah. Jika kita membantu sekitar Kota Kinabalu dan Penampang kita akan dapati bahawa terdapat sejumlah besar lampu-lampu jalan yang tidak lagi berfungsi. Kedua-dua Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Daerah Penampang telah melantik hanya satu kontraktor masing-masing untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan lampu-lampu jalan di kawasan masing-masing. Persoalan yang penting saya harus tanya adalah mengapakah terdapat begitu banyak lampu di jalan yang tidak berfungsi dan dibiarkan tanpa membaikinya tetapi DBKK dan Majlis Daerah Penampang masih terus membayar kontraktor tersebut untuk kerja-kerja penyelenggaraan? Saya berharap pihak yang bertanggungjawab mengenai kerajaan

tempat boleh memberi penjelasan mengenai perkara ini untuk pengetahuan pembayar-pembayar cukai di Kota Kinabalu dan Penampang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi hanyalah sebahagian kecil dari masalah keseluruhan atau dalam bahasa Inggeris *only the tips of the iceberg*, dengan izin. Umum mengetahui banyak lagi kes yang lebih besar berkenaan rasuah yang telah merugikan negara kita yang berjumlah berbilion ringgit yang telah ditetapkan. Akan tetapi nampaknya pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengalami kesukaran untuk mencari bukti dan mendakwa mereka yang terlibat dengan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi Dewan Negara yang lepas saya pernah membangkitkan mengenai Projek Jalan Sepulut-Kalabakan tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa jawapan yang saya terima dari SPRM. Saya juga difahamkan bahawa beberapa aduan telah pun dibuat kepada SPRM sejak 2008 tetapi mengapakah SPRM membisu seribu bahasa? Apakah status penyiasatan setakat ini? Buat kedua kalinya saya inginkan penjelasan dari pihak SPRM mengenai Projek Jalan Sebelut Kalabakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak perwujudan *Transparency International Corruption Perception Index* (TICPI) pada tahun 1995, Malaysia berada di kedudukan 23 dengan mata 5.28. Kedudukan Malaysia telah jatuh ke kedudukan 37 dengan mata 5.2. Semasa mantan Perdana Menteri Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri pada tahun 2003, kerajaan telah melaksanakan lima tahun Pelan Integriti Nasional iaitu dari tahun 2004 ke 2008 untuk Malaysia memperbaiki kedudukan ini kepada sekurang-kurangnya tempat ke 30 dengan mata 6.5 pada tahun 2008. Buat pengetahuan Dewan yang mulia ini, mata TICPI ini merujuk kepada mata "sepuluh" sebagai terbaik dan mata "satu" sebagai yang paling teruk.

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan tidak pernah mencapai objektifnya malah kedudukan TICPI kita telah merosot dan jatuh ke kedudukan 47 pada tahun 2008 dengan mata 5.1. Pada tahun 2009 ia jatuh lagi ke tempat 56 dengan mata 4.5. Sungguhpun program memerangi rasuah telah dijadikan salah satu NKRA dengan matlamat supaya Malaysia memperbaiki kedudukannya dan meningkatkan perolehan mata dari 4.5 ke 4.9 pada tahun 2010, mata yang sebenarnya dicatat oleh Malaysia jatuh kepada 4.4 dengan kedudukan ke 56. Kejatuhan ini berterusan pada tahun 2011 dengan kedudukan Malaysia pada kedudukan 60 dengan mata 4.3.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mempersoalkan secara serius, ke manakah hala tuju negara kita? Adakah kita benar-benar serius dalam usaha kita untuk memerangi rasuah sebagai satu keutamaan kita atau adakah kita akan terus jatuh dalam kedudukan TICPI? Tuan Yang di-Pertua, rasuah ini merupakan satu barah. Ia merupakan ibu kepada semua masalah sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi. Dari pengalaman dan pengajaran yang boleh kita peroleh dari serata dunia, negara-negara yang mempunyai masalah rasuah yang serius ataupun yang mempunyai kedudukan mata TICPI yang rendah mengalami keadaan yang sukar dari aspek ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berharap kerajaan akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha memerangi rasuah. Hanya dengan memperhebatkan usaha-usaha memerangi rasuah sahajalah di mana mereka yang berniat untuk melakukan rasuah akan berfikir berkali-kali sebelum terjebak ke dalamnya. Maka masalah rasuah ini akan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Dari aspek ekonomi, kerajaan kita sendiri menganggarkan bahawa masalah rasuah di negara kita telah menyebabkan kerugian sebanyak RM10 bilion setahun iaitu kira-kira satu hingga dua peratus KDNK kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dilahirkan di Sibu Sarawak dan membesar di sana sehingga berumur 15 tahun. Saya sekarang merupakan rakyat Sabah setelah menetap dan bekerja di Kota Kinabalu selama 40 tahun. Oleh yang demikian, saya merasakan saya cukup berkelayakan untuk membicarakan mengenai kemudahan infrastruktur asas di kedua-dua buah negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara jujur saya nyatakan bahawa kemudahan asas infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air di Sabah dan Sarawak masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Lebuhraya Pan Borneo yang dirancang bermula dari Kuching di Sarawak sehingga ke Kota Kinabalu di Sabah masih lagi merupakan impian buat kami di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan jalan persekutuan masih lagi berada dalam keadaan yang tidak memuaskan dan tidak mencukupi sungguhpun kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk menyelenggarakan jalan-jalan tersebut.

Jalan-jalan di kawasan pedalaman adalah lebih buruk lagi. Kualiti jalan tersebut adalah teruk, tidak mencukupi malah ada jalan-jalan yang masih lagi tidak diturap sepenuhnya. Bekalan elektrik juga tidak menentu dengan kekerapan kejadian putus bekalan yang semakin menjadi akhir-akhir ini. Di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air bersih masih lagi satu impian buat penduduk-penduduk dan lebih merupakan satu kemewahan kepada penduduk-penduduk setempat sedangkan ini merupakan kemudahan asas yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sabah dan Sarawak merupakan dua negeri yang paling luas kawasannya di Malaysia, masih banyak lagi kawasan di kedua-dua negeri ini yang berada jauh di pedalaman yang hanya boleh dihubungkan melalui penggunaan bot atau secara berjalan kaki.

#### ■1810

Penerimaan isyarat televisyen di kebanyakan kawasan pedalaman juga adalah tidak memuaskan dan memerlukan piring satelit parabola atau dalam bahasa Inggerisnya, *parabolic satellite dish*. Walau bagaimanapun di Sabah, pihak berkuasa yang berkenaan menggunakan pendekatan yang berlainan dengan mengharamkan penggunaan piring satelit parabola ini seperti yang dinyatakan baru-baru ini oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Dr. Yee Moh Chai, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tidak akan meluluskan apa-apa permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menggunakan piring satelit parabola di Sabah. Sesiapa yang didapati menggunakan piring satelit parabola tanpa lesen akan dibawa ke mahkamah. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Kementerian Penerangan,

Komunikasi dan Kebudayaan untuk menyelesaikan isu ini dengan kadar segera untuk kemudahan rakyat Sabah terutamanya yang berada di kawasan-kawasan pedalaman...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi?

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Ada sikit lagi, sepuluh minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sikit lagi, bolehlah.

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Saya difahamkan bahawa di Sarawak tidak pula ada isu mengenai penggunaan piring satelit parabola tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan keselamatan dalam negeri terutamanya yang melibatkan pihak berkuasa iaitu pasukan PDRM. Ini kerana yang ingin saya bawa pada hari ini sangat penting demi nama baik negara yang juga merupakan isu yang menitikberatkan keselamatan dan keharmonian awam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya katakan ialah mengenai tingkah laku anggota pasukan PDRM. Tidak saya nafikan bahawa pasukan polis merupakan satu pasukan yang berwibawa dan dihormati oleh sebilangan besar penduduk di Malaysia. Akan tetapi baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita anggota polis terlibat dalam kejadian rogol di Pulau Pinang di dalam satu balai polis. Ini bukan berita pertama yang kita pernah baca malah sebelum ini pun terdapat berita anggota polis yang merogol di lain-lain tempat dan negeri di seluruh Semenanjung termasuk juga berita dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, persepsi orang awam dan kepercayaan orang awam terhadap anggota polis kini bukan sahaja diragui malah juga membawa kepada ketidakpercayaan kepada pasukan PDRM. Kita tidak boleh membiarkan persepsi buruk ini terus melanda pasukan PDRM disebabkan oleh peratusan kecil anggota yang terlibat telah meruntuhkan kepercayaan kepada semua. Walaupun Ketua Polis Negara telah memberikan jaminan bahawa tiada anggota polis yang akan dilindungi dalam apa jua kesalahan. Tidak kira merogol, terlibat dengan rasuah, mencederakan orang, menakutkan orang dengan senjata api dan pelbagai kesalahan lain yang di bawah Kanun Keseksaan mahupun undang-undang lain yang berkuat kuasa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan terdapat anggota polis yang bertindak macam samseng ketika menjalankan tugas. Kita tidak mahu rupa macam samseng, kelakuan pun macam samseng. Benar, kita tidak boleh mengukur rupa paras sebagai petunjuk kepada perlakuan. Ini kerana terdapat rupa paras yang cantik dan kacak juga boleh menjadi pembunuh bersiri seperti Ted Bundy di USA. Ya, siapa sangka kan? Apa pun saya ingin utarakan ialah semasa proses pengambilan anggota untuk diterima, dilantik ke dalam PDRM, saya syorkan supaya pihak polis menyatakan satu teras khusus atau kod khusus yang sangat menepati kelayakan yang diperlukan. Kita boleh mengambil mana-mana contoh atau kriteria pengambilan polis seperti yang terdapat di Hong Kong ataupun Singapura di mana kita tidak mendengar atau terbaca tentang anggota polis terlibat dengan kejadian merogol. Kalau

ada pun, ia satu jumlah yang sangat kecil ataupun *negligible*, dengan izin. Mesti ada suatu yang istimewa di dalam sistem dan latihan mereka sehingga tidak terdapat anggota yang terlibat dalam kes-kes seperti kes merogol.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya mana-mana ketua ataupun *immediate head or officer*, dengan izin, yang paling hampir dengan anggota tadi dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan anak buah yang dilakukan. Mungkin dengan cara ini dapat memberikan satu rasa tanggungjawab yang tinggi di kalangan semua anggota PDRM. Tidaklah perlu kita sampai ke tahap Ketua Polis Negara mesti melepaskan tugas dan kedudukan disebabkan oleh anggota di bawah pasukan PDRM. Nilai budaya kita tidak sama dengan nilai dan budaya di Jepun di mana ketua satu-satu pertubuhan di Jepun akan bertanggungjawab sepenuhnya di atas tindakan mana-mana pekerja di bawah naungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin ketengahkan ialah mengenai isu yang berkaitan rapat di antara keduanya ialah dadah dan wang palsu. Berita mutakhir yang kita ketahui ialah terdapat wang palsu yang berlegar dalam denominasi RM50 ataupun RM100 di Melaka. Terdapat orang awam yang telah pun mengalami kerugian gara-gara wang palsu ini. Persoalan yang timbul ialah ahli perniagaan ini *was implicated for the crime that he did not know or involved in*, dengan izin. Adalah sukar untuk meniadakan kesalahan begini kerana dalam isu perdagangan, *disproving illegal possession, be it money or drugs, is almost zero chance to be exonerated*, dengan izin. Apa yang akan jadi kepada rakyat kita yang tertipu ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita telah disajikan dengan berita terdapat ramai rakyat Malaysia yang terlibat dengan dadah yang dikuasai oleh sindiket antarabangsa di mana modus operandi mereka kini telah berjaya merekrut rakyat tempatan terutamanya belia dan remaja menjadi keldai dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit lagi Yang Berhormat?

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Sikit lagi, dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi satu minit lagi.

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Okey, *thank you*. Hari ini kita juga mendapat tahu bahawa dadah ini telah dimasukkan ke dalam bentuk cairan dan ditinkan sebagai produk makanan dalam tin. Setelah melepasi dokumentasi eksport dan saringan pihak keselamatan, dadah ini akan diproses semula menjadi dadah yang berkualiti tinggi yang boleh dijual kepada sesiapa sahaja. Ini sangat berbahaya kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya pasukan PDRM ini diberikan latihan dan capaian maklumat yang lebih jauh mengatasi pemikiran anggota sindiket dadah dan pemalsuan wang antarabangsa ini. Walaupun terdapat pelbagai undang-undang berkaitan dan *task force* di peringkat tinggi mencapai kepada kerjasama di seluruh dunia, apa yang penting ialah pasukan PDRM hendaklah sentiasa didedahkan dengan latihan dan ilmu sepanjang masa. Jika perlu,

anggota hendaklah dihantar untuk latihan bersama dengan negara yang telah pun mencapai standard yang tinggi dalam menangani isu wang palsu dan dadah ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1820

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat semua kerana masalahnya sekarang ini kita, ada separuh cakap panjang, ada separuh cakap pendek. Susahnya kita sudah buat satu usul contohnya. Itu sebabnya. Jadi saya tengok esok tidak ramai hendak berucap, hendak berbahas. Tolong beritahu fasal ini untuk menyenangkan kita membuat percaturan masa. Bagi yang - harap semua bagi kerjasama. Baik, seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong. Sebelum daripada itu kalau dengan izin sayalah minta salah seorang ambil satu usul. Silakan. Sekejap sahaja.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 6 Disember 2012.”

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti dikemukakan sebentar tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.  
6.22 ptg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian, berucap membahaskan Bajet 2013 di Dewan yang mulia ini. Tuan

Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang juga Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2013 yang memberi fokus untuk kemakmuran negara dan menyejahterakannya rakyat.

Bajet ini benar-benar mencerminkan peribadi beliau sebagai pemimpin yang mendengar dan memahami rintihan rakyat. Ramai yang memuji bajet berkenaan sebagai bajet yang benar-benar memberi manfaat daripada golongan usahawan, kakitangan kerajaan dan swasta hinggalah kepada golongan petani, nelayan, pesara serta pelajar, bahkan orang bujang pun turut mendapat nikmat daripada bajet ini.

Ketika Perdana Menteri membentangkan bajet tahun 2012 iaitu tahun lepas dan mengumumkan bantuan persekolahan serta Bantuan Rakyat 1Malaysia di samping bonus untuk kakitangan kerajaan. Berbagai tohmahan dilemparkan kepada Perdana Menteri dan kerajaan lebih-lebih lagi pihak pembangkang. Ada pihak yang membuat tohmahan kononnya ia adalah gula-gula bagi menghadapi pilihan raya pada tahun ini. Namun, tohmahan itu ternyata meleset kerana sampai hari ini masih lagi menunggu bila pilihan raya akan diadakan.

Tetapi yang pasti tindakan memberi bantuan itu sebenarnya membuktikan keprihatinan Perdana Menteri terhadap rakyat. Yang lebih pasti lagi kerajaan telah benar-benar membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional benar-benar menepati janji yang dibuat. Apa yang dikata dikotakan. Seinggakan slogan 'Janji Ditepati' itu membuat pihak tertentu rasa pedih telinga dan panas hati kerana kegagalan mereka mengotakan janji-janji di dalam buku jingga. Itulah janji-janji Kedah Sejahtera. Seinggakan penggunaan slogan 'Janji Ditepati' sebagai moto sambutan Hari Kebangsaan pun dijadikan isu dan bahan politik.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian sewaktu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bekerja keras untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, kita hendaklah memastikan peringkat pelaksanaan seiring dan selari dengan apa yang dikatakan jangan pula sampai berlaku sabotaj terutamanya pada peringkat agensi pelaksana. Saya katakan demikian kerana didapati masih banyak isu yang sudah lama dibangkitkan tetapi masih berterusan dan berpanjangan seolah-olah tidak ada penyelesaian, tidak ada kesudahan.

Sehubungan dengan itu agensi pelaksanaan perlu dipantau dengan lebih dekat, Ketua Setiausaha Negara, ketua-ketua setiausaha kementerian serta ketua-ketua pengarah sepatutnya memantau pelaksanaan untuk memastikan ia dibuat selari dengan janji-janji yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Begitu juga dengan jawapan-jawapan yang diberi dalam Dewan yang mulia ini, ia jugalah hendaklah dikotakan seperti yang diperkatakan, bukan hanya semata-mata untuk menyediakan jawapan bagi soalan yang dikemukakan. Bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Jika apa yang dikatakan tidak dikotakan, ia sebenarnya merupakan penghinaan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini dalam tempoh hampir dua tahun saya dilantik sebagai senator, saya pernah beberapa kali membangkitkan soalan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Bahkan dalam perbahasan bajet 2012 saya mengatakan bahawa mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohd dalam kenyataan akhbar pada 21 September 1980 dan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam kenyataan akhbar 12 Februari 2007, menyatakan masyarakat Siam adalah bumiputera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sewaktu berucap pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 2011 juga menyatakan Siam adalah rumpun Melayu.

Pada tahun 2008, ketika menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan masyarakat Bumiputera Siam di Pendang, Dato' Seri Mohd Najib juga telah berjanji bahawa masyarakat bumiputera Siam diberi tempat Universiti Teknologi Mara, bantuan MARA serta lesen kontraktor kelas 'F' setaraf dengan bumiputera yang lain. Saya juga ingin menyatakan bahawa kelayakan masyarakat Siam memiliki tanah rizab Melayu, melabur dalam Amanah Saham Bumiputera, menjadi ahli dan Ketua Cawangan UMNO, menganggotai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah antara bukti masyarakat Siam diiktiraf sebagai Bumiputera.

Bahkan di dalam Dewan yang mulia ini juga kita telah mendengar jawapan daripada persoalan-persoalan itu, misalnya pada 10 Jun 2012, dalam jawapan bertulis kepada soalan lisan saya, Menteri Kewangan menyatakan bahawa selaras dengan dasar kerajaan mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera. Takrifan yang diguna pakai dalam perolehan kerajaan turut dipanjangkan kepada syarikat yang dimiliki oleh masyarakat Siam bagi tujuan pendaftaran syarikat dan pembelian taraf bumiputera oleh Kementerian Kewangan.

Pada 11 Julai tahun ini pula, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam jawapan bertulis kepada soalan lisan saya menyatakan bahawa MARA sentiasa akur kepada arahan kerajaan dalam pembelaan dan pembangunan bumiputera di Malaysia. Sehubungan itu pihak MARA tidak menghadapi masalah untuk mengiktiraf masyarakat Siam di negara ini sebagai kaum bumiputera, yang berhak mendapat apa sahaja kemudahan yang diperuntukkan kepada golongan bumiputera seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Di penghujung jawapan itu mengatakan juga bahawa pihak MARA akan menimbang dan mengkaji mana-mana permohonan pembiayaan pendidikan atau perniagaan daripada kalangan masyarakat Siam tersebut berdasarkan garis panduan sedia ada seperti mana digunakan untuk kaum bumiputera yang lain. Pada 17 Julai pula, Menteri Pengajian Tinggi dalam ucapan balas kepada ucapan penangguhan saya di Dewan yang mulia ini menyatakan berikutan kenyataan Perdana Menteri dalam pertemuan dengan masyarakat Siam di Pendang pada 25 Februari tahun lalu bahawa status pelajar berketurunan Siam bagi kemasukan ke IPT wajar ditimbang sama seperti bumiputera yang lain. Maka Jemaah Menteri pada 22 Jun lalu bersetuju bahawa kemasukan pelajar keturunan Siam ke IPTA

dilaksanakan secara pentadbiran tanpa dikaitkan dengan peruntukan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, semua jawapan yang diberikan di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan pengiktirafan kerajaan bahawa masyarakat Siam itu serta kelayakan bagi mereka menikmati hak-hak sebagai bumiputera sama seperti bumiputera yang lain apabila disampaikan kepada masyarakat Siam.

■1830

Di peringkat akar umbi, seluruh masyarakat Siam menyambut baik dan merasa sungguh gembira dengan kenyataan-kenyataan itu. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sejak tarikh semua jawapan itu yang disampaikan dalam Dewan yang mulia ini, sehingga ke hari ini ia masih belum menjadi realiti pengiktirafan yang menyatakan hanya tinggal di atas kertas-kertas jawapan. Sehingga ke hari ini masih belum menjadi kenyataan bahawa masyarakat Siam masih belum menikmati hak-hak mereka sebagai bumiputera seperti yang dinyatakan di dalam jawapan di dalam Dewan yang mulia ini.

Misalnya, permohonan pelajar berketurunan Siam untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara sehingga hari ini masih ditolak atas alasan bangsa Siam bukan bumiputera. Permohonan anggota masyarakat Siam untuk mendapatkan pinjaman perniagaan dan pelajaran daripada Majlis Amanah Rakyat MARA juga ditolak atas alasan yang sama. Begitu juga di Kementerian Kewangan, permohonan yang dikemukakan oleh usahawan dan peniaga masyarakat Siam untuk mendapatkan status bumiputera bagi syarikat perniagaan masing-masing juga ditolak atas alasan yang sama. Jawapan yang sama juga diberikan apabila anggota masyarakat Siam memohon untuk mendapatkan, membeli syer dan kedudukan mereka sebagai bumiputera.

Keadaan yang sama juga berlaku di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, masyarakat Siam untuk menjadi wakil stesen Petronas juga ditolak atas alasan bangsa Siam bukan bumiputera. Bukan itu sahaja, permohonan untuk menukarkan istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam kad pengenalan dan surat beranak juga masih belum selesai walaupun arahan dan penguatkuasaan penggunaan istilah bangsa Siam dalam surat beranak...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Saya beberapa kali Yang Berhormat Dato' Boon menimbulkan soal status masyarakat Siam itu. Saya ingin tahu, adakah data tentang per kapita tentang *income* masyarakat Siam pada tangan Yang Berhormat sekarang, per kapita masyarakat Siam di Malaysia? Pendapatan isi rumah masyarakat Siam?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Dato' di atas pertanyaan soalan itu. Memang masyarakat Siam *populationnya* adalah 84,000 di Kelantan, di Perlis...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Isi rumahnya memang rendah. Mereka bertani dan juga bertugas sebagai pegawai kerajaan. Jadi maknanya pendapatan memang paras-paras kemiskinan. / pun tidak tahu. Belum lagi teliti, kena *study*, kena *study*... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Kena *study* lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya hendak mencelah boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Ada yang hendak mencelah, bolehkah? Silakan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa terharu juga dan sedih kerana hampir setiap kali Dewan bersidang kita mendengar sahabat kita ini membangkitkan perkara yang sama di dalam dan di luar Dewan, sedangkan sudah ada pihak-pihak yang bertanggungjawab yang memberi keputusan. Di Dewan yang mulia ini pun, saya sendiri pun mendengar jawapan-jawapan dari pihak kementerian yang terbabit bahawa tindakan susulan akan dilakukan tetapi hari ini nampaknya Yang Berhormat Dato' Boon Som masih lagi mengutarakan isu yang sama.

Jadi saya rasa ini masalah implementasi dan kita - Sebelum saya bertanya apa cadangan yang seterusnya daripada Yang Berhormat, saya rasa kita kena ambil satu ketetapan juga di Dewan yang mulia ini. Kalau di Dewan yang mulia ini kita telah berjanji, telah bersetuju untuk membuat sesuatu, kenapa masih lagi tidak dilakukan. Jadi seolah-olah kita jadikan ini satu gelanggang untuk menjawab soalan dan setakat di situ sahaja. Di sinilah sepatutnya pegawai-pegawai di kementerian-kementerian bertanggungjawab mengambil dan memandang serius tentang apa juga komitmen yang dilahirkan di dalam Dewan yang mulia. Itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya harap pihak kementerian akan memandangkan hal ini dengan lebih serius ya. Teruskan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang amat bersetuju dengan apa yang rakan saya Yang Berhormat Dato' Najeeb. Memang layaklah beliau menjadi Presiden Kelab Persatuan Senator ini yang memperjuangkan hak untuk Senator... [*Tepuk*] Bukan itu sahaja, permohonan untuk menukar istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam dalam kad pengenalan dan surat beranak juga masih belum selesai walaupun arahan dan penguatkuasaan penggunaan istilah Siam dalam surat beranak dan kad pengenalan sudah dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara mulai bulan Jun 2009. Proses dan prosedur hanya untuk menukar istilah itu sahaja cukup rumit dan menyusahkan. Misalnya permohonan perlu mengangkat sumpah, mengisi tiga jenis borang melalui proses siasatan terhadap latar belakang termasuk ibu bapanya serta mengemukakan surat mati ibu bapa jika ibu sudah meninggal. Bagaimanapun, yang peliknya proses dan prosedur pertukaran istilah ini pun berbeza mengikut negeri misalnya di jabatan...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh, boleh saya...

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Data tentang per kapita *income* masyarakat Siam di Malaysia. Selain itu, saya hendak tanya ada tidak dalam pegangan Yang Berhormat Dato' Boon tentang masyarakat Siam yang mempunyai *dual citizenship*. Saya dengar ini berlaku bahawa ada masyarakat orang Siam sekali gus mempunyai *citizenship* di Malaysia dan Siam. Jadi dengan status itu barang kali lebih bagus rasanya, di sini dapat di sana pun dapat. Jadi hendak tahu itu sahaja. Saya rasa data ini perlu juga diambilkan.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Dato' Firdaus. Bila saya sejak saya jadi Senator ini saya cuba juga menyiasat tentang perkara ini di Kedah, Kelantan dan Perlis tetapi saya belum berjumpa lagi yang mempunyai *dual citizen*. Mungkin dia orang sembunyi, jadi saya tidak boleh bagi data...  
[Ketawa] Terima kasih.

Bagaimanapun, yang peliknya proses dan prosedur pertukaran istilah ini pun berbeza mengikut negeri. Misalnya di Jabatan Pendaftaran Negeri Kedah, permohonan tidak perlu melakukan semua prosedur berkenaan, hanya perlu membawa kad pengenalan di kaunter untuk membuat pertukaran istilah berkenaan. Inilah sepatutnya yang berlaku kerana mereka bukan hendak memohon kewarganegaraan.

Kerumitan dan perbezaan proses dan prosedur bukan sahaja mengelirukan orang ramai tetapi juga boleh memberi gambaran yang kurang baik kepada Kerajaan Barisan Nasional amnya dan Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Pendaftaran Negara khususnya. Tambahan pula isu penggunaan bangsa Thai di dalam kad pengenalan dan surat beranak bukanlah kesilapan masyarakat Siam sendiri sebaliknya berpunca daripada penggunaan yang dibuat oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara sendiri tanpa merujuk dan berbincang dengan pemimpin masyarakat Siam terlebih dahulu.

Begitu juga dengan permohonan untuk mendapatkan taraf sebagai warganegara Malaysia bagi masyarakat Siam juga yang memegang kad pengenalan merah dalam jawapan bertulis kepada soalan lisan yang pernah saya kemukakan di Dewan yang mulia ini pada 25 April 2011. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein menyatakan berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 21 April 2011 lalu, seramai 7,817 rakyat Malaysia berketurunan Siam masih lagi memegang kad pengenalan merah. Ini bermakna mereka masih lagi memegang status penduduk tetap.

Kebanyakan pemegang kad merah ini sudah berusia lebih 70 tahun. Usaha untuk membantu dan menyelesaikan masalah ini nampaknya menghadapi jalan buntu kerana Jabatan Pendaftaran Negara mensyaratkan supaya permohonan berkenaan mengemukakan sijil perkahwinan. Malangnya ketika mereka berkahwin 40-an atau 50-an dahulu tidak ada sistem pendaftaran perkahwinan, dengan itu mereka tidak mempunyai sijil yang dikehendaki itu. Sebenarnya mereka lahir dan berkeluarga serta bermastautin di negara ini sejak turun-temurun lagi, sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Bahkan kesetiaan mereka terhadap negara ini termasuk menyokong Barisan Nasional tidak pernah berbelah bagi. Mereka adalah rakyat yang setia kepada negara Malaysia dulu, kini dan selamanya.

Soalannya, mengapa masalah-masalah ini lagi berlarutan? Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Pelajaran yang mengotakan apa yang dikatakan.

■1840

Misalnya pada sesi 2012/2013, Kementerian Pelajaran telah menawarkan tempat kepada 35 pelajar keturunan Siam mengikut kursus matrikulasi. Jumlah ini adalah yang tertinggi setakat ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia serta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah memasukkan istilah bumiputera Siam di dalam borang permohonan mereka. Langkah mengotakan apa yang dikatakan oleh Kementerian Pelajaran USM dan PTPTN ini sepatutnya dicontohi oleh agensi pelaksanaan yang lain. Janganlah mencemari Dewan yang mulia ini dengan memberi jawapan-jawapan yang tidak dikotakan. Janganlah memberi jawapan sewenang-wenangnya kerajaan dan Perdana Menteri telah melakukan yang terbaik. Akan tetapi kerana kelemahan dalam pelaksanaan menyebabkan orang marah kepada kerajaan dan Perdana Menteri.

Saya juga berterima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang bersama kita hari ini. Telah melantik dua pegawai Siam, Pegawai Perpaduan dan Integrasi Masyarakat Siam di kedua-dua buah negeri iaitu di Kedah dan di Kelantan. Jadi saya meminta supaya panjangkan lagi pelantikan di Perlis, di Pulau Pinang dan di Hulu Perak. Terima kasih Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan merupakan satu sektor pertumbuhan ekonomi negara yang telah menyumbang hampir 12% kepada Keluaran Negara Kasar. Jumlah pendapatan sektor ini dijangka meningkat kepada RM62 bilion pada tahun ini. Kerajaan akan mengadakan Program Tahun Melawat Malaysia pada 2013 dan 2014 dengan sasaran melancong seramai 26.8 juta orang. Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong asing usaha perlulah dilipat gandakan untuk mempromosikan Malaysia di luar negara. Walaupun kita mempunyai pelancongan Malaysia di banyak negara, adakah rakyat asing benar-benar mengenali Malaysia?

Berdasarkan pengalaman saya sewaktu terkandas selama seminggu di New York kerana menghadiri Mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu ketika bandar raya dilanda oleh taufan Sandy. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memilih saya dan rakan-rakan saya untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat yang amat penting bagi dunia. Ramai rakyat mereka di bandar raya itu tidak mengetahui di mana Malaysia kecuali Singapura dan Bangkok ataupun Phuket kerana kurangnya promosi dan hebahan mengenai Malaysia di sana. Bahkan tidak ada pesawat MAS yang terbang di New York sedangkan pesawat dari negara-negara lain berpusu-pusu terbang ke sana.

Syarikat penerbangan negara jiran kita *Singapore Airlines* hanya menyediakan khidmat kelas perniagaan bagi penerbangan terus ke New York sebanyak dua kali sehari. Saya difahamkan tempahan untuk menaiki pesawat kelas perniagaan itu sentiasa penuh. Sebab itu tidak hairanlah pelancong di New York lebih mengenali Singapore, Phuket, Bangkok berbanding Kuala Lumpur. Kalau kita betul-betul

serius hendak memajukan sektor pelancongan di negara ini kita agensi pelaksanaan berkaitan sektor ini hendaklah menggiatkan promosi, hebahan serta perkhidmatan mereka di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini kerajaan mengutamakan kesejahteraan rakyat ketika kerajaan mengambil bahagian untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan individu dalam usaha meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah. Di tambah dengan pelbagai bantuan lain seperti bantuan persekolahan, baucar buku dan Bantuan Rakyat 1Malaysia. Kos sara hidup terus meningkat berikutan peningkatan harga barang-barang keperluan. Sama ada kita sedar atau tidak barang keperluan seperti susu bayi dan kanak-kanak turut meningkat sedangkan susu diperlukan untuk pertumbuhan dan pembesaran bayi dan kanak-kanak meningkat harga secara mendadak. Ini tidak selaras dengan hasrat kerajaan yang mendasarkan kesihatan sebagai asas kesejahteraan rakyat.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan mencari jalan menyelesaikan masalah ini kerana ia adalah barang keperluan untuk bayi dan kanak-kanak terutama sekali bagi ibu-ibu yang bekerja. Contohnya susu *branded* dengan izin, seperti *Enfagrow*. Pada tahun lepas harganya hanya RM78 tahun ini meningkat sampai RM108 untuk satu tin. Manakala di negara jiran kita di Thailand seberang sempadan, menjual dengan harga RM67 untuk setin. Jadi bezanya terlampau tinggi hampir 40%. Jadi saya minta Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan ini untuk menyasat perkara ini supaya syarikat-syarikat yang *supply* susu ini supaya menurunkan harga yang berpatutan kerana ia adalah barang keperluan. Ini kerana seperti ibu-ibu yang bekerja kepada mereka yang baru keluar, isteri yang baru bekerja memang ini membebankan kepada mereka yang melahirkan anak, yang baru melahirkan anak. Harganya terlalu mahal, bahkan yang paling murah adalah susu *Dutch Lady* hanya berharga RM38 sekarang.

Dalam Bajet 2013 baru-baru ini telah diumumkan pengurangan 20 sen subsidi ke atas gula sekilogram mulai 29 September 2012 dan subsidi 34 sen lagi ke atas gula masih ditanggung kerajaan melibatkan RM278 juta. Saya berpandangan rakyat amat beruntung kerana kerajaan mengamalkan langkah memberi subsidi kepada barangan keperluan seperti gula, minyak masak, petrol dan diesel. Sungguhpun subsidi jika dilihat dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Namun apa yang mengecewakan apabila ada individu tamak dan tidak bertanggungjawab bertindak menyeludup barang-barang subsidi itu ke negara jiran menyebabkan rakyat tempatan yang sepatutnya menikmati pemberian tersebut dinafikan hak mereka.

Penyeludupan barangan daripada negara luar seperti senjata api, mercun, kosmetik dan makanan yang mengandungi kimia berbahaya pula mengancam keselamatan rakyat negara ini. Memang sukar sekali untuk membendung aktiviti penyeludupan yang sudah berakar umbi dalam kehidupan masyarakat terutama mereka yang tinggal di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand. Antara laluan penyeludup popular ialah Padang Besar di Perlis, Bukit Kayu Hitam di Kedah, Pangkalan Hulu di Perak serta Rantau Panjang, Pasir Mas dan Pangkalan Kubur di Kelantan. Dalam masa sama

kawasan sempadan dengan Indonesia, Filipina dan Brunei tidak terlepas menghadapi masalah tersebut. Aktiviti haram ini memang sukar dibendung apatah lagi apabila berlaku perkembangan teknologi semasa memudahkan penyeludup berkomunikasi dan menggunakan kaedah canggih untuk mengaburi kegiatan mereka. Saya harap agensi penguat kuasa seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Kastam, Imigresen dapat mengambil tindakan sewajarnya kerana isu penyeludupan yang berlaku di sempadan jika tidak ditangani ia akan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masih banyak lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Ada lagi dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi. Satu minitlah.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Boleh memberikan kesan terhadap ekonomi dan sosial tetapi turut mengancam keselamatan negara. Ini pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, banyak dia punya rintangan... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruslah Yang Berhormat, teruslah.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya sendiri ketika saya melawat kampung Siam di Pangkalan Hulu. Gula di Pangkalan Hulu tidak ada masa itu tetapi apabila pergi di sempadan gula di sempadan Thailand banyak. Jadi harganya RM3.50 sekilo jadi orang Pangkalan Hulu ini membeli gula daripada sana untuk menampung kegunaan mereka di sini. Jadi maknanya penyeludupan itu berleluasa. Begitu juga saya pergi ke Langkawi minyak masak tidak cukup. Jadi masalah penyeludupan itu kita tidak terbendung, penguatkuasaan kita adalah agak lemah dalam perkara ini. Jadi saya mintalah kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap perkara ini supaya wang kita tidaklah, subsidi kita berbilion-bilion ringgit itu tidaklah dibuang begitu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya fikir gulunglah Yang Berhormat.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Okey saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, semua teguran yang saya berikan atas hasrat hati yang ikhlas untuk memastikan hasrat Perdana Menteri, untuk memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat menjadi kenyataan. Saya percaya rakyat berbilang kaum di negara ini telah membuat keputusan yang telus, telah membuat keputusan untuk terus memberi sokongan mereka kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana yang kita perlukan sebenarnya bukanlah menukar kerajaan tetapi perubahan di dalam kerajaan dan semua ini telah dilakukan oleh Perdana Menteri menerusi program transformasi yang telah dilaksanakan selama ini. Perdana Menteri kita sebenarnya adalah pemimpin yang benar-benar empati dengan keadaan rakyatnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham, silakan Yang Berhormat.

## ■1850

## 6.50 ptg.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, kita tinggal 10 minit sebelum Mesyuarat ditangguhkan. Sebenarnya ada banyak juga perkara yang ingin saya sampaikan tetapi kerana faktor masa, saya akan cuba singkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama itu.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Tak apa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dahulu tentang Kepala P.62, Belanjawan 2013 berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kita melihat trend belanjawan sejak lima tahun kebelakangan ini khususnya untuk kementerian ini ialah peningkatan kepada peruntukan belanja mengurus dan penurunan yang ketara kepada peruntukan untuk belanja pembangunan. Daripada data yang diberikan oleh Parlimen, peningkatan untuk belanja mengurus ialah 8.17% manakala penurunan belanja pembangunan 19.6%. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tahap keseriusan kementerian dalam memberikan tumpuan kepada persoalan pembangunan, kaedah-kaedah mencegah perlakuan jenayah, meningkatkan soal keselamatan dan keamanan dalam negara.

Rekod kita sebenarnya dalam soal pencegahan jenayah tidaklah sehebat mana. Kita tengok di dada akhbar hari ini terlalu banyak kes-kes perlakuan jenayah yang kadangkala terlalu kejam. Hari ini surat khabar melaporkan di Gombak, seorang lelaki berbangsa India ditembak mati sepuluh das. Dia baru keluar daripada tahanan, sedang cuba untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat, ditembak ketika mengambil teman wanitanya sebanyak sepuluh das oleh sekumpulan gengster *in public*, di khalayak ramai dan sehingga setakat ini masih belum ada sebarang tangkapan dilakukan. *Daylight murder*, ini bukan satu tapi banyak kes pembunuhan yang melibatkan perebutan kawasan gengsterisme di negara ini. Banyak juga kes pembunuhan yang tidak dapat diselesaikan dilakukan oleh pembunuh-pembunuh ataupun penembak-penembak upahan luar negara yang selepas menembak, selepas membunuh, lari keluar negara dengan mudah sekali.

Kerana itu saya katakan tadi bahawa kita mengambil pendekatan yang agak kurang cerdik bila kita meningkatkan belanja mengurus dan kita menurunkan belanja pembangunan. Sepatutnya kita tumpukan kepada belanja pembangunan bagi memastikan kawalan dan pencegahan jenayah ini dilakukan dengan lebih baik. *Preventive action* itu lebih penting daripada menyiasat perkara atau jenayah yang sudah berlaku. Saya nak menyebut data, data ada di tangan semua orang tetapi saya ingin sekadar menyebut bahawa kita tidak mahu rakyat negara ini terus dihantui dengan masalah jenayah yang tidak dapat diselesaikan. Semua kita akan kena. Berlaku pembunuhan orang politik, saya ambil contoh di Lunas tahun 2000 sehingga hari ini tidak boleh diselesaikan. Macam-macam cerita ikut belakang tentang pembunuhan tersebut tetapi tidak ada penangkapan sehingga hari ini.

Pembunuhan kanak-kanak, jenayah seksual yang keterlaluan, penderaan berlaku dan ianya terpampang di dada akhbar tanpa penyelesaian yang tuntas dan yang benar-benar mampu memberikan

rasa selamat kepada kita. Kerana itu kita minta kementerian fokus semula objektif bajet-bajet ini digunakan. Saya teringat saranan atau cadangan Bekas Ketua Polis Melaka kalau tidak silap saya namanya Datuk Mat Zain. Dia kata dulu, saya tengok di sini ada di bawah Kepala Risikan Keselamatan berlaku peningkatan belanja untuk risikan, untuk keselamatan. Dia beritahu kita dalam kenyataannya dalam satu temu ramah, dulu soal keselamatan negara ini perlu banyak soal risikan keselamatan kerana kita berhadapan dengan ancaman komunis, ancaman subversif, ancaman luar yang mengancam keselamatan negara ini tetapi hari ini sudah jauh berbeza. Kenapa masih terlalu banyak peruntukan diberikan kepada cawangan khas. Menambah pegawai-pegawai cawangan khas sedangkan peruntukan itu sepatutnya ditambah kepada pegawai-pegawai daripada unit jenayah terutamanya jenayah berat dan terancang.

Beliau sarankan untuk Polis Diraja Malaysia, untuk Kementerian Dalam Negeri, alihlah tumpuan itu daripada merisik, daripada mengambil kira sangat tentang soal orang politik kepada tambah peruntukan itu, dialihkan daripada segi bajetnya dan pegawainya kepada unit jenayah yang hari ini sering mengadu hal terlalu banyak beban kerja. Saya berhadapan dengan banyak kes jenayah di mahkamah dan saya sering berbincang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sikit?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya bukan apa Yang Berhormat, saya masa sikit dan esok saya tak ada. Tinggal tiga minit sahaja.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Tak boleh?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tak boleh, kita mencelah minggu depan. Terlalu banyak perkara ditumpukan untuk merisik orang politik. Kita perlu *crime preventive action* yang lebih keras untuk meningkatkan tahap kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Dengan izin, *perception of* rasa tidak selamat itu semakin hari semakin bertambah walaupun saya harus puji langkah kerajaan yang mana dulu pernah dibentangkan oleh menteri yang berkenaan, Datuk Idris Jala untuk mengambil perhatian tentang soal meningkatkan rasa selamat rakyat tetapi sebaliknya berlaku mungkin kerana pihak kementerian tidak mengarahkan cara perbelanjaan itu harus diuruskan. Kita tambah pegawai, kita tambah gaji, tambah emolumen tetapi kita tidak lakukan yang sebaiknya untuk memastikan keselamatan rakyat kita terjaga.

Saya juga ingin menekankan tentang kegagalan kita untuk menapis pekerja luar, menapis pelajar luar yang masuk ke negara ini tidak ada *security checking* terhadap latar belakang mereka. Kerana itu kita melihat peningkatan daripada tahun ke tahun jenayah yang dilakukan oleh orang luar dalam negara ini dan kesannya kepada masyarakat kita, anak-anak kita, keluarga kita dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu kita minta tolong fokus semula tumpuan perbelanjaan kepada soal keselamatan. Banyak lagi perkara yang kadang-kadang kita risau bercampur baur antara soal benar-benar keselamatan negara atau sekadar persepsi. Saya masih ingat kenyataan Menteri yang berkenaan, Kementerian Dalam Negeri bahawa ada dakwaan pembangkang diresapi oleh unsur komunis

dan Jemaah Islamiah ataupun keganasan yang kita dok baca di surat khabar. Kita minta jangan sekadar sebut untuk mendapat tarikan politik atau menakut-nakutkan orang. Bagi terus data, kalau ada pemimpin pembangkang yang diresapi komunis atau dipengaruhi oleh agenda keganasan, bagi tahu terus. Jangan kata kerajaan, kami pun nak tangkap kerana kita nak negara ini, amalan politik negara ini amalan yang beradab, bersopan dan mematuhi nilai ketimuran...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya banyak lagi tetapi kerana masa tak cukup, saya cuma nak menyentuh satu kementerian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung esok, saya bagi Yang Berhormat masa lagi esok. Lima minit? Sepuluh minit?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Boleh lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit ya?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Lima minit kerana saya tak ada esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cepatlah Yang Berhormat ya, cepat. Satu minitlah saya bagi. Cepatkanlah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Baik, ya. Cuma kita minta pihak kementerian bertanggungjawab, pihak Menteri bertanggungjawab atas segala kenyataan. Jangan sekadar sebut untuk menakut-nakutkan rakyat kerana persoalan politik persoalan yang berbeza dengan persoalan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh sedikit ialah tentang soal Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Saya melihat di sini ada butiran khusus kepada Syarikat 1Malaysian Development Berhad.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingat kita dah buat usul tadi jadi kita terpaksa *commit* dengan usul kitalah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, saya bagi dia satu minit sahaja lagi. Gulunglah Yang Berhormat, gulungkan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya faham keperluan untuk balik awal. Walau bagaimanapun, saya secara asasnya bersetuju untuk belanjawan ini diluluskan cuma minta agar kerajaan menukar fokus terutama dalam soal belanja mengurus dan belanja pembangunan. Akhirnya kita mahu perubahan yang kekal dan kebaikan untuk seluruh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini terpaksa kita tangguhkan sekarang hingga jam 10 pagi hari Khamis, 6 Disember 2012.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.01 malam]**